# PERSPEKTIF ILMU KOLONIAL TENTANG HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT DI TANAH MELAYU: ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH

HALIM @ AB. HALIM BIN ISMAIL

University of Malaya

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

# PERSPEKTIF ILMU KOLONIAL TENTANG HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT DI TANAH MELAYU: ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH

**HALIM @ AB. HALIM BIN ISMAIL**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2018**

University of Malaya

**UNIVERSITI MALAYA**
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **HALIM @ AB. HALIM BIN ISMAIL**
No. Matrik: IGA **150078**
Nama Ijazah: SARJANA SYARIAH Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/ Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

**PERSPEKTIF ILMU KOLONIAL TENTANG HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT DI TANAH MELAYU: ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH**

Bidang Penyelidikan: FIQH

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh:

Nama: Dr Rahimin Affandi bin Abdul Rahim.
Jawatan: Profesor Madya

University of Malaya

**PERSPEKTIF ILMU KOLONIAL TENTANG HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT DI TANAH MELAYU : ANALISIS TERHADAP KARYA-KARYA TERPILIH**

## ABSTRAK

Kedatangan kolonial British ke Tanah Melayu telah menyumbang kepada pembinaan korpus keilmuan tentang agama dan budaya masyarakat timur. Ia boleh dinamakan sebagai ilmu kolonial. Namun begitu, pendekatan yang digunapakai oleh sarjana kolonial berasaskan paradigma *euro-centric* telah menghasilkan perspektif berbeza terhadap kebudayaan dan pola keagamaan masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpati secara khusus perspektif ilmu kolonial terhadap budaya dan hukum Islam yang diamalkan dalam masyarakat Melayu melalui karya-karya sarjana kolonial secara terpilih. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan perpustakaan sepenuhnya dengan merujuk karya sarjana kolonial di Tanah Melayu, misalnya karya Raffles, Wilkinson, Winstedt dan Swettenham. Karya-karya ini dianalisis secara kandungan dengan pengenalpastian terhadap tema-tema terpilih dalam isu berkaitan dengan budaya Melayu dan hukum Islam. Hasil kajian mendapati pandangan mereka dalam korpus keilmuan yang dipanggil sebagai ilmu kolonial sarat dengan elemen negatif terhadap budaya dan masyarakat Melayu yang mana ia menjadi asas kepada pendekatan mereka sebagai duta peradaban dan ketamadunan (*ambassadors of civilization*) yang terbeban di bahu mereka (*the white men's burden*) dalam siri penjajahan Tanah Melayu. Justeru, ilmu kolonial perlu dinilai semula agar citra positif budaya dan hukum Islam di Tanah Melayu terpelihara dengan baik.

University of Malaya

**COLONIAL PERSPECTIVES ON ISLAMIC LAW AND SOCIETY IN MALAY STATES : AN ANALYSIS ON SELECTED WORKS**

## ABSTRACT

The arrival of the British colonial to Malay States has contributed to the construction of a scientific corpus on the religion and culture of the eastern society. It can be named as colonial knowledge. However, the approach adopted by colonial scholars based on the euro-centric paradigm has resulted in a different perspective on the cultural and religious patterns of the Malay Muslim community in Malay States. In this regard, the study was conducted to specifically identify the colonialist perspective on Islamic culture and law practiced in Malay society through selected colonial masterpieces. To achieve these objectives, this qualitative study uses the full library approach by referring to colonial masterpieces in Malay States, such as Raffles, Wilkinson, Winstedt and Swettenham. These works are analyzed in content with identification of selected themes in issues pertaining to Malay culture and Islamic law. The findings suggest that their views in the science corpus called colonial knowledge are full of negative elements towards the culture and the Malay community, which are the basis of their approach as ambassadors of civilization that are on their shoulders (the white men's burden) within a colony of Malay States. Hence, colonial knowledge needs to be re-evaluated so that the positive image of Islamic culture and law in Malay States is well-preserved.

University of Malaya

# PENGHARGAAN


بِسْمِ اللهِ الرَّحْمنِ الرَّحِيمِ

الحمدالله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد،

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Segala puji bagi Allah atas limpah kurnia rahmat dan inayahNya, akhirnya dapat disiapkan disertasi ini demi manfaat bersama. Segala ujian dan dugaan dalam penghasilan kajian ini memberi makna yang tersirat dan mendalam dalam hidup pengkaji.

Pertama sekali pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia, Prof Madya Dr Rahimin Affendi Bin Abdul Rahim atas galakan, idea, tunjuk ajar, bimbingan dan dokongan yang diberikan. Sesungguhnya bagi pengkaji, disertasi ini adalah apresiasi khas untuk beliau yang tanpa jemu-jemu membimbing penulis sehingga berjaya. Tidak dilupakan penghargaan ini ditujukan buat Dr Mohd Anuar bin Ramli yang sentiasa memberikan panduan dan tunjuk ajar yang berharga. Buat semua pensyarah yang pernah mendidik diri ini, khususnya semua pensyarah di Jabatan Fiqh & Usul dan pensyarah di Akademi Pengajian Islam umumnya, terima kasih kerana sudi mencurahkan ilmu kalian. Tidak ketinggalan juga semua kakitangan Jabatan Fiqh & Usul serta Bahagian Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam,


University of Malaya

Universiti Malaya di atas segala bantuan dan dorongan. Penghargaan juga pengkaji ingin tujukan kepada pengarah dan kakitangan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Pihak yang menunjukkan jalan kepada pengkaji untuk mengkaji ilmu kolonial dan meminjamkan kepada pengkaji bahan-bahan rujukan yang sangat berharga.

Khusus buat bonda Sabariah Binti Abdullah, ayahanda Ismail bin Ahmad, kakak dan adik-adik. Tidak lupa isteri tercinta Zurina Binti Mohamed Noor, anak-anak tersayang Eizzatun Najiha, Eizzatul Husna, Eizzatus Sofea, Eizzul Hakim dan Eizzul Hafiz. Insan-insan di masa susah dan senang. Kalian adalah sumber inspirasi dan terima kasih atas segala-galanya.

Akhirnya, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua yang turut membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga segala bantuan yang diberikan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT.

**HALIM @ AB. HALIM BIN ISMAIL**

**Machborn@yahoo.com**

20 Disember 2017

University of Malaya

# JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK .......... iv

ABSTRACT .......... v

PENGHARGAAN .......... vi

JADUAL KANDUNGAN .......... viiiiii

SENARAI KEPENDEKAN .......... xi

**BAB SATU: PENDAHULUAN**

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian .......... **Error! Bookmark not defined.**

1.2 Persoalan Kajian .......... 7

1.3 Objektif Kajian .......... **Error! Bookmark not defined.**

1.4 Kepentingan Kajian .......... 8

1.4 Skop Kajian .......... 9

1.5 Sorotan Kajian Lepas .......... 10

1.6 Metodologi Kajian .......... 33

**BAB DUA : KONSEP ILMU KOLONIAL**

2.1 Pengenalan .......... 36

2.2 Konsep Asas Ilmu Kolonial .......... 36

2.3 Asas Falsafah Kolonialisme .......... 38

2.4 Asas Falsafah Ilmu Kolonial .......... 42

2.5 Tujuan Ilmu Kolonial .......... 52

University of Malaya

2.6 Pembentukan Ilmu Sains Kolonial di Tanah Melayu .................................... 60

2.7 Dasar Pecah dan Perintah ........................................................................ 64

2.8 Pendekatan Penilaian Ilmu Kolonial Di Malaysia ........................................ 69

2.9 Perkembangan Tren Akademik Anti Penjajahan Barat Selepas Merdeka ....... 70

2.10 Kesimpulan ........................................................................................ 77

**BAB TIGA: METODOLOGI PEMBINAAN ILMU KOLONIAL**

3.1 Pengenalan.................................................. **Error! Bookmark not defined.**8

3.2 Metodologi Pembinaan ................................ **Error! Bookmark not defined.**9

3.3 Pengukuhan Ilmu Kolonial Dalam Dunia Akademik**Error! Bookmark not defined.**92

3.4 Kesinambungan Ilmu Kolonial Dengan Orientalis Moden............................ 97

3.5 Hubungan Ilmu Kolonial dan Orientalis Moden ........................................ 100

3.6 Kesimpulan ........................................................................................ 103

**BAB EMPAT : ANALISIS PERSPEKTIF ILMU KOLONIAL TENTANG HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT MELAYU**

4.1 Pengenalan........................................................................................ 105

4.2 Analisis Perspektif Ilmu Kolonial............................................................ 106

4.3 Jawapan Terhadap Pandangan Sarjana Kolonial Tentang Islam Dan Melayu132

4.4 Jawapan Terhadap Isu Hukum Islam ........................................................ 135

4.5 Kesimpulan ........................................................................................ 161

University of Malaya

**BAB LIMA : PENUTUP**


5.1 Pengenalan............................................... **Error! Bookmark not defined.**162

5.2 Rumusan Kajian............................................................................. 163

5.3 Dapatan Kajian ............................................................................. 166

Cadangan Kajian Lanjutan ................................................................ 179

5.5 Kesimpulan.................................................................................. 179

**BIBLIOGRAFI**

**LAMPIRAN**


University of Malaya

# SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|---|---|---|
| Abd. | : | ‘Abdul |
| APIUM | : | Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya |
| c. | : | Cetakan |
| *eds.* | : | Lebih dari tiga editor |
| *et al.* | : | Lebih dari tiga penulis |
| h. | : | Halaman |
| *Ibid.* | : | *Ibidem* (pada rujukan yang sama) |
| IPT | : | Institut Pengajian Tinggi |
| jil. | : | Jilid |
| juz. | : | Juzuk |
| no. | : | Nombor |
| RM | : | Ringgit Malaysia |
| RBS | ; | *The Royal Batavian Society* |
| RA | : | *Radiyallahu ‘Anhu* |
| SAW | : | *Sallallahu ‘Alayhi wa Sallam* |
| SBRAS | : | *The Straits Branch Of The Royal Asiatic Society* |
| SWT | : | *Subhanahu wa Ta‘ala* |
| SITC | : | *Sultan Idris Teaching College* |
| S | : | Soalan |
| terj. | : | Terjemahan |
| t.t | : | Tanpa Tahun |
| t.t.p | : | Tanpa Tempat Penerbitan |

University of Malaya

# BAB SATU

# PENDAHULUAN

## 1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Kolonialisme telah meninggalkan kesan yang besar terhadap negara yang dijajah. Antara warisan yang ditinggalkan adalah kajian-kajian yang berkaitan dengan budaya dan hukum Islam. Di Tanah Melayu khususnya terdapat berbagai karya sarjana Barat yang ditulis tentang budaya Melayu dan hukum Islam. Antara sarjana tersebut adalah Raffles (1781 – 1826), Wilkinson (1867 – 1941) , Skeat (1866 – 1953) , Winstedt (1878 – 1966). Karya mereka telah membentuk korpus keilmuan yang dipanggil sebagai ilmu kolonial. Ia mengandungi metodologi dan perspektif kolonial terhadap masyarakat Melayu dan hukum Islam.

Walaupun Malaysia telah merdeka tetapi dalam banyak hal, khususnya aspek keilmuan (epistemologi), perundangan dan pentadbiran masih lagi terjajah kerana tetap bergantung kepada warisan tinggalan kolonial British. Hal ini ditegaskan oleh ramai sarjana Malaysia, seperti Ahmad Ibrahim, Shamsul Amri, Syed Hussein Al-Attas, Mohd Hazim Shah. Realiti ini dijelaskan oleh Shamsul Amri Baharuddin;[1]

> " Kalau kita singkap kembali sejarah imperialism and kolonialisme barat kita akan bertemu dengan bukti jelas tentang peri pentingnya ilmu dan analisis sosial untuk pemerintahan. Misalnya, ilmu kolonial atau *colonial knowledge*, cukup penting untuk sesebuah kuasa imperialis mengasaskan kekuasaannya di kawasan jajahannya. Kalau kekuatan ketenteraannya membolehkan sebarang kuasa penjajah menakluki secara fizikal sesebuah ruang geo-politik, melalui ilmu kolonial pula penjajah tersebut mampu menakluki ruang epistemologi, iaitu ruang analisis pemikiran dan intelektual masyarakat peribumi yang dijajah. Bak aur dengan tebing, kedua-dua komponen tersebut, yang terdapat dalam proses penaklukan-penjajahan ini, tersulam satu dan sukar untuk dipisahkan."

---

[1] Shamsul Amri Baharuddin, " Oksidentalisme : Pengertian Dan Hala Tuju ", Dalam *Jurnal Pemikir*,(2004), 1-19.



University of Malaya

Selepas kebanyakan negara bekas tanah jajahan merdeka, ilmu kolonial dalam bentuk rekod British dan koleksi manuskrip Melayu-Islam ini telah menjadi bahan terpenting untuk mengetahui realiti sejarah Alam Melayu termasuklah isu Islam. Kupasan sarjana kolonial dianggap paling objektif di peringkat antarabangsa. Ini kerana mereka memiliki koleksi historiografi dan menguasai rangkaian jurnal-jurnal antarabangsa. Bahkan dalam banyak hal, idea dan pendekatan kajian ilmu kolonial telah diteruskan oleh sarjana moden selepas merdeka apabila menerangkan tentang Islam di Tanah Melayu.

Kajian etnografi tentang masyarakat Melayu yang diusahakan oleh sarjana pentadbir British telah dianggap sebagai kajian paling berprestij di peringkat antarabangsa. Ini kerana kajian mereka diterbitkan dalam jurnal akademik terawal iaitu jurnal *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (1877) yang memusatkan kajian tentang sains, sejarah dan kemanusiaan di dunia Eropah dan koloni British. Jurnal ini kemudiannya berubah nama menjadi *The Asiatic Society* yang pengedarannya meluas di seluruh dunia. Jurnal ini mendapat reputasi sebagai bahan kajian yang paling objektif di kalangan pengkaji aspek sains, sejarah dan kemanusiaan.

Jika dilihat kepada perspektif yang lebih kritikal, memang banyak daripada kajian jurnal ini yang salah dan penuh dengan *bias*. Namun begitu, kerana reputasi objektif yang dimiliki oleh kajian kolonial ini, pengkaji moden tentang Islam di Tanah Melayu telah menjadikan bahan milik kolonial ini sebagai rujukan utama.[2] Hal ini boleh dilihat kepada apa yang dilakukan oleh pengkaji Muslim dan barat seperti Iza R. Hussin, Hooker, Roff, Peter Riddel, Van Bruinessen dan ramai lagi.

[2] Iza R. Hussin, *The Politics Of Islamic Law : Local Elites, Colonial Authority, And The Making Of The Muslim State,* (Chicago :The University Of Chicago Press,2016), 21-37.



University of Malaya

Shamsul Amri menegaskan bahawa ilmu kolonial memang berperanan besar dalam membentuk ilmu masyarakat di Tanah Melayu selepas merdeka. Selepas merdeka, ilmu kolonial dalam bentuk terselindung diakui sebagai ilmu yang standard bagi menangani masyarakat Tanah Melayu dengan kerangka epistemologi *logico-positivism* sekular barat. Ia dianggap sebagai kerangka ilmu dalam bentuk analisis sumber asas dan analisis gejala sosial yang paling betul bertopengkan epistemologi ilmiah (bebas daripada kepentingan politik). Hal ini ditambah dengan koleksi historiografi (sumber dan manuskrip milik peribumi) yang dimiliki oleh negara bekas penjajah. Kesemua bahan-bahan ini kemudiannya turut memperkukuhkan binaan konsep asas genre orientalis dalam bentuk sumber praktikal undang-undang Islam dalam masyarakat Islam. Maknanya, andainya manuskrip awal Islam Timur Tengah menjadi bahan dan teoretikal asas untuk genre orientalisme, maka koleksi historiografi milik Alam Melayu menjadi bahan bukti tentang praktikal pelaksanaan Islam dalam masyarakat tanah jajahan.

Apabila berkembangnya doktrin pasca kolonial di tahun 1980an, pelbagai kajian dilakukan oleh sarjana Barat dan Islam sendiri untuk merekonstruksi ilmu kolonial dalam pelbagai bidang ilmu yang berkait dengan masyarakat tanah jajahan.[3] Pendekatan ini dilakukan dalam beberapa bentuk;

1. Pendekatan *Sabelturn studies* yang mendedahkan sejarah daripada golongan bawahan yang tertindas. Mereka memainkan peranan utama dalam perjalanan sejarah tetapi peranan mereka dilupakan kerana penulisan sejarah biasanya penuh dengan agenda kolonial dan feudal.[4]

---

[3] Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, (Kuala lumpur : DBP, 2005)

[4] Mohamad Saleeh Rahamad, Oksidentalisme Dalam Persuratan : Juzuk Penting Dalam Kajian Pascakolonial, *Pemikir*,(2007)



University of Malaya

2. Pendekatan pasca kolonialisme yang mencabar dan merekonstruksi ilmu dan sejarah yang ditulis oleh golongan kolonial.[5] Sebagai gantinya, sejarah daripada pandangan golongan terjajah didedahkan. Ia termasuk usaha merekonstruksi kesemua keilmuan yang dihasilkan oleh pihak kolonial Barat. Secara terang-terangan pengaruh *world-view* sekular kolonial telah diterapkan dalam keilmuan ini, samada ilmu sains sosial[6] ataupun ilmu sains tulen.[7]

3. Pendekatan *epistemologi-occidentalism* Islam. Ia mendedahkan kelemahan pendekatan kolonial-orientalism yang dipakai oleh sarjana barat. Sebagai gantinya, pendekatan ini menggunakan *world-view* Islam yang lebih holistik, bukannya secara tempelan semata-mata yang biasanya dilakukan oleh golongan sosialisme.[8] Pendekatan epistemologi Islam ini dicetuskan oleh Syed Naquib al-Attas. Ia menegaskan kita perlu melakukan analisis falsafah ilmu Barat yang mengandungi elemen ontologi (apa yang wujud), epistemologi (isu asal usul, dasar, metode dan batas ilmu) dan aksiologi (sistem nilai) terhadap pandangan *world-view* dan kognitif barat berasaskan *world-view* Islam. Usaha ini secara langsung memerlukan pemakaian pemikiran meta-kognitif dan usaha pendefinisian semula terhadap semua konsep yang dihasilkan oleh sistem kognitif Barat.[9] Mengikut Syed Naquib al-Attas, kita perlu memberikan definisi kita sendiri tentang ajaran Islam tanpa perlu bergantung dengan apa yang diberikan oleh orientalis barat.[10] Hal ini ditegaskan kerana kita mempunyai *world-view* kita tersendiri tentang agama Islam yang berasaskan kepada sumber wahyu dan akal terpimpin.[11] Secara induktifnya, kita boleh

University of Malaya

---

[5] Zawiah Yahya, *Resistemting Colonialist Discourse*, (Bangi : Penerbit UKM, 1994)
[6] Mohd Hazim Shah Abdul Murad, " Epistemology Colonial : Satu Analisistem Ciri Dan Kesannya ", Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pasca kolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, (Kuala Lumpur: DBP), 91-92
[7] Mohd Hazim Shah, Historicizing Rationality : The Transmission Of Rationality And Science To The Malay States Under British Rule, dalam *Asian Journal Of Social Science*, 35,(2007), 216-241.
[8] Shamsul Amri Baharuddin, "Oksidentalisme: Pengertian Dan Hala Tuju", Dalam *Jurnal Pemikir*, (2004). 1-19
[9] Mohd Azhar Abd Hamid, *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia 2001), 98-116.
[10] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Aim And Objective of Islamic Education*, (Jeddah: University Of King,1979) ! Abdul Aziz, *Islam And Secularism*. (Kuala Lumpur: ISTAC, 2003) 123-124.
[11] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *The Concept Of Education In Islam: A Framework For An Philosophy Of Education. (*Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1980), 43.

memahami bahawa program Islamisasi ilmu pengetahuan yang diusulkan oleh Syed Naquib al-Attas dan Ismail Faruqi merupakan gagasan intelektual untuk menyaingi genre orientalisme Barat. Lagipun, golongan orientalis lebih merupakan *outsider* yang mengkaji dan memandang Islam dengan kaca mata yang sarat dengan bias sekularisme dan kepentingan Barat.[12]

Para kolonialis dalam mengumpul dan mengkaji undang-undang Islam Tanah Melayu menganggap ianya hanya sebagai bahan kajian untuk dikritik dan tidak relevan sebagai Undang-Undang zaman moden, berbanding dengan sistem Undang-Undang British yang dijalankan secara rasmi di Tanah Melayu.

Berasaskan latar belakang tersebut, kajian ini akan cuba menjelaskan tentang ilmu kolonial yang berkait dengan hukum Islam dengan meneliti beberapa karya terpilih. Berdasarkan karya tersebut, pengkaji akan meneliti perspektif sarjana Barat tentang masyarakat dan hukum Islam di Tanah Melayu. Ada beberapa masalah kajian berkaitan dengan perspektif ilmu kolonial tentang Hukum Islam dan budaya Melayu yang perlu dikaji :

1. Ilmu kolonial dibangunkan berasaskan e*urocentric*, iaitu kecenderungan mentafsirkan sesuatu berdasarkan kaca mata peradaban Barat.

2. Gambaran Ilmu kolonial tentang hukum Islam

i. Hukum Islam bertentangan dengan adat setempat.

Banyak kenyataan-kenyataan dari pihak kolonial yang menyatakan bahawa hukum Islam bertentangan dengan adat Melayu. .[13] Teori ini menegaskan bahawa adat

[12] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam And Secularism*,(2003) 162-163; Ismail Faruqi (1995), *Islamization Of Knowledge*, Herndon: IIIT, (1995) 35.
[13] Hooker, MB, Islamic Law in South East-Asia,( New York : Oxford University Press 1984), h 162

University of Malaya

tidak dipengaruhi oleh prinsip Islam.[14] Sikap yang anti adat dan menganggap kesemua adat Melayu berasal dari warisan pra-Islam yang bertentangan dengan Islam

ii. Hukum Islam dipengaruhi budaya Hindu.[15] ,

Pendekatan ilmu kolonial membabitkan hukum Islam dalam masyarakat Melayu lebih merujuk kepada modus operandi yang dijalankan oleh pihak British di India. Contohnya, tafsiran hukum Islam di Tanah Melayu selalu merujuk kepada karya teks hukum Islam yang diamalkan di India; Anglo-*Muhamadan Law*.[16]

iii. Hukum Islam faktor kemunduran masyarakat Melayu.[17]

Pihak kolonial mendakwa undang-undang Islam sebagai *barbarian* dan *out of date* yang menjustifikasikan pemakaian sistem undang-undang sivil British.[18] Dalam soal ini, mereka mengembar-gemburkan kebaikan sistem pengurusan British berbanding undang-undang Islam yang diperkenalkan oleh kuasa British.[19]

iv. Hukum Islam hanya berkait dengan *personal law*

Kandungan undang-undang Islam disempitkan hanya untuk menyelesaikan *personal Law* sahaja.[20]

3. Ilmu kolonial memperihalkan budaya Melayu

[14] Nurul Asmida Binti Saad (2015) *Pandangan MB Hooker Terhadap Adat Di Tanah Melayu : Analisis Terhadap Buku Islamic Law In South East Asia. (*Tesis Sarjana Untuk Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur,2015)

[15] Winstedt, R.O., The Malay : A Cultural History,( London : Routledge & Kegan Paul Ltd, 1961) 33 - 34

[16] Iza R. Hussin, *The Politics Of Islamic Law : Local Elites, Colonial Authority, And The Making Of The Muslim State,* (London : The University Of Chicago Press, 2016)

[17] Winstedt, R.O, *The Malays, a Cultural History.*( London: Routledge & Kegan Paul LTD 1950), h. 170-173

[18] Ibid

[19] Ibid

[20] Nurfadzilah Yahaya (2015), Craving Bureaucracy: Marriage, Islamic Law, and Arab Petitioners in the Straits Settlements, *The Muslim World*, Volume 105, Number 4,(2015), 508.



University of Malaya

i. Masyarakat Melayu tertutup.

Kebanyakan kolonialis memberikan gambaran yang negatif terhadap masyarakat dan orang Melayu. Bahkan mereka menyifatkan orang Melayu memang secara semulajadi adalah konservatif.[21]

ii. Masyarakat Melayu tidak bertamadun.

Pihak kolonial menyifatkan masyarakat melayu adalah masyarakat yang tidak bertamadun. Kedatangan mereka ke alam Melayu berjaya membawa perubahan yang mereka katakan sebagai *regeneration* kepada orang-orang melayu.[22]

iii. Masyarakat Melayu taat membuta tuli

Melayu disifatkan sangat taat kepada raja dan ketua secara membuta tuli. Masyarakat dan orang Melayu akan sentiasa tunduk dan patuh kepada semua perintah raja dan ketua mereka, tak lebih dan tak kurang.[23] Frank Swettenham mengungkapkan;

*"They will do behest of a raja or a chief because that is also is part of the tradition of loyalty, the injunction of the men of old time ; the responsibility is his, but they are willing to obey blindly, expecting that he will support them in the day of trouble, and prepared to sufferif that be necessary. To do otherwise would be drahka, treason, and the punishment for that crime is death and disgrace"*[24].

Ringkasnya kajian ini akan cuba menjelaskan tentang ilmu kolonial yang berkait dengan Hukum Islam dengan meneliti beberapa karya terpilih. Berdasarkan karya tersebut, pengkaji akan meneliti perspektif sarjana Barat tentang masyarakat dan Hukum Islam di Tanah Melayu.

## 1.2 Persoalan Kajian

[21] Frank Swetenham (1906), *British Malaya (1906) 141*
[22] *Ibid* 261
[23] *Ibid* 141
[24] *ibid*

University of Malaya

2. Apakah konsep ilmu kolonial ?
3. Apa tujuan dan bagaimanakah ilmu kolonial dibangunkan ?
4. Bagaimanakah perspektif ilmu kolonial tentang hukum Islam dan masyarakat di Tanah Melayu dalam karya-karya terpilih ?

## 1.3 Objektif Kajian

1. Mengkaji konsep ilmu kolonial.
2. Mengenalpasti metodologi pembinaan ilmu kolonial.
3. Menganalisis perspektif ilmu kolonial tentang hukum Islam dan masyarakat di Tanah Melayu dalam karya-karya terpilih.

## 1.4 Kepentingan Kajian

Sebagai sebuah negara bekas tanah jajahan British, tinggalan kolonial terlihat di mana-mana. Bukan hanya dalam bentuk bangunan-bangunan, warisan kolonial kelihatan masih melekat dalam sosio-budaya masyarakat Malaysia. Para kolonialis, selain dari menjadi pentadbir tanah jajahan, mereka juga diberi tanggungjawab untuk mengumpul segala maklumat untuk diproses bagi kelangsungan pentadbiran British. Dengan slogan untuk mentamadunkan masyarakat Tanah Melayu mereka berusaha merubah sistem dan nilai masyarakat.

Kini, setelah lebih setengah abad merdeka, sepatutnya kajian semula terhadap sistem, nilai dan semua perkara yang diperkenalkan British perlu dibuat. Kajian sebegini perlu untuk menilai mana yang baik dan buruk warisan kolonial British. Segala kajian boleh dimanfaatkan untuk membentuk jatidiri masyarakat Malaysia yang lebih baik.

University of Malaya

Kajian ini memfokuskan kepada perspektif ilmu kolonial tentang hukum Islam dan masyarakat di Tanah Melayu dengan membuat analisis terhadap karya-karya terpilih. Kajian ini sangat penting dibuat bagi menilai perspektif ilmu kolonial tentang hukum Islam dan masyarakat Tanah Melayu semasa penjajahan British. Dengan menilai perspektif mereka, kita akan dapat merangka langkah-langkah yang sesuai untuk memartabatkan lagi hukum Islam dan juga memelihara jatidiri masyarakat Malaysia sebagai sebuah negara Timur.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa perkara utama.

1. Tema pilihan ; Kajian metodologi ilmu kolonial serta pandangan kolonial tentang hukum Islam dan masyarakat di Tanah Melayu.

2. Bahan-bahan kajian yang dilakukan oleh sarjana pentadbir kolonial terpilih yang dikesan terlibat mengupas tentang isu masyarakat dan hukum Islam. Antaranya;

a. Raffles, Sir Thomas Stamford (1830). *The History of Java*. London: John Murray of Ablemarle-Street Press.

b. Skeat, Walter and C.O. Blagden. *The Pagan Races of the Malay Peninsula*. London: Macmillan, 1906.

c. Wilkinson, R.J. (1924), *Papers on Malay Subjects*. R.J. Wilkinson ed. Kuala Lumpur: J.L. Wallace at the F.M.S Government Press; ---(1902), "The Education of Asiatics." In *Special Reports on Educational Subjects:Education in Scandinavia, Switzerland, Holland, Hungary, &c.* London:Wyman and Sons Limited; ---(1906), *Malay Beliefs*. Leiden: E.J. Brill.

d. Winstedt, R.O. (1917) "Report on Vernacular and Industrial Education in the Netherlands East Indies and the Philippines", Nov. 5th, 1917. Colonial Office Reference 275/97. ; ---

(1937), *Right Thinking and Right Living*. London: Longmans, Green and Co; ---(1925), " Life and Customs. Part II." *The Circumstances of Malay Life. The Kampong.The House. Furniture. Dress. Food*. Kuala Lumpur: J.E. Wallace; --(1950), *The Malays, a Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul LTD; ---(1969), *Start fRom Alif and Count to One*. Kuala Lumpur: Otidak ford University Press.

e. F. Swettenham (1893), *About Perak,* Singapore; (1895), *Malay sketch*, Singapore dan (1955), *British Malaya***,** London.

3. Tahun pilihan - abad ke18-19. Penjajahan British di Tanah Melayu bermula pada abad ke-18 dan berakhir pada abad ke-20. Pemilihan Abad ke-18 dan 19 kerana ianya sangat signifikan dalam pembentukan ilmu kolonial di Tanah Melayu.

## 1.6 Sorotan Kajian Lepas

Usaha yang mengkaji ilmu kolonial yang terangkum dalam disiplin oksidentalism masih baru. Namun begitu, isu ini memang telahpun dikaji secara meluas oleh para sarjana moden, walaupun bukan dalam bentuk yang komprehensif. Kajian-kajian ini dapat diklasifikasikan kepada beberapa bentuk;

1. **Kajian Orientalis tentang Subjek Hukum Islam yang dihasilkan oleh Sarjana Barat**.

Antara karya awal tentang Islam ini adalah kajian Ignaz Goldziher (1850-1876),[25] Joseph Schacht (1904-1969) [26] dan Snouck Hurgronje (1857-1936). [27] Kesemua karya ini

[25] Ignaz Goldziher, *Introduction To Islamic Theology And Law*, terj. Andras dan Ruth Hamori,( Princeton: Princeton University Press, 1981).

[26] J. Schacht, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence, (*Oxford: Clarendon Press, 1950) :- *An Introduction to Islamic Law,* (Oxford: Clarendon Press, 1964)

[27] Ignaz Goldziher, *Introduction To Islamic Theology And Law*, terj. Andras dan Ruth Hamori, (Princeton: Princeton University Press,1981).



University of Malaya

menjadi bahan asas yang ditiru oleh sarjana barat yang terkemudian. Secara umumnya, karya-karya orientalism ini dapat dibahagikan kepada beberapa subjek utama;

i. Perundangan Islam.

Karya terawal adalah N. J. Coulson, Watt, Schacht dan Goldziher. Mereka mengkaji hukum Islam menggunakan *world-view* Barat bahawa hukum Islam adalah produk masyarakat Arab abad pertengahan yang ketinggalan zaman. Rasulullah pada dasarnya bertindak sebagai nabi mengikut perspektif sekular. Baginda mengajar aspek hubungan dengan tuhan semata-mata tanpa mampu membangunkan hukum Islam untuk mengatur hubungan sesama makhluk. Akibat ketiadaan asas hukum Islam ini, Sarjana Islam khususnya di zaman kerajaan Umaiyah dan Abbasiah terkemudian terpaksa membangunkan hukum Islam melalui proses peniruan dengan perundangan masyarakat Yahudi, Parsi dan Rom yang wujud sebelumnya. Hasilnya, N. J. Coulson berpendapat hukum Islam ini penuh dengan perbezaan pendapat yang kemudiannya memecahbelahkan umat Islam.[28] Goldziher menegaskan bahawa usaha awal membangunkan hukum Islam dimulakan oleh Daud Zahiri melalui mazhab Zahiri yang bergantung sepenuhnya pada tafsiran literal pada nas Quran dan Sunnah hingga menafikan fungsi akal. Keengganan menggunakan fungsi akal ini disedari oleh fuqaha sunni yang lain, sehingga fuaqaha awal berusaha membangunkan formula hukum Islam.[29] Schacht dan Watt menegaskan bahawa akibat tertarik dengan pencapaian tamadun Yahudi dan Rom, fuqaha awal Islam di zaman Umaiyah dan Abbasiyah telah meniru beberapa prinsip dan sumber hukum tamadun asing ini. Qiyas dan ijmak secara langsung ditiru daripada tamadun perundangan Yahudi dan Rom.

---

28 J. Schacht, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence,(* Oxford: Clarendon Press, 1950) :- *An Introduction to Islamic Law,(* Oxford: Clarendon Press, 1964)

29 Ibid

Teori peniruan daripada sumber asing ini kemudiannya telah mendorong lahirnya pelbagai teori lain. Kesemua teori ini menerangkan bahawa ajaran Islam sebenarnya tidak mempunyai rumusan yang bersifat hukum dan dikatakan telah diciplak daripada pengaruh budaya dan agama lain.[30]

Schacht telah melahirkan banyak tulisan mengenai hukum Islam baik dalam bentuk buku dan artikel-artikel yang dimuatkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa. Teori-teori yang dikemukakan berkaitan dengan hukum Islam boleh dilihat dalam dua karya; *The Origins of Muhammadan Jurisprudence*[31] dan *An Introduction to Islamic Law*[32]. Dua karya ini telah mempengaruhi sarjana Barat terkemudian yang meminati hukum Islam. Dalam *The Origins*, Schacht menekankan kajiannya terhadap perkembangan teori hukum selama zaman pembentukan hukum Islam. Buku ini dipecahkan kepada empat bahagian. Pada bahagian pertama (*The Development of Legal Theory*), Schacht menjelaskan sumbangan yang diberikan oleh Imam Shafi'i dalam perkembangan pemikiran hukum. Bahagian kedua (*The Growth of Legal Tradition*), ia memaparkan secara mendalam perkembangan tradisi hukum pada zaman sebelum Imam Shafi'i.

Manakala bahagian ketiga (*The Transmission of Legal Doctrine*), Schacht mengemukakan sejarah transmisi doktrin hukum bermula dari zaman akhir kekuasaan Bani Umayyah, di mana zaman inilah yang merupakan permulaan awal dari apa yang ia sebut sebagai jurispruden Muhammad (*Muhammadan Jurisprudence*). Sedangkan bahagian keempat bukunya (*The Development of the Technical Legal Thought*), menggambarkan metode pemikiran hukum dari beberapa ahli-ahli hukum Islam terkemuka. Setelah kemunculan karya Schacht di atas, telah muncul pelbagai komentar baik yang

[30]Patricia Crone and Michael Cook, **Hagarism : The making of the Islamic world**, (Cambridge : Cambridge University press, 1977), viii.
[31] J. Schacht, *The Origins of Muhammadan Jurisprudence, (*Oxford: Clarendon Press, 1950)
[32] Schacht, *An Introduction to Islamic Law*

berupa pujian mahupun kritikan. Makdisi contohnya, menegaskan;

> *"Schacht's Origins is a work no less fundamental than that of Goldziher (The Zahiris), confirming it and going beyond it to do what Goldziher had hoped would be done once Shafi'i's work [Risalah] was found and published."*[33]

Bagi Snouck Hurgronje pula, ia menegaskan bahawa kajian hukum Islam merupakan pra syarat utama untuk memahami budaya, bahasa dan kebudayaan Islam yang terkandung dalam sumber wahyu. Oleh sebab itu, ia lebih menumpukan kajian tentang hukum Islam. Dalam rangka memperkenalkan pengajian hukum Islam kepada Barat, beliau telah menulis sebuah artikel berjudul "*New Contributions to the Knowledge of Islam"* yang menumpukan kepada masalah hukum Islam khususnya mengenai zakat yang masih lagi asing bagi sarjana Belanda pada masa itu. Karya yang telah dihasilkan oleh Snouck menggunakan rujukan yang ditulis daripada sarjana Islam.[34]

ii. **Menolak Hadis Sebagai Hukum Islam**

Schacht dan Goldziher secara tegas mengemukakan teori *Backward Projection* bagi hadis. Memandangkan Rasulullah langsung tidak membangunkan hukum Islam, fuqaha terkemudian telah mencipta kata-kata nabi yang dinisbahkan pada nabi untuk mendapat autoritinya. Bukti terbesar elemen kelemahan ini dapat dikesan daripada usaha mencipta hadis tentang perbezaan pendapat ulama Islam sebagai Rahmat Allah.

iii. **Fenomena Taqlid dalam Hukum Islam**.

[33] George Makdisi, " The Juridical Theology of Shafi'i: Origins and Significance of Usul al-Fiqh", dalam *Religion, Law And Learning In Classical Islam*, (Great Britain: Variorum (1991), 11-12.
[34] A.Muin Umar, *Orientalism Dan Kajian Tentang Islam* ( Jakarta : Bulan Bintang 1978) 66.



University of Malaya

Schacht dan Goldziher serta ramai sarjana Barat lain berpendapat bahawa memandangkan hukum Islam ini adalah ciptaan akal fuqaha awal yang terbatas sifatnya maka kesannya hukum Islam telah mengalami fenomena kejumudan di zaman kemudiannya. Hukum Islam telah mengalami era jumud (Taqlid) selepas abad ke-4 hijrah. Hasilnya, setiap pandangan fuqaha selepas era abad ke- 4 hijrah wajib berpegang kepada teori dan pandangan fuqaha yang awal.

Mereka berusaha membuktikan dari segi teori dan amalinya, kelemahan syariah untuk berhadapan dengan perubahan zaman dan masyarakat. Secara berterusan mereka mendakwa bahawa syariah adalah bersifat statik dan tidak mampu berkembang untuk menghadapi perubahan zaman.[35] Pendapat ini secara jelas berpunca dari kesilapan mereka memahami struktur asas syariah, yang mengikut dakwaan mereka berasal dari Quran dan Sunnah yang bersifat mutlak dan kekal sehingga kiamat dan tidak boleh diubah. Kepincangan dakwaan ini jelas kelihatan kerana selain dari Quran dan Sunnah, syariah juga terdiri dari segi sumbernya, elemen-elemen ijtihad yang dirangka secara sistemtematik menyebabkan ianya mampu berkembang mengikut peredaran masa dan tempat yang berbeza.[36]

Kelemahan dan sifat statik syariah juga kononnya telah dibuktikan sebagai benar berasaskan realiti pintu ijtihad yang telah ditutup pada abab keempat hijrah dan amalan taqlid yang mencengkam dunia intelektual Islam.[37]Dalam soal ini pada dasarnya mereka telah mengakui bahawa ijtihad telah dijadikan alat utama untuk membangun dan mengerakkan syariah berhadapan dengan peredaran zaman.[38] Tetapi kemudiannya apabila

---

[35] Rahimin Affandi Abd. Rahim, " significance of ijtihad In The Devolepment Of Muslim Law" dalam *Jurnal Syariah*, vol 10, (1993) 85-88.
[36] Ibid, hlm 87-89.
[37] Snouck Hurgronje, **Selected works of C. Snouck Hurgronje**,( Leiden, 1957), 214-256.
[38] Goldziher, **The Zahiris : their doctrine and their history**,( Leiden, 1971), 3-4.

amalan ijtihad telah terhenti, keadaan ini telah menyebabkan syariah menjadi statik dan tidak mampu berfungsi seperti yang sepatutnya.[39]

Dalam segi yang lain pula, mereka mendakwa bahawa walaupun dari segi idealisme mampu menghadapi perubahan masyarakat, tetapi dipandang secara amali kemampuannya menjadi terbatas kerana beberapa faktur utama, seperti:-

a) Pertentangan yang wujud antara fuqaha (selaku pentafsir dan penyusun syariah) dengan pemerintah yang zalim (selaku penguatkuasa syariah).[40]

b) Dominasi pemerintah yang zalim terhadap masyarakat termasuklah golongan fuqaha sendiri yang kerap dilihat mendokong kepimpinan pemerintah ini.[41]

**2. Kajian mendedahkan Kesilapan teori dan Pandangan Sarjana Orientalis Silam**.

Terdapat banyak sekali kajian yang dihasilkan oleh sarjana Islam dan Barat sendiri yang menolak teori salah yang dipegang oleh orientalis silam. Antaranya;

i. Kajian yang dihasilkan oleh sarjana barat yang bersimpati dengan masyarakat Islam, dengan mendedahkan segala keburukan dan kelemahan yang diamalkan oleh genre orientalism barat.[42] Sebahagian besar penulis-penulis ini seperti

[39] Ibid, 23-30.
[40] Khalil Athamina, " The ulama in the opposition : the stick and the carrot policy in early Islam ", dalam **The Islamic Quarterly**, v. XXXVI, (1992), 153-170.
[41] N.J. Coulson, " The state and individual in Islamic law ", *dalam International and comparative law Quarterly*, v. 6, (1956), hlm 52.
[42] M. A. Boisard, **Humanisme Dalam Islam**, Terjemahan H.M. Rasyidi, (Jakarta : Logos, 1980) ; Rahimin Affandi Abd. Rahim, " Orientalisme Dan Keutuhan Ummah Islam : Satu Analis ", *Dalam* ***Jurnal Syariah***, V. 9, Bil. 1, (2001); Maryam Jameelah, **Islam And Orientalism**, (Lahore, 1971); Muhammad Asad, **Islam At Crossroads**, Lahore,( 1974); Edward Said, **Orientalism**,( London, 1978); M.G.S. Hodgson, **The Venture Of Islam : Conscience And History In A World Civilization**, (Chicago : The University Chicago Press, 1974) ; Nabia Abbot, **Studies In Arabic Literary Papyri, Vo. 11, Quranic Commentary And Tradition**, (Chicago :

Muhammad Asad, Maryam Jameelah dan Nabia Abbot telah memeluk Islam yang menjadikan misi utama mereka untuk menolak hujah golongan orientalis tadi. Terdapat juga sarjana barat seperti M. A. Boisard, M.G.S. Hodgson, Edward Said dan David Powers yang bersimpati dengan Islam sehingga berusaha mendedahkan kesilapan teori orientalis silam.

ii. Kajian dalam bentuk kompilasi kritikan pelbagai sarjana Barat dan Islam tentang kelemahan metodologi orientalism silam yang perlu diambil perhatian oleh sarjana lain. Kajian ini bertajuk *Orientalism, Islam and Islamist*, mengandungi pandangan pelbagai sarjana terbabit. Contohnya, tulisan Asaf Hussain menegaskan kalangan dunia akademik terlalu diwar-warkan dengan reputasi baik yang dimiliki oleh dunia akademik Barat tentang pengajian Islam. Ia seolah-olah menafikan elemen negatif yang dimiliki oleh genre orientalis. Mohammad Asad menerangkan bagaimana pendekatan orientalis telah menjadikan subjek Islam sebagai tertuduh dikandang orang salah yang menunggu masa untuk diadili. Ini kerana kajian terhadap Islam perlu didahulukan dengan pelbagai hipotesis yang negatif tentang ajaran Islam yang kemudiaannya bakal dibuktikan kesalahannya dengan pelbagai fakta yang difikirkan patut.[43] Seorang lagi pengkaji barat, Bryan Turner dalam kompilasi buku ini mendedahkan tren sarjana orientalis klasik yang anggap diri mereka sebagai bangsa atau sarjana yang lebih baik hingga boleh mengadili kesarjanaan Islam.

---

The University Of Chicago Press, 1967); David Powers, **Studies In Qur'an And Hadis : The Formation Of Islamic Law Of Inheritance**,( Berkeley : The University Of California Press, 1986)

[43] Dalam soal ini Muhammad Asad mengatakan : " *With few exceptions, even the most eminent of European orientalists are guilty of an unscientific partiality in their writings on Islam. In their writings it almost appears as if Islam could be treated as a mere object of scientific research, but as an accused standing before his judge."* Lihat Muhammad Asad, **Islam at Crossroads**, Lahore, (1974), 62.



University of Malaya

iii. Kajian Wael Hallaq yang menegaskan bahawa teori yang mengatakan selepas abad ke- 4 hijrah perkembangan hukum Islam menjadi static adalah silap. Hasil kajian teks terhadap karya fiqh khususnya disiplin *usul fiqh* yang wujud selepas abad ke-4 hijrah, jelas menunjukkan teori hukum Islam selepas abab ke-4 hingga abad ke-9 hijrah masih tetap berkembang maju dengan pelbagai idea dan teori hukum lain. Sebaliknya mengikut Hallaq, proses dialektika antara sistem fiqh Islam dengan realiti sesuatu masyarakat masih lagi berlangsung di zaman Taqlid, kerana seseorang sarjana Islam yang melakukan aktiviti syarah dan muhktasar terhadap karya imam mujtahid turut memasukkan komentar pandangan mereka sendiri terhadap realiti yang berlaku di zaman mereka.[44]

iv. Kajian yang dihasilkan oleh Mustafa Azami berjaya menolak teori hadis ciptaan sarjana Islam selepas 300 tahun kewafatan nabi. Mengikut pendekatan orientalis, sebarang dakwaan tentang kewujudan ilmu Islam di zaman awal mesti dibuktikan dengan penemuaan manuskrip yang dapat dikaji secara empirikal ( pancaindera). Mustafa Azami telah menemui manuskrip catatan teks hadis milik anak Amru Al-As. Beliau kemudiannya telah mengkaji manuskrip ini dan seterusnya dapat menolak kebanyakan teori salah orientalis awal tentang hadis Nabi. [45] Lebih rinci lagi, dengan bantuan Nabia Abbot,[46] teori hadis ciptaan palsu umat Islam tertolak apabila ditemui manuskrip catatan hadis klasik yang berasal daripada zaman Rasulullah sendiri. Seterusnya, penolakan teori anti hadis ini telah diperjuangkan dengan cukup berkesan oleh Hallaq[47] dan David Powers.[48]

---

[44] Hallaq, " Ifta and ijtihad in Sunni legal theory : A development account ", dalam *Islamic legal interpretation : Muftis and their Fatwas*,( Cambridge : Harvard University press, 1996), 33-43.
[45] Mustaffa Azami, *Studies in Early Hadis literature*, (Beirut : al-Maktab al-Islami, 1978).
[46] Nabia Abbot, *Studies in Arabic Literary Papyri*, vol. 11, *Quranic Commentary and Tradition*, (Chicago : The University of Chicago Press, 1967), 5-63.
[47] Wael Hallaq, " From Fatwas to Furu' ", dalam *Islamic law and society*, v. 1, 1, 1994, 1-33.
[48] David Powers, *Studies in Qur'an and Hadis : the formation of Islamic law of Inheritance,* (Berkeley : The University of California press, 1986), 33-89.



University of Malaya

v. Kajian yang menunjukkan sifat buruk disiplin orientalis Barat tentang subjek Islam kerana faktor pemusuhan Perang Salib. Mohd Natsir menerangkan sejarah perkembangan orientalism dapat dibahagikan kepada 3 zaman berbeza. Ia adalah zaman sebelum perang salib (interaksi positif dunia Barat kepada Islam), zaman Perang Salib dan penjajahan dunia Islam ( disiplin orientalism dijadikan alat untuk memburukkan Islam) dan zaman selepas dunia Islam memperolehi kemerdekaan ( Islam tetap diburukkan). Fokus kajian Mohd Natsir adalah bidang tafsir Quran. Ia memaparkan pendekatan negatif genre orientalism terhadap Quran itu sendiri. Semuanya berpusat pada pendekatan orientalism yang menafikan Quran sebagai wahyu Allah dan sebagai gantinya mereka kemukakan pelbagai teori untuk memburukkan Quran.

**3. Kajian yang memperlihatkan beberapa elemen positif yang dimiliki oleh genre orientalism di IPT barat.**

Memang terdapat beberapa kajian yang menjurus kepada pendekatan ini. Ia memperlihatkan sifat dinamisme kajian Islam mengikut perspektif Barat. Antaranya;

i. Mengikut ulasan pelajar Indonesia yang pernah belajar di Kanada, pendekatan kajian ilmu Islam di Mc Gill telah menjadikan karya sarjana Islam dan orientalis sebagai bahan kajian yang amat digalakkan kepada setiap pelajar untuk menganalisa, mengkritik dan mengemukakan pandangan baru di dalam setiap isu yang dibentangkan. Pendekatan ini mendapat dorongan dan pengawasan sepenuhnya oleh para pengajar yang rata-ratanya terdiri dari kalangan sarjana

orientalis sendiri.[49] Hasilnya, pelajar dilatih dan dipaksa untuk bersikap kritikal sehingga melahirkan pelbagai teori baru yang diutarakan oleh sarjana orientalis sendiri yang mengkritik dan menolak sama sekali teori lama ala *reductionist* yang berkaitan dengan hukum Islam.[50]

Bentuk kajian ini memang bersifat terbuka dan bebas dari sifat fanatik kepada seseorang tokoh tertentu. Dalam kerangka keilmuan Barat tidak ada sesesiapapun yang boleh dianggap sebagai maksum, serba sempurna dan tidak boleh dikritik pendapatnya, walaupun ianya seorang tokoh yang terkemuka.[51] Dalam soal ini, kita boleh melihat sarjana orientalis begitu kritikal sekali terhadap sesuatu pendapat sarjana lain, termasuklah pendapat sesama mereka sendiri. Sebagai contohnya, banyak dari pendapat Joseph Schacht yang dikemukakan di dalam bukunya, *The origins of Muhammadan Jurispredence* telah dikritik hebat oleh sarjana orientalis lain seperti Wael Hallaq.[52] Antara contoh yang lain adalah tindakan M. Watt yang menolak pendapat Theodor Noldeke yang mengatakan Rasulullah telah terkena penyakit gila babi. Menurutnya, sekiranya Rasulullah SAW tidak normal, tidak akan ada orang yang akan tertarik dengan ajaran Islam semasa hayatnya;

> " *epilepsi leads to physical and mental degeneration, and there are no signs of that in Muhammad; on the contrary he was clearly in full possession of his faculties to the end of his life*."[53]

---

[49] Maklumat lanjut boleh dilihat dalam Ratno Lukito, " Studi hukum Islam antara IAIN dan McGill ", dalam ed. Yudian W. Asmin, *Pengalaman belajar Islam di Kanada*, Yogyakarta : Titian Ilahi press, 1997, hlm 152-162.
[50] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Ach. Minhaji, " Kontribusi Dr Wael Hallaq dalam kajian hukum Islam ", dalam ed. Yudian W. Asmin, *Pengalaman belajar Islam di Kanada*, Yogyakarta : Titian Ilahi press, 1997, hlm 115-142.
[51] Abdul Rahman Abdullah, *Wacana falsafah sejarah : perspektif barat dan timur*,( Kuala Lumpur, 2000), 72-74.
[52] W. Hallaq, " Was the gate of Ijtihad closed ", dalam *International journal of Middle East studies*, v. 16, (1984), 32-34.
[53] W.M. Watt, *Muhammad prophet and statesman*,( London, 1961), 19.



University of Malaya

Hasilnya, semangat keilmuan yang sentiasa berkembang dan mementingkan sifat kritikal dan kreativiti telah secara positifnya terus hidup di dalam kerangka keilmuan Barat.

ii. Bentuk kajian yang menekankan persoalan sumber yang berotoriti di dalam penelitian terhadap sesuatu fenomena yang timbul di dalam persoalan agama. Di dalam kerangka pendekatan *Historicisme*[54] kajian terhadap sesuatu objek kajian yang berupa tokoh dan peristiwa sejarah perlu dibuat melalui beberapa kaedah yang agak ketat. Pertama, menghadkan sesuatu kajian terhadap bahan sumber yang tertentu dan kedapatan. Kajian terhadap sumber *primary* ini akan diteliti dengan begitu rapi untuk memastikan kebenarannya,[55] yang kemudiannya bakal dianalisa untuk mengetahui pendapat sebenar yang dipegang oleh seseorang sarjana.[56] Keduanya, kajian yang mendalam terhadap sesuatu objek boleh diketahui dengan menggunakan kajian pensejarahan yang mengkaji asal usul sesuatu objek yang kemudiannya akan memudahkan seseorang pengkaji mengetahui sebab dan faktor utama sesuatu perkara itu muncul.[57]

iii. Bentuk kajian yang menggunakan pendekatan fenomenologi yang mengkaji sesuatu objek dari kaca mata penganut objek yang dikaji.[58] Ia menekankan bahawa pemahaman terhadap sesuatu pegangan keagamaan hanya boleh dibuat dengan cara memasuki alam fikiran masyarakat yang dikaji untuk mengetahui sebab utama sesuatu perlakuan yang berkait dengan nilai-nilai kegamaan dibuat oleh

---

[54] Pendekatan ini dijelaskan sebagai *the view that history of everything is a sufficient explanation of it, that the values of anything can be accounted for through the discovery of its origins, that the nature of everything is entirely comprehended in its development.* Lihat J. K. Feibleman, " Historicism " dalam *Dictionary of Philosophy*, (New Jersey, 1976), 127.
[55] Lihat sebagai contohnya Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu : Kajian tentang tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, (Kuala Lumpur, 1992), 1-3.
[56] Abdul Rahman Abdullah, *Wacana falsafah sejarah*, 79-86.
[57] Mohamad Natsir Mahmud, *Orientalism*, 68-69.
[58] Zainal Kling, *Antropologi tafsiran : sumbangan kebudayaan Melayu kepada teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor,( Kuala Lumpur, 1994).



University of Malaya

penganutnya.[59] Maksudnya, kajian ini terpaksa mengambilkira soal luaran dan dalaman (spiritual) yang menjadi pendorong kepada sesuatu tindakan. Dalam soal ini, banyak sarjana luar yang cuba untuk mengkaji Islam telah terkeliru kerana bergantung kepada sumber yang diberikan oleh sarjana orientalis yang memusuhi Islam. Oleh itu sarjana Barat sendiri telah secara jujur menasihati sarjana Islam supaya bersikap skeptik terhadap genre orientalism,[60] sebaliknya patut bergantung kepada sumber Islam sendiri, yang ditegaskan oleh Boisard dengan katanya apa yang diyakini oleh umat sendiri lebih penting daripada apa yang dikatakan oleh orientalis Barat mengenai ajaran Islam.[61]

iv. Pendekatan kajian yang menggunakan kaedah analisis gejala sosial yang agak baik seperti mana halnya tradisi keilmuan Islam mempunyai kaedah analisis teks yang cukup baik terangkum di dalam ilmu usul al-fiqh.[62] Berasaskan kaedah sains sosial ini telah menyebabkan terdapat sebilangan orientalis memberikan gambaran yang agak baik terhadap Islam dan merakamkan kepada masyarakat akademik dunia tentang peranan yang telah dimainkan oleh Rasulullah.[63]

v. Bentuk kajian yang diolah mengandungi unsur-unsur mechanical analisis data yang dibuat terhadap karya-karya tradisi Islam. Sarjana orientalis telah berusaha melakukan analisis data terhadap karya-karya klasik umat Islam. Antara bahan-bahan yang dimaksudkan ini adalah seperti Index Islamicus, Encyclopedia of Islam, Mu'jam al-Quran dan Sunnah, terjemahan tafsir Quran, Sirah Nabawi dan

---

[59] J. Waardenburg, *Classical approaches to the study of religion*,( The Hague, 1973), 412.
[60] J. E. Royster, " The study of Muhammad : A survey of approaches from the perspective of the history and Phenomenology of religion " dalam *The Muslim world*, no. 62, 1972, 68.
[61] M. Boisard, *Humanisme dalam Islam*, 36.
[62] Louay Safi, *Asas-asas ilmu pengetahuan : satu kajian perbandingan kaedah-kaedah penyelidikan Islam dan Barat*, Terj. Nur Hadi Ihsan,( Kuala Lumpur, 1998), 39-74.
[63] Lihat sebagai contohnya Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, " Manusia terhutang budi kepada Nabi Muhammad S.A.W. ", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil 11, (2000), 151-168.



University of Malaya

terjemahan terhadap karya-karya sintesis fuqaha silam.[64] Hasilnya, kajian-kajian bentuk ini telah membantu proses penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang penyelidik termasuklah penyelidik Islam sendiri.

vi. Kajian ilmiah yang memberi gambaran yang jujur dan positif terhadap Islam. Pendapat yang pro-Islam ini sayangnya telah ditenggelami dengan pendapat yang anti Islam, sehinggalah terdapat semacam kebiasaan di kalangan sarjana Islam yang menganggap semua genre orientalism adalah anti Islam.[65] Hal ini berlaku tidak lain kerana mereka benar-benar mengikut disiplin kajian ilmiah, yang telah menemukan mereka kepada fakta sebenar berkaitan dengan agama Islam. Secara jelas, orientalis dari kategori ini kebanyakannya telah tertarik dengan ketokohan Rasulullah[66] berbanding dengan tokoh-tokoh dunia yang lain.[67] Disamping itu juga, tindakan yang memberi gambaran positif ini timbul kerana mereka merasa tertekan dengan serangan anti agama yang dikenakan oleh fahaman sekularisme terhadap agama Kristian,[68] berbanding dengan ajaran Islam yang lebih bersifat tolenrasi terhadap agama Kristian. Keadaan ini juga kemudiannya telah mendorong mereka mengambil sikap yang lebih simpati dan mengakui kebenaran ajaran Islam.[69]

4. **Kajian yang mencadangkan alternatif disiplin oksidentalism bagi mengantikan genre orientalism barat.**

---

[64] Lihat Muhammad Nejatullah Siddiqi, " The philosophy and the nature of Islamic research ", dalam *Conceptual and Methodological issues in Islamic research*, (Kuala Lumpur, 1996), 73-78.
[65] Mohammad Natsir Mahmud, *Orientalisme : al-Quran di mata Barat*,( Semarang, 1997), 5-6.
[66] W.M. Watt, " Carlyle on Muhammad ", dalam *The Hibbert Journal*, v. XLIX, 1951, hlm 253.
[67] Maxime Rodinson, " The Western image and the Western studies of Islam ", dalam *The legacy of Islam*, Oxford, (1974), 38-39.
[68] M. A. Boisard, *Humanisme dalam Islam*, terjemahan H.M. Rasyidi,( Jakarta, 1980), 87.
[69] Lihat Rahminah Muharam, " Hubungan Islam dan Kristian dalam konteks dokumen Vatican 11 ", dalam *Pemikir*, Oktober-Disember (2000), 202-212.

Berbanding dengan disiplin orientalism yang diusahakan oleh sarjana barat terhadap objek masyarakat bukan Barat, disiplin oksidentalism ini cuba melihat masyarakat barat dari perspektif masyarakat bukan Barat. Terdapat beberapa kajian yang tergolong dalam kategori ini;

i. Kajian yang dihasilkan oleh Edward Said bertajuk Orientalism. Beliau berjaya membuktikan bahawa genre orientalism klasik bukannya secara murninya bebas daripada kepentingan agenda Barat. Ia menunjukkan disiplin orientalis itu sendiri berasaskan ontologi, epistemologi dan aksiologi yang dibuat oleh sarjana Barat terhadap masyarakat atau subjek oriental (masyarakat bukan Barat). Masyarakat *oriental* akan ditonjolkan sebagai objek negatif dan mundur berbanding dengan masyarakat *oksidental*. Hasilnya ia berjaya membuktikan bahawa tidak ada satu pun karya sarjana Barat tentang masyarakat bukan Barat yang bersifat positif. Semuanya ditonjolkan dalam bentuk *binari* ( kita dan mereka) yang kemudiannya menjadi asas kepada wujudnya fenomena Islamophobia terhadap masyarakat Islam di Barat. Kajian Edward Said ini telah berjaya menyedarkan dunia akademik tentang keburukan disiplin orientalism yang kemudiannya melahir falsafah pasca kolonialisme.

ii. Kajian yang dilakukan oleh sarjana Barat sendiri yang mendedahkan pendekatan politik yang dipegang oleh sarjana orientalis Barat, daripada dua kelompok; yang memang memusuhi penganut Islam dan kelompok yang bersimpati dan lebih objektif dalam kajian terhadap Islam. Apa yang malangnya, kem yang memusuhi Islam dikatakan lebih dominan sehingga dapat mempengaruhi kuasa politik

Barat.[70] John Esposito dan Edward Gewes berjaya memaparkan sifat *double standard* Barat pada masyarakat Islam.

iii. Kajian yang mengaplikasikan falsafah pasca kolonialisme ini lebih digunakan oleh sarjana selain pengajian Islam. Ia telah mencabar dan merekonstruksi ilmu dan sejarah yang ditulis oleh golongan kolonial.[71] Sebaliknya sejarah daripada pandangan golongan terjajah akan didedahkan. Ia termasuk usaha merekonstruksi kesemua keilmuan yang dihasilkan oleh pihak kolonial Barat. Secara terang-terangan pengaruh *world-view* sekular kolonial telah diterapkan dalam keilmuan ini, samada ilmu sains sosial[72] ataupun ilmu sains tulen.[73]Contoh terbaik ialah melalui kaedah *Sabelturn studies*. Ia mendedahkan sejarah daripada golongan bawahan yang tertindas. Mereka memainkan peranan utama dalam perjalanan sejarah tetapi peranan mereka dilupakan kerana penulisan sejarah biasanya penuh dengan agenda kolonial dan feudal.[74]

iv. Dalam perkembangan terkini, terdapat kajian yang bersifat futuristik yang mengalakkan sarjana Islam membangunkan disiplin oksidetalism, sebagai kaedah terbaik untuk menangkis dan menilai kelemahan paradigma orientalism Barat yang memang bersifat *bias* (*eurocentric*) terhadap masyarakat di sebelah Timur.[75]

University of Malaya

---

[70] Fawaz A. Gerges, America And Political Islam : Clash Of Cultures Or Clash Of Interest, Cambrigde :( Cambrigde University Press, 1999), John Esposito, *Islam And Democracy*, (Oxford : Oxford University Press, 1996), Norman Daniel, *Islam, Europe And Empire*, (Edinburgh, 1966)

[71] Zawiah Yahya, *Resistemting Colonialist Discourse*, (Bangi : Penerbit UKM,1994)

[72] Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), " Epistemology Colonial : Satu Analisistem Cirri Dan Kesannya ", Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, (Kuala Lumpur :DBP, 2005) 91-92

[73] Mohd Hazim Shah, Historicizing Rationality : The Transmission Of Rationality And Science To The Malay States Under British Rule, dalam *Asian Journal Of Social Science*, 35, (2007). 216-241.

[74] Mohamad Saleeh Rahamad, Oksidentalisme Dalam Persuratan : Juzuk Penting Dalam Kajian Pascakolonial, *Pemikir*, (2007).

[75] Amin Abdullah**,** *Studi Agama : Normativitas Atau Historisitas***,** (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 2004) , Lukman S. Tahir*, Studi Islam Interdisipliner : Aplikasi Pendekatan Filsafat, Sosiologi Dan Sejarah,* (Yogyakarta : Qirtas, 2004), Azra Ayumardi**,** *Historigrafi Islam Kontemporer : Wacana, Aktualitas Dan Actor Sejarah*, (Jakarta : Pt Gramedia Pustaka Utama, 2002), J. Waardenburg, *Classical Approaches To The Study Of Religion*, (The Hague, 1973), Ibrahim Abu Rabi', " Issues In Contemporary Arab Thought : Cultural Decolonization Dan

Sebilangan sarjana mencadangkan pendekatan epistemologi-oksidentalism Islam. Ia mendedahkan kelemahan pendekatan kolonial-orientalism yang dipakai oleh sarjana Barat. Sebagai gantinya, pendekatan ini menggunakan *world-view* Islam yang lebih holistik, bukannya secara tempelan semata-mata yang biasanya dilakukan oleh golongan sosialisme.[76] Pendekatan epistemologi Islam ini yang diusahakan oleh Syed Naquib al-Attas.

Kaedah ini memerlukan usaha analisis falsafah ilmu Barat dalam elemen ontologi (apa yang wujud), epistemologi (isu asal usul, dasar, metode dan batas ilmu) dan aksiologi (sistem nilai) terhadap pandangan *world-view* dan kognitif Barat berasaskan *world-view* Islam. Usaha ini secara langsung memerlukan pemakaian pemikiran meta-kognitif dan usaha pendefinisian semula terhadap semua konsep yang dihasilkan oleh sistem kognitif Barat.[77] Mengikut Syed Naquib al-Attas, kita perlu memberikan definisi kita sendiri tentang ajaran Islam tanpa perlu bergantung dengan apa yang diberikan oleh orientalis barat.[78] Hal ini ditegaskan kerana kita mempunyai *world-view* kita tersendiri tentang agama Islam yang berasaskan kepada sumber wahyu dan akal terpimpin.[79] Ringkasnya, kita boleh memahami bahawa program Islamisasi ilmu pengetahuan yang diusulkan oleh Syed Naquib al-Attas dan Ismail Faruqi merupakan gagasan intelektual untuk menyaingi genre orientalisme Barat. Lagi pun, golongan orientalis lebih merupakan *outsider* yang

---

The Challenges Of The 21st Century ", Dalam *Intellectual Discourse,* V. 5, No. 2,( 1997), Ahc. Minhaji, " Orientalisme Dalam Bidang Hokum Islam ", Dalam Ed. Amin Abdullah, *Mencari Islam : Studi Islam Dengan Berbagai Pendekatan,* (Yogyakarta : Tiara Wacana, 2000).

[76] Shamsul Amri Baharuddin, "Oksidentalisme: Pengertian Dan Hala Tuju", Dalam *Jurnal Pemikir*,(2004) 1-19

[77] Mohd Azhar Abd Hamid, *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif,* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 98-116.

[78] Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1979), *Aim And Objective of Islamic Education*, (Jeddah: University Of King Abdul Aziz 2003), *Islam And Secularism.* Kuala Lumpur: ISTAC, 123-124.

[79] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *The Concept Of Education In Islam: A Framework For An Philosophy Of Education.(* Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1980) 43.



University of Malaya

mengkaji dan memandang Islam dengan kaca mata yang sarat dengan *bias* sekularisme dan kepentingan barat.[80]

5. **Kajian sarjana Islam yang menonjolkan kelemahan pusat kajian orientalis secara total.**

Hasil analisis literatur yang dilakukan, pengkaji dapat mengesan memang terdapat pandangan sarjana Islam yang menentang keras otoriti dan metodologi pusat kajian orientalism. Hal ini ditegaskan kerana beberapa intipati yang utama, seperti;

Pertama; Ilmu Islam yang betul wajib dikaji dan dihasilkan oleh sarjana Islam sendiri yang berasaskan kepada *world-view* Islam yang murni. Atas dasar ini sebarang kajian dan kupasan tentang Islam yang dihasilkan oleh sarjana orientalis yang bukan beragama Islam perlu ditolak kerana ianya dibuat bukan berasaskan world-view Islam yang menjiwai semangat dan ruh Islam.[81] Lebih lanjut lagi, sesiapa sahaja yang pernah belajar dan dilihat menyebarkan paradigma pengajian yang bersifat terbuka ataupun positif dengan pusat kajian orientalism akan dituduh sebagai tali barut orientalis yang harus ditentang habis-habisan,[82] sehinggalah kepada peringkat sanggup mengkafirkan kalangan ini.

Kedua; Kajian yang dihasilkan oleh orientalis semuanya bertujuan untuk merosakkan fahaman Islam sejati dengan menerapkan kaedah dan paradigma yang salah untuk memesongkan pemahaman Islam yang sepatutnya.[83] Hal ini dijalankan kerana nisbah pemusuhan yang abadi (antara hak dan batil) yang diwarisi daripada peristiwa Perang Salib di

[80] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam And Secularism*, (2003). 162-163; Ismail Faruqi, *Islamization Of Knowledge*, Herndon: IIIT (1995), 35.
[81] Ahmad Ghorab, *Subverting Islam : The Role Of Orientalist Centres*, (Kuala Lumpur : Open press Publication, 1995), 11-14.
[82] Daud Rasyid, *Pembaruan Islam Dan Orientalisme Dalam Sorotan, (*Jakarta : Media Akbar, 2002), 117-125.
[83] Ahmad Ghorab, *Subverting Islam : The Role Of Orientalist Centres*, hlm 16-17



University of Malaya

antara Islam dan Barat (diwakili oleh golongan Yahudi dan Kristian). Atas dasar ini sebahagian daripada kajian orientalism berusaha untuk memalukan umat Islam kerana berpegang kepada ajaran yang salah dan bertentangan dengan sifat pemodenan.[84]

Atas dasar itu, pengkaji mendapati wujudnya paradigma yang menisbahkan dunia Barat secara mutlak sebagai pusat kekuasaan gelap yang anti Islam[85] ataupun sebagai diabolisme (pengikut tabiat syaitan).[86] Apabila dikaji secara mendalam kita dapati paradigma ini memang salah. Sejarah mencatatkan ramai daripada tokoh gerakan Islam yang ditindas oleh pemerintah negara umat Islam telah berhijrah ke negara Barat yang kemudiannya bertanggungjawab memperkembangkan semangat kebangkitan semula Islam di daerah baru yang amat kondusif *(Civil society*) yang mampu memberi ruang untuk memperkembangkan kebebasan intelektual.[87]

6. **Kajian yang Memaparkan Peranan Sarjana Barat Menonjolkan Sejarah dan Karya Ulama Alam Melayu.**

Kajian-kajian ini berjaya membangkitkan sifat ingin tahu masyarakat Barat tentang ketinggian tamadun Melayu Islam. Sarjana orientalis moden menumpukan perhatian mereka terhadap subjek tamadun dan pemikiran Islam di rantau Alam Melayu. Sesetengahnya memang ada yang memberikan gambaran positif tentang subjek ini, walaupun dipersembahkan dalam bentuk yang bersesuaian dengan *world-view* Barat moden.[88] Terdapat beberapa contoh khusus yang boleh diberikan adalah seperti;

---

84 Ibid, 3-5

85 Lihat sebagai contohnya Adian Husaini, *Wajah Peradaban Barat*, (Jakarta : Gema Insani, 2005).

86 Syamsuddin Arif, *Orientalis Dan Diabolisme Pemikiran*, (Jakarta : Gema Insan, 2008) 143-147.

87 Rahimin Affandi Abd Rahim, " Etika Kepimpinan Islam Dan Isu Pembangunan Di Malaysia : Satu Analisistem ", dalam *Prosiding Seminar Kepimpinan Islam Peringkat Antarabangsa*, anjuran APIUM, pada 10-11 Julai 2007, (2007) 34-47

88 Hadijah Rahmat, *In search of modernity : A study of the concepts of literature, authorship and notion of self in traditional Malay literature*, (Kuala Lumpur : DBP, 2001). 19-22; Muhammad Abu Bakar (1993), *" Pandangan dunia, ideologi dan kesarjanaan : Islam, proses sejarah dan rekonstruksi realiti sosial "*, dalam Tinta kenangan,

i. Kajian Peter Riddel yang memberikan maklumat tentang perkembangan ilmu Tafsir di Alam Melayu. Dalam kupasan beliau, kita dapat mengetahui bagaimana keilmuan asas Islam yang berasaskan kepada ilmu Tafsir Al-Quran masih lagi dipegang dan diamalkan secara kuat oleh masyarakat di rantau ini.[89]

ii. Kajian M.B. Hooker yang memberikan gambaran terkini tentang masyarakat Islam di Indonesia masih berpegang kepada amalan bermazhab Ahlus Sunnah Wal Jamaah dalam menyelesaikan sesuatu masalah hukum yang timbul di dalam masyarakat.

iii. Kajian Virginia Matherson yang memberikan gambaran tentang kitab Jawi yang merupakan warisan leluhur masyarakat Melayu silam secara kuat masih dijadikan rujukan utama di pelbagai institusi pendidikan Islam.[90] Kajian beliau ini boleh dikatakan sebagai agak komprehensif yang biasanya akan dirujuk oleh mana-mana pengkaji terkemudian yang berminat dengan subjek tersebut.

iv. Kajian Martin Van Bruinessen memperincikan kesemua kitab Jawi yang digunakan secara meluas dalam sistem pengajian pesantren di Indonesia. Beliau telah bersusah payah mencari dan mengklasifikasikan karya-karya tersebut mengikut disiplin pengajian Islam yang berbeza.[91]

---

sumbangan sempena persaraan dan perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman, Kuala Lumpur, 307-309

[89]Peter Riddel, *Islam And The Malay-Indonesian World*, (Singapore : Oxford University Press, 2001) 101-135

[90]Virginia Matheson dan M.B. Hooker, *"Jawi literature in Patani : The maintenance of an Islamic tradition",* dalam JMBRAS, v. 61, Part 1. (1988)

[91] Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat : tradisi Islam di Indonesia*, (Bandung :Penerbit al-Mizan, 1999)



University of Malaya

v. Kajian yang dijalankan oleh John Esposito,[92] Von Der Mehden [93]dan William Roff[94] tentang perkembangan pemikiran politik, kesedaran kebangkitan dan intelektual Islam di Malaysia, dalam bentuk yang mengambilkira kesemua faktor-faktor yang berkaitan.

vi. Kajian Donald Horozwitz[95] yang agak komprehensif memperincikan program pembangunan hukum Islam dan semua organisasi perundangan Islam yang diusahakan oleh pihak kerajaan Malaysia semasa.

vii. Kajian Learnard Binder, Kurzman dan Howard Finderspel yang menumpukan kajian terhadap dinamisme pemikiran Islam di Indonesia yang agak komprehensif.[96]

7. **Kajian yang dihasilkan oleh Sarjana Asia tentang Sejarah Perkembangan Ekonomi, Perubatan, Kajian Saintifik, Nasionalisme, Politik, Pemuziuman dan Pendidikan di Tanah Melayu pada Zaman Penjajahan British**.

Hasil kajian mereka adalah berasaskan kepada rekod British di Tanah Melayu. Semuanya mengulas peranan penjajah British dalam pelbagai bidang yang agak luas. Namun begitu, tidak ada satu pun yang mengulas tentang pandangan sarjana-pentadbir British dalam isu hukum Islam dan masyarakat.

---

[92] John Esposito, *Islam and Democracy*, (New York :Oxford University Press 1996)
[93] Fred R. Von Der Mehden, *Two Worlds Of Islam: Interaction Between Southeast Asia And The Middle East*, Florida (1993)
[94]W. Roof, *" Patterns of Islamization in Malaysia 1890s-1990s : Exemplars, Institutions and Vectors ",* dalam Journal Of Islamic Studies, v. 9, no.2. (1998)
[95]Donald L. Horowitz, *"The Quran and the Common law : Islamic law reform and the theory of legal change",* dalam The American Journal Of Comparative law, v. 42. (1994)
[96]Charles Kurzman, *Liberal Islam : A sourcebook,* (New York : Oxford University Press, 1998)



University of Malaya

Lim Teck Gee dan Emily Sadka melihat British membangunkan sistem ekonomi berasaskan sistem kapitalis yang menguntungkan mereka dan pedagang Cina tetapi mengabaikan masyarakat Melayu.[97] William Roff pula mengkaji nasionalisme Melayu berasaskan sumber tempatan berupa surat khabar dan majalah Melayu dan rekod kolonial. Ia menegaskan semangat nasionalisme Melayu timbul kerana peranan pembesar Melayu dan pelajar Melayu di Mesir.[98]

Naoki mengkaji peranan sarjana-pentadbir British membangunkan Kolej Perguruan Sultan Idris (SITC) . Ia merangkumi usaha mereka membentuk kurikulum  SITC. Jelas terbukti pihak British merendahkan kitab ilmu dan sejarah yang dihasilkan oleh sarjana Melayu yang dikatakan tidak saintifik.[99] Mohd Hazim Shah, Ezwan Arman dan Danielle Falconer memberikan fokus kepada peranan British memperkenalkan sains perubatan dengan penubuhan pusat kajian botani dan penyakit tropika. Walaupun ianya dapat memberi manfaat pada masyarakat Melayu tetapi ia turut menerapkan konsep sains Barat yang berasaskan fahaman sekularisme.[100]

Paulette Dellios mengkaji peranan British memperkenalkan sistem muzium mengikut kerangka falsafah evolusi Darwin di Tanah Melayu.[101] Alam Melayu telah dijadikan medan utama pegawai British memungut spesimen manusia, haiwan, botani untuk membuktikan

---

[97] Lim Teck Ghees, British Colonial Administration And The Ethnic Division Of Labour In Malaya, *Kajian Malaysia* II, 2 , (1984) 39,  Sadka, E, *The Protected Malay States 1874-1895*. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968)

[98] William R. Roff, *The Origins Of Malay Nationalism 1900-1941*, Tesis PhD untuk Australian National University, (1965)

[99] Naoki, Soda. . "Th e Malay World in Textbooks: Th e Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya". *Southeast Asian Studies*, 39(2): (2001)  188–234.

[100] Mohd Hazim Shah, Historicising Rationality: The Transmission Of Rationality And Science To The Malay States Under British Rule, dalam *Asian Journal of Social Science 35, (2007),*  216–241; Ezwan Arman, Science And Technology Transfer Under Colonial Administration: A Case Study Of Agricultural Policy And Development In British Malaya (1905-1957) *Tesis Ph.D Untuk Fakulti Sains Universiti Malaya* Kuala Lumpur, (2008), Danielle Falconer, British Implementation Of Western Medicine In Malaysia And The Malaysian Reaction, dalam *The Forum Journal Of History*, v. 7, (2015), 43-58.

[101] Paulette Dellios, *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland, (1999)

ketepatan teori *Evolusi Charles Darwin*. Wallace seorang penyelidik British yang mengumpul koleksi spesimen Tanah Melayu dan Sarawak menetapkan bahawa setiap spesimen perlu dibahagikan mengikut lokasi geografi, ethnografi, geologi, botani dan zoologi.

Semua spesimen perlu diklasifikasi bagi menerangkan saiz dan bentuknya yang berbeza. Fakta tentang manusia, flora dan fauna akan diproses. Bagi etnografi, ia cuba menunjukkan manusia berbeza mengikut mutu tertentu. Spesimen manusia bukan Eropah digambarkan sebagai lebih rendah dan primitif berbanding dengan manusia Eropah. Sesuai dengan teori Darwin tentang wujudnya manusia pra sejarah, Wallace cuba membuktikan kebenaran teori ini. Beliau meneruskan penyelidikan mencari manusia zaman sebelum pra sejarah (*Pre History Men*) di kawasan Alam Melayu. Antaranya, termasuk penyelidikan di kawasan tapak arkeologi Gua Niah di Sarawak.[102]

Dalam Hisrchman, ia berjaya membuktikan pihak British telah memperkenalkan sistem banci penduduk yang digunakan untuk tujuan pemungutan cukai dan program menyusun masyarakat Tanah Melayu berasaskan etnik yang berbeza. Melalui cara ini mereka telah berjaya mengekalkan kuasa di Tanah Melayu melalui dasar pecah dan perintah.[103] Milner telah mengkaji sistem politik kesultanan Melayu yang berpusat pada raja mutlak sehingga ia dikenali dengan nama kerajaan. Apa yang jelasnya British berjaya mengubah struktur kerajaan Melayu ini yang menjadikan raja bukan lagi bersifat mutlak tetapi tertakluk kepada sistem British.[104]

---

[102] Loh Chee Yin, The A.R. Wallace Collection In The Sarawak Museum Reference Library, *Sarawak Museum Journal*, 15(30-31), (1967). 446-455.

[103] Hisrchman, C, The Meaning And Measurement Of Ethnicity In Malaysia : An Analysis Of Census Classifications, *Journal Of Asian Studies*, 46(3) (1987) 56, ; B. Anderson, Imagined Communities : Reflections On The Origin And Spread Of Nationalism, (Verso, London, 1991)

[104] Anthony Crothers Milner (1982), *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, (Arizona: The University of Arizona Press, 1982) 100-109.

Lebih menarik lagi terdapat dua orang sarjana; Carolina Lopez dan Azmi Aziz yang cuba membandingkan sistem sosio-politik Melayu tradisional sebelum dan selepas penjajahan British berjalan di Tanah Melayu. Mereka berjaya membuktikan *world-view* British telah merubah secara total sistem Islam yang sebelumnya agak dominan dalam masyarakat Melayu.[105] Namun begitu hal ini diterangkan secara umum semata-mata.

Daripada literatur tersebut, secara jelas dapat dilihat terdapat ruang kelompangan yang boleh diisi dengan kajian ini khususnya yang membabitkan fokus yang dikaji. Ianya terdiri dari;

i. Kajian yang berkaitan dengan falsafah dan mekanisme pembangunan ilmu kolonial dilakukan oleh British di Tanah Melayu.

ii. Kajian yang berkaitan dengan kelemahan ilmu kolonial dalam merekonstruksi tentang hukum Islam di Tanah Melayu.

iii. Kajian yang berkaitan dengan kelemahan metodologi ilmu kolonial dalam pengumpulan dan penganalisaan tentang hukum Islam.

iv. Kajian yang berkaitan dengan pandangan sarjana-pentadbir kolonial British yang terlibat membuat komentar secara langsung terhadap hukum Islam di Tanah Melayu.

[105] Carolina Lopez (2001), The British Presence In The Malay World : A Meeting Of Civilization Traditions, *SARI*, 19, h. 3-33; Azmi Aziz (2011), Transisi Penting Sistem Berkerajaan Di Alam Melayu : Kes Malaysia, *Akademika*, 81 (2), 79-92.



University of Malaya

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif yang lebih cenderung ke arah pengumpulan dan penganalisaan fakta-fakta dan kandungan dokumen. Kajian kualitatif dapat didefinisikan sebagai kajian yang menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, persepsi atau apa saja yang boleh menjelaskan sesuatu fenomena dan kekuatannya adalah pada sumber data yang diperolehi daripada bentuk bertulis seperti buku, manuskrip, laporan, surat dan sebagainya.[106]

Di samping itu, dalam menyempurnakan kajian ini, pengkaji menggunakan dua metode utama iaitu:

### i. Metode Pengumpulan Data

Untuk proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode-metode yang diklasifikasikan kepada dua bentuk kajian, iaitu:

### a. Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan mengguna pakai metode dokumentasi iaitu mendapatkan maklumat dan data dari perpustakaan. Ia sangat perlu bagi mendapatkan informasi dan input yang sahih dan tepat daripada sumber yang terdapat di perpustakaan antaranya termasuk tesistem, buku, jurnal, kertas persidangan, kerja seminar, majalah, ensiklopedia, laman facebook, dan sebagainya. Metode ini merupakan metode utama yang digunakan oleh pengkaji bagi

[106] Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn Bhd, 2009), 26.



University of Malaya

memperoleh data dan sumber yang berkaitan. Antara perpustakaan yang telah dikunjungi oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini adalah:

1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2) Perpustakaan Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3) Perpustakaan Za'aba, Universiti Malaya.
4) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
5) Muzium Negeri Pahang

Bagi membentuk landasan konsep dan teori bagi kajian ini, maka rujukan perlu dibuat terhadap bahan-bahan semasa yang terdapat dalam depositori perpustakaan dalam tajuk yang berkaitan. Semua karya primer dan sekunder tentang isu dan fokus kajian (Ilmu kolonial) akan dirujuk. Ia termasuklah bahan yang berkaitan sejarah, biografi tokoh kolonial dan karya-karya mereka.

.

**ii. Metode Analisis Data**

Setelah proses pengumpulan data selesai dibuat, data yang diperoleh seterusnya dianalisis bagi mendapatkan jawapan kepada permasalahan dan persoalan-persoalan dalam kajian ini. Oleh itu, bagi mendapatkan jawapan tersebut, pengkaji menggunakan tiga metode analisis iaitu:

**a. Metode Analisis Kandungan**

Metode analisis kandungan ialah penghuraian bagi sesuatu kandungan tersurat dalam bentuk komunikasi yang merupakan mesej yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan dan merupakan suatu teknik menganalisis terhadap kandungan teks yang merujuk pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema atau apa sahaja mesej yang telah dikomunikasi.[107] Oleh

[107] Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd, 2005), 170.



University of Malaya

itu, pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam meneliti kandungan karya-karya sarjana barat khususnya berkaitan hukum Islam. Ia termasuklah isu-isu yang berkenaan hukum Islam dan pandangan sarjana Barat tentangnya. Misalnya karya Winstedt, Skeat dan Wilkinson.

### b. Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan satu cara membuat kesimpulan daripada kenyataan yang umum untuk sampai kepada kenyataan yang khusus.[108] Dalam kajian ini, pengkaji membuat penganalisaan terhadap teori-teori umum, dalil, serta pandangan sarjana Barat tentang hukum Islam di tanah Melayu untuk menyimpulkan perspektif ilmu kolonial tentang hukum Islam.

### c. Metode Induktif

Metode induktif merupakan satu cara berfikir untuk menganalisis data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.[109]Melalui kaedah ini, pengkaji menganalisis data-data bersifat khusus yang diperolehi melalui kaedah dokumentasi dan temu bual tentang kelemahan dalam metodologi ilmu kolonial dalam menanggapi tentang hukum Islam di Tanah Melayu.

University of Malaya

[108] Louay Safi, *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, (Kuala Lumpur: The International of Islamic Thought, 1998), 139.
[109] Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam & UM Intel Multimedia, 2001), 82.

## BAB 2

## KONSEP ILMU KOLONIAL

### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan konsep asas ilmu kolonial berserta dengan asas falsafahnya. Ia membabitkan matlamat dan usaha menjayakan program kolonialisme di Tanah Melayu, tujuan ilmu kolonial dan pendekatan penilaian ilmu kolonial di Malaysia.

### 2.2 Konsep Asas Ilmu Kolonial.

Ilmu kolonial adalah ilmu yang dihasilkan oleh sarjana-pentadbir British yang berkhidmat dalam perkhidmatan British di Tanah Melayu. Ia mengandungi serba serbi maklumat tentang masyarakat tanah jajahan bagi tujuan pengawalan dan pemantauan yang sepatutnya. Ia berupa pelbagai kajian yang membabitkan latar belakang manusia Melayu dalam bentuk laporan, hasil bancian, jurnal ilmiah, catatan peribadi, bibliografi dan manuskrip. Ia berasaskan kerangka epistemologi rationalism bagi membincangkan tentang agama, budaya, alam sekitar, tanah tanih, struktur masyarakat dan bahasa. Kerangka asas keilmuaan kolonial ini sebagai konstruksi ilmu masih lagi dipakai sehinggalah selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Untuk memahami realiti ini, kita boleh merujuk kepada pandangan Knaap[110] ;

[110]Knaap, G., *One Hundred and Fisty Volumes of Bidragen*, Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde. 150 Volumes of Bidragen: Abackward Glipmse and a Forward Glimpse,(1994) 150 (4): 637-652 .



University of Malaya

*In order to rule the colonies properly, the colonial power of the time were of the opinion that they needed not only a strong army and navy and a well-trained civil service, but also scholarly and practical knowledge of the indigenous society. Scholarly interest in the colonies can thus be interpreted as an offspring of the process of colonial state formation. During the nineteenth and early twentieth centuries, in England and France as well as in the Netherlands, all sorts of journals came into being to disseminate knowledge about the colonies. Few of these journals survived the wave of decolonization after the Second World War. In the Netherlands only two survived, Bijdragen and (Nieuwe) West-Indische Gids, founded in 1919. The other well-known journal on Southeast Asia from this period that is still in existence is the Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, founded in 1878.*

Daripada kenyataan di atas, kita dapat mengetahui bahawa usaha pengumpulan semua perkara membabitkan masyarakat dan Alam Melayu sebenarnya bermatlamatkan untuk memahami dan membentuk ilmu tentang masyarakat Melayu, yang dijadikan asas atau alat untuk menguasai mentaliti masyarakat Melayu. Ia berasaskan dasar falsafah, pendekatan, metodologi dan tafsiran yang dilakukan oleh sarjana kolonial British tentang masyarakat tanah jajahan.

Ilmu kolonial lebih tepatnya tergolong sebagai disiplin orientalism, iaitu ilmu yang mengkaji ruang fizikal dan abstrak atau pemikiran masyarakat bukan Barat. Orientalis ialah sekelompok ilmuan mengkaji Islam dari sudut pandangan mereka. Mereka mengkaji 'Timur' secara budaya bahkan ideologi, sebagai suatu bentuk wacana dengan dokongan institusi, kosa kata, keilmuan, imaginasi, doktrin, bahkan birokrasi kolonial dan gaya kolonial.[111] Mereka mendakwa kajian itu dilakukan demi nilai ilmiah murni tanpa ada maksud lain. Namun begitu, pandangan metodologi orientalis mengandung pelbagai bentuk konfrontasi terhadap kebudayaan tertentu. Ia dikonstruk khusus untuk membezakan antara kedua masyarakat tadi tanpa mengambilkira persetujuan masyarakat timur.

Menurut Edward Said, bagi genre orientalis, dua aspek yang perlu dikaji. Pertama,

[111] Edward W Said (1985), *Orientalism*, ( Middlesetidak : Penguin Books, 1985) 2.



University of Malaya

aspek hubungan antara orientalis dan imperialisme. Biasanya, ia agak tersembunyi, khususnya dengan konflik antara Islam dan Kristian pada abad pertengahan. Hasilnya daripada paparan konflik ini, mereka merendah-rendahkan pemikiran Islam. Hal ini agak jelas apabila pemikiran umat Islam dikatakan sebagai pemikiran bangsa Semit yang dianggap sangat mundur.[112] Kedua, aspek yang berkaitan dengan situasi objektif, pensejarahan dan metodologi yang diaplikasikan oleh orientalis. Pada masa orientalisme muncul, begitu pula pemikiran Eropah mengenal gerakan intelektual yang bertujuan melakukan *reviewing* (ulang kaji) sejarah kebudayaan Eropah. Dengan tersusunnya sejarah kebudayaan Eropah, mereka mendakwa tentang keuniversalan sejarah Eropah dan menganggap sejarah yang lain tidak ada atau tidak mempunyai peranan yang signifikan.

## 2.3 Asas Falsafah Kolonialisme

Dalam sejarah kedatangan orang Eropah di alam Melayu, ia telah melalui beberapa peringkat utama;

### 2.3.1 Era Sebelum Penjajahan

Alam Melayu memang mempunyai sejarah interaksi dengan pelbagai bangsa asing. Antaranya bangsa Arab, Parsi, Cina dan Eropah. Ia termasuk juga dengan agama besar dunia, seperti Hindu, Budha, Islam dan Kristian. Jadi, daripada aspek hubungan dan pendedahan luar, masyarakat Alam Melayu amat dinamik sekali, yang menjadi tempat pertemuan pelbagai budaya dan tamadun besar dunia. Proses ini berlaku dalam bentuk yang adil dan timbal balik. Ia terdorong dengan sifat masyarakat Alam Melayu yang berbentuk terbuka dengan pengaruh luar.

[112] *Ibid*, 75.



University of Malaya

Orang Barat mempunyai sifat suka mengembara dan mengumpul maklumat daripada sumber bahan kawasan luar Eropah seperti Alam Melayu. Sejarah perantauan ilmiah ini terbahagi kepada beberapa zaman dengan *tren world-view* khusus. Pada abad 16-18 M, pelayar daripada Andalusia yang sampai ke Alam Melayu telah mencatat serba serbi tentang masyarakat Alam Melayu. Hal ini terbukti dengan wujudnya tulisan awal tentang Alam Melayu. Ia digambarkan sebagai kawasan yang subur dan penuh dengan galian berharga.

Selepas kejatuhan Andalusia dan berlakunya perkembangan falsafah *Renaissance*, catatan awal ini diperolehi oleh bangsa Portugis dan Sepanyol yang melancarkan pengembaraan misionari dan perdagangan ke Alam Melayu. Hubungan bangsa Eropah awal ini dengan masyarakat Alam Melayu adalah agak tegang dan tiada pertembungan budaya dan intelektual positif yang berlaku.[113]

Selain daripada pengembara kolonial ini, terdapat juga sejumlah pengembara-saintis yang merantau ke Alam Melayu.[114] Ia termasuk bangsa Jerman, Austria, Perancis, Belanda dan British. Penjelajah awal ini juga menjalankan ekspedisi ilmiah apabila mereka mencatat dan membawa pulang contoh-contah botani daripada Alam Melayu ke Eropah untuk dibuat kajian.[115] Hasil penemuan awal ini membolehkan masyarakat Eropah mengetahui tentang kemakmuran Alam Melayu. Di zaman kemudian, maklumat tentang bahasa, masyarakat, sumber alam dan agama masyarakat Alam Melayu menjadi rujukan baku di kalangan sarjana dan *policy maker* di Eropah. Contohnya, kamus dan buku tata bahasa Melayu yang disusun

---

[113] Hairudin Harun, *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*,( Kuala Lumpur : DBP 2004) 71-74.

[114] Raja Masttah Raja Ariffin, Konsep Merantau Ke Alam Melayu : Serampang Banyak Mata, *International Journal Of The Malay World And Civilization*, v. 1(2), (2013) 115-125.

[115]Mohd Hazim Shah, Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule, dalam *Asian Journal of Social Science 35,(2007)*. 216–241



University of Malaya

oleh Marsden, *A Grammar of the Malayan Language* mendapat sambutan hangat di Eropah, memandangkan bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* di Alam Melayu.[116]

Pada abad 19 -20 M, pelayar British yang kebetulannya terlibat dengan revolusi intelektual di Eropah telah mula menjajah Alam Melayu. British dengan tipu muslihat dan diplomasi berjaya menjajah ruang politik dan epistemologi masyarakat Melayu.

### 2.3.2 Era Penjajahan Tanah Melayu

Bertepatan dengan teori budaya ilmu yang dibawa oleh Wan Mohd Nor Wan Daud, tamadun dunia yang agung dibangunkan atas dasar budaya ilmu akan menyebabkan ianya bertahan lama. Sebagai contoh, Penjajahan British di Tanah Melayu dapat bertahan lama. Sesetengah hasilnya masih kekal hingga zaman sekarang.,[117] Semua berpunca daripada pengamalan budaya ilmu. Hal ini dapat dilihat daripada usaha pihak kolonial mengumpul, mengklasifikasi, mengkaji, mengulas dan menerapkan dasar yang khusus untuk masyarakat Melayu daripada bahan ilmu atau maklumat yang terkumpul.

Sebelum mereka menjajah, mereka mempelajari masyarakat Tanah Melayu secara mendalam. Hasilnya mereka mengetahui aspek kekuatan dan kelemahan masyarakat Melayu. Contohnya, potensi perluasan perdagangan di kawasan Pantai timur Malaya dibuat hasil usaha pedagang tempatan[118] yang bertanggungjawab mengumpul maklumat tentang Negeri Melayu

---

[116] Hashim Musa, Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *International Journal of The Malay World and Civilization*, 2 (2) (2014)

[117] Mohd. Noor Mat Yazid, Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science* , December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, 69-84

[118] Mereka terdiri daripada pedagang British di Abab ke 18 seperti Alexander Hamilton, Thomas Forrest, Francis Light dan kapten Joseph Jackson yang pernah ke Kuala Terengganu. Lihat Sivachandralingam Sundara Raja, " Sumbangan Pedagang Negeri (Country Traders) Dalam Penulisan Sejarah Malaysia ", dalam (edit) Mohamed Redzuan Othman, *Jendela Masa : Kumpulan Esei Sempena Persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2001) 85-88



University of Malaya

dan mempengaruhi kerajaan British di India untuk campurtangan di Tanah Melayu. Antara maklumat ini;

i. Terengganu sebagai pelabuhan *core*[119] yang maju dan terkenal dengan bahan eksport emas serta lada hitam. Terengganu telah menjadi rebutan antara pihak British dengan Belanda yang memandang ianya terletak dalam kawasan dagang yang strategik, jalan dagang antara Tanah Melayu dengan China ataupun tempat persinggahan jalan dagang antara kawasan Timur dan Barat.

   Dalam hal ini, Joseph Jackson menulis : Terengganu adalah negeri yang kaya dan maju dan mempunyai pelbagai jenis barangan. Orang Cina mempunyai penempatan yang besar dan menjalankan perdagangan yang giat disini;[120]

ii. Pelabuhan Terengganu dan Pahang dikatakan bersifat kosmopolitan dengan pelbagai bangsa seperti China, Arab, parsi dan sebagainya. Urus niaga berjalan dengan baik kerana pemerintahnya Sultan Mansur menyedari kepentingan menjalinkan hubungan dagang dengan kuasa besar (China, India dan Tanah Arab) pada masa itu.

iii. Berlaku pertukaran barangan dagangan antara Terengganu dengan British. Ianya terdiri daripada emas, timah, lada hitam, beras, senjata api dan candu.

Semasa penjajahan berjalan, mereka tetap mempelajari dengan mengumpul semua maklumat tentang masyarakat Melayu. Ia dibuat secara lebih praktikal. Contohnya, sebelum

---

[119] Istilah *core* dimaksudkan sebagai *kawasan yang menjadi tempat perdagangan, membekal keperluan yang sesuai kepada pelaut, membekal makanan, air dan tempat menginap serta gudang simpanan barangan dan pasar*. Ahmad Jelani Hakim, *Perdagangan Dan Pekapalan Melayu Di Selat Melaka*, (2006) 4.
[120] Sivachandralingam Sundara Raja (2001), 86.



University of Malaya

mereka ingin memperluaskan kuasa di Pahang, mereka bergantung kepada laporan lengkap tentang masyarakat dan potensi ekonomi di Pahang demi memastikan pelaburan mereka mendapat pulangan yang terbaik. Terdapat beberapa orang pentadbir-kolonial yang terlibat mengkaji, melawat dan mencatat perkembangan yang berlaku di Pahang pada abad ke- 18. Antaranya adalah Abdullah Munsyi, W. Linehan, W.M. Davison, R.G. Cant, W.P. Panton, J.B. Scrivener, Frank Swethnam, R.O. Winstedt dan Moshe Yegar. Antara maklumat ini;[121]

i. Kekayaan hasil bumi dan potensi ekonomi negeri Pahang yang mempunyai banyak galian berguna seperti bijih timah, besi dan emas. Pahang dikatakan memiliki hasil hutan yang banyak dan masih belum ditebus guna sepenuhnya. Selain daripada orang Cina dan Siam, bangsa Eropah belum lagi datang untuk mengambil hasil potensi Pahang. Secara terang-terangan mereka bimbang kedatangan bangsa Eropah yang lain ke Pahang bakal mengganggu polisi monopoli mereka di Tanah Melayu.

ii. Maklumat terperinci tentang muka bumi Pahang yang penuh dengan hutan, bukit dan gunung ganang, hasil yang kaya, tanah yang subur serta fauna dan flora yang sangat kaya untuk dipergunakan sepenuhnya.

iii. Mereka menggunkan alasan masalah ketidak seragaman pentadbiran British dan bertujuan menambah baik sistem pentadbiran untuk meluaskan pengaruh ke Negeri Melayu Bersekutu.[122]

---

[121] Mohd Samsudin, Pahang Sekitar Abad Ke 18 Menurut Pandangan Pegawai-Pegawai British, *Jebat,* vol. 37, (2010) 105-121

[122] Sivachandralingam Sundara Raja, Charles Alma Baker's Uneasy Role In The Expansion Of The Malayan Economy 1890s-1910s, dalam *New Zealand Journal of Asian Studies* 11, 1 (June 2009), 189-207 dan The Eraly British Administrators In The Malay State : 1874-1909, *Jurnal Sejarah* , v. 23, no 1. (2015)

## 2.4 Asas Falsafah Ilmu Kolonial

Apabila berlakunya dasar kolonialisasi di Tanah Melayu, ilmu kolonial telah dibangunkan. Tiga orang tokoh kolonial: Marsden, Crawfurd dan Raffles telah meletakkan asas kajian ilmu kolonial yang membabitkan masyarakat Melayu perlu dilakukan. Ia dikonstruk bagi usaha mengkaji, menguasai dan mengekalkan kuasa di Tanah Melayu. Apa yang pastinya, semua konstruk awal ini telah menjadi rujukan sarjana-pentadbir kolonial di zaman terkemudian. Pada masa ini, ketiga sarjana ini dipengaruhi oleh tiga falsafah utama yang menjadi ilmu kolonial.

### i. Pegangan Agama Kristian Mazhab Protestan dalam Ilmu Kolonial

Ketiga tokoh kolonial yang awal ini, khususnya Raffles beragama Protestan. Ia telah mempengaruhi pemikirannya yang membabitkan masyarakat luar. Catatan sejarah Britain menunjukkan masyarakat British memang kuat berpegang pada agama kristian Mazhab Protestan. Bahkan dalam perang Napoleon, Britain dikatakan sebagai negara Prostestan " *Britain as a Protestant nation and France as a Catholic one."* [123] Bukan setakat itu sahaja, sesetengah sejarawan British mengakui identiti ini, *" Protestantism was the most important element of their identity*".[124]

Masyarakat British secara majoritinya mendakwa masyarakat luar Eropah perlu dikristiankan demi memperluaskan visi misionari dan tamadun Kristian yang menyelamatkan dunia.[125] Berbanding dengan mazhab Katolik dan Methodis, mazhab Protestan ini lebih

---

[123] Peter van der Veer, Imperial Encounters: Religion and Modernity in India and Britain (New Jersey: Princeton University Press, 2001), 22.

[124] Linda Colley, "Britishness and Otherness: An Argument", Journal of British Studies 31, 4, (1992), p. 309-329. Also see Linda Colley, Britons (London: Yale University Press, 1992), 5.

[125] C.A. Bayly, Imperial Meridian: The British Empire and the Archipelago, 1780-1830 (London: Longman, 1989), 136-137



University of Malaya

menekankan kepada usaha berkerja keras penyebaran agama Kristian,[126] di samping mengejar pencapaian kebendaan sebagai bukti ketaatan beragama. Hal ini ditegaskan sebagai ;

> *as most Evangelicals would argue, should however rest upon reason rather than superstition and blind adherence to the faith. "Scientific proofs" thus became an integral part of the effort to justify "the reasonableness of Christianity" over other religions.*[127]

Lebih khusus lagi ia dimotivasi dengan semangat Perang Salib. Hal ini ditegaskan oleh Norman Daniel; "

> *These men had an undoubting faith that their civilisation must dominate the world; although it might be expressed in terms of technical superiority, both technological and institutional. They believed that its strength was its moral force, which itself was inextricably Christian.*[128]

Walaupun ada sesetengah sarjana yang menafikan peranan agama Kristian kepada dasar kolonial British, namun Muhd Khairuddin Junied telah berjaya membuktikan pengaruh Kristian mazhab protestan kepada Raffles dan Marsden

.

Marsden, Crawfurd dan Raffles seperti mana penganut Kristian British beranggapan bahawa pengeluasan empayar British bertanggungjawab membawa visi pentamadunan kepada masyarakat dunia.[129] Ia termasuk usaha memastikan pengaruh Islam dapat disekat. Albert Hourani menegaskan bahawa;

> " *In Britain and amongst British people in the empire, an incentive was given to the idea of opposition between Christianity and Islam by the new religious spirit of Evangelicalism: the idea that salvation lay only in the consciousness of sin and acceptance of the gospel of Christ, and that one who knows himself to be saved*

---

[126] Kim Sanecki *Protestant Christian Missions, Race And Empire: The World Missionary Conference Of 1910, Edinburgh, Scotland*, tesis sarjana untuk College of Arts and Sciences Georgia State University (2006)

[127] George Macaulay Trevelyan, English Social History (London: Penguin Books, 2000), 372.

[128] Daniel, Norman, Islam, Europe and Empire (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1966). 66.

[129] Bayly, Imperial Meridian, 152.



University of Malaya

*has a duty to confront others with this truth*.[130]

Ketiga tokoh ini, Marsden, Crawfurd dan Raffles bertindak sesuai dengan suasana di Eropah pada abad 17-19 yang memandang negatif pada Islam dan menjadikannya sebagai inspirasi dalam melahirkan korpus ilmu kolonial.[131] Ia dalam bentuk: Pertama, semangat kebencian melampau pada Islam kerana Islam adalah satu-satunya agama yang menentang dominasi Kristian. Kedua, Islam adalah agama yang salah daripada segi intipati dan metodologi ajarannya. Ia adalah pecahan agama sesat daripada tradisi Kristian yang dicipta oleh Nabi Muhammad. Ia bukan agama wahyu tetapi peniruan daripada budaya asing (Hellenenisme, greek dan jahiliah) yang diolah oleh sarjana Islam dan dinisbahkan pada Nabi Muhammad. Atas dasar itu ajaran Islam hanya sesuai dengan masyarakat Timur Tengah zaman pertengahan.

### ii. Falsafah Orientalism yang Berkembang di India

Ia berasal daripada falsafah orientalisme dan romantisisme berasaskan kajian Hindu-Budha yang berkembang di barat sekitar abad ke- 18. Ia dikembangkan oleh *The Asiatic Society of Bengal* berpusat di Calcutta India.[132] Bahkan Raffles sendiri menjelaskan bahawa ia terpengaruh dengan hasil kajian William Jones tokoh orientalis di India tentang kajian bagaimana masyarakat tanah jajahan perlu dilakukan.[133] Maknanya sejak awal lagi ia tertarik dengan *Hinduism* dan anti kepada Islam.

Falsafah orientalism ini menekankan kepada dua pendekatan utama; pendekatan *eurocentric* yang mempercayai bangsa Eropah lebih tinggi martabat daripada bangsa lain. Hal

---

130 Albert Hourani, Islam in European Thought (New York: Cambridge University Press, 1991), 17

131 Marsden, History of Sumatra, 292 and Crawfurd, History of The Indian Archipelago Inhabitants Vol. II, 272-283.

132 John J. Clarke, Oriental Enlightenment: The Encounter between Asia and Western Thought (New York: Routledge, 1997), 75-92

133 Donald E. Weatherbee,, “Raffles’ Sources for Traditional Javanese Historiography and Mackenzie Collections”, Indonesia, 26, (1978), 64.



University of Malaya

ini dijelaskan oleh Ozay Mehmet dengan;

> *Eurocentricism refers to European ways of understanding and practicing social sciences, including history, on the basis of methodologies developed in relation to the historical experiences of the European continent. This initial point is supposedly applicable to historical writing of other societies through academic or non-academic works produced by the Western individuals.*

Makdisi menerangkan bahawa tabiat penulisan mengikut kacamata *eurocentric* memang dijadikan asas oleh semua orang Barat pada zaman silam. Katanya;

> *Throughout the process, people from all segments of society such as priests, travelers, state historians, and soldiers from all ranks, races and creeds of European nations; and, perhaps peculiarly, administrative officers who worked directly for the Colonial Office, contributed to the production of the cumulative knowledge of the East. Their Eurocentric discourse was unquestionably colored by prejudices towards Muslim communities developed in earlier stages of history, from experiences in places such as Andalusia in the Iberian Peninsula. Furthermore, one can assert that the accounts of the above mentioned scholarly and non-scholarly circles, which reflect European perspectives or Eurocentric approaches, inevitably served to structure the policies of the European kingdoms. These works made the natives' history and geography a research subject dealt with and narrated from the European standpoint.*[134]

Dalam apa-apa kajian yang membabitkan masyarakat bukan barat, pendekatan *eurocentric* telah bertindak sebagai metode analisis yang memberikan orang Eropah merendahkan masyarakat bukan Barat. Ia diputuskan kononnya kerana tugas kuasa British adalah untuk mentamadunkan orang timur.[135] Dalam apa-apa perkarapun falsafah *eurocentri*c ini dijadikan sebagai premis ataupun *pre-conceived* idea utama untuk menilai orang timur.[136]

Program mentamadunkan masyarakat Timur ini dikatakan sebagai usaha murni pihak British. Hal ini ditegaskan oleh Thomas Babington Macaulay, dalam Minute on Education

---

[134] Makdisi, S. *Romantic Imperialism: Universal Empire And The Culture Of Modernity. (*Cambridge: Cambridge University Press, 1998). 128.

[135] Özay, M, An Attempt To Understand The Driving Forces Of Historiography In The Eurocentric Perspective In Southeast Asia. *İnsan & Toplum*, *3*(6), (2013) 271-282.

[136] Said, E. *Culture and imperialism.(* New York: Alfred A. Knopf, 1993)



University of Malaya

1835, tentang status pemikiran Barat berbanding dengan pemikiran peribumi;

> *a single shelf of a good European library was worth the whole native literature of India.*

Dalam bahagian lain, ia mengatakan bahawa;

> *education should be Western learning, including science, and that the language of instruction should be English.*[137]

Polisi ini bertepatan dengan usaha Raffles yang memperkenalkan sekolah di Singapura yang dikatakan menjadi *monument to British culture*[138] dan bertujuan untuk *stimulate the revival of wealth and civilization in Southeast Asia..*[139] Raffles mendakwa usaha pentamadunannya dengan katanya; *Great Britain has carried civilization and improvement in its train*.[140] Seabad kemudiannya isu pentamadunan ini sekali lagi diutarakan oleh Winstedt yang mencadang subjek sejarah Greek dan Rom diterapkan dalam sukatan pelajar di sekolah Melayu

Pendekatan *eurocentric* ini, mengikut Ozay Mehmet telah diterapkan dalam kaedah pensejarahan (*historiography*) dan proses ilmu. Tegasnya lagi, konsep sejarah dan ilmu milik masyarakat alam Melayu tidak diiktiraf;

> *The establishment of universities, for example, Gottingen University in the 18th century, created places where a well-constructed formulation of the knowledge of historicity was produced on the basis of the Western tradition. The superiority of the knowledge as product of the mentioned higher education institutions gets its resources from the sacralization of knowledge as an product of Greek and Roman civilization, where the non-Greek and non-Roman are considered inferior. Here,*

---

[137] Milner, A. C. *Kerajaan: Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule.* (Tucso: The University of Arizona Press., 1982) 108-109

[138] *Federation of Malaya on education for 1954.* Kuala Lumpur: Nan Yang Press, 3

[139] Turnbull, C. M.. *The straits settlements 1826-1867: Indian presidency to crown colony*. (London: The Athlone Press, 1972) 224.

[140] Raffles, L. S.. *Memoirs of the life and public services of Sir Thomas Stamford Raffles* (With an Introduction by John Bastin).( Oxford: Oxford University Press, 1991) 33.



University of Malaya

*non-Greek and non- Roman refers to the Malay Muslim societies in Southeast Asia.*[141]

Bagi Ozay Mehmet[142] dan Edward Said, pihak penjajah Barat secara halus cuba memaksakan sistem epistemologi Barat dan menafikan autoriti epistemologi masyarakat Timur dalam penulisan sejarah dan ilmu.[143] Akibatnya, sistem epistemologi Barat telah mempengaruhi pemikiran masyarakat tanah jajahan. Ia juga menimbulkan rasa rendah diri di kalangan masyarakat tanah jajahan apabila membandingkan diri mereka dengan kuasa penjajah.[144] Dalam soal ini, Ang, & Stratton menempelak sifat buruk kuasa penjajah yang menggangap mereka tidak berhak merendahkan autoriti epistemologi peribumi;

> *The Western powers underlined their imperial intentions,as colonial expansion in native lands came with the general assumption that colonists had exclusive rights to design the native societies, commencing with the invention of the latter's histories. This policy was the inevitable result of Western "self-asserted superiority"*[145]

Lebih lanjut lagi, Mathieu Courville, menerangkan fenomena ini sebagai penjajahan epistemologi;

> *this process led the Western scholarly elite to gain legitimacy in understanding of the native societies. Whether connected or independent, each member of this scholarly elite group contributed to some extent to the construction of the "epistemology of imperialism*".[146]

### *iii.* Pemakaian Prinsip *Logico Positivism* dalam Kajian Ilmu

---

[141]Ozay, M. . *Westernizing The Third World: The Eurocentricity Of Economic Development Theories.*( London: Roudledge,(1995), 9.

[142] Ibid, 273.

[143] Harrison, N. 'A room place full of possibility': Said's orientalism and the literary. In R. Ghosh (Ed.), *Edward Said and the literary, social, and political world,* . 3-19 ( New York: Routledge, 2009) 5

[144] Ang, I., & Stratton, J. The Singapore way of multiculturalism: Western concepts/Asian cultures. *Sojourn*, *10*(1), (1995) 65-89.

[145] Ibid, 69.

[146] Courville, M. E. *Edward Said's rhetoric of the secular.(* London: Continum International Publishing Group, 2010). 23.

Pada masa British datang menjajah Tanah Melayu, revolusi sains telah berlaku di Eropah pada abad ke-17 hingga abad ke-18 Masihi. Perkembangan ilmu kolonial yang dibangunkan oleh pihak British bagi memahami dan menguasai masyarakat tanah jajahan di luar Eropah memang bertepatan dengan semangat revolusi sains ini.

Proses pembangunan ilmu kolonial di kawasan tanah jajahan memang menjadi polisi utama yang ditetapkan kuasa penjajah British di Britain. Di Britain, pada masa itu, projek *enlightment* dan *renaissance* (program menghidupkan falsafah positivisme-sekularisme) sedang giat berjalan dan falsafah ini diterima oleh kerajaan Britain dalam dasar negara.[147] Pejabat Tanah Jajahan di London telah menetapkan dasar agar ilmu kolonial diwujudkan bagi memastikan penjajahan dapat bertahan lama. Untuk itu, mereka memerlukan korpus ilmu khusus untuk menjayakan program ini.

Atas dasar itu mereka memerlukan pakar-pakar orientalis untuk membangun ilmu kolonial ini. Pakar ini akan memberikan panduan bagaimana ilmu kolonial boleh dibangunkan. Pihak pusat perlu menerima pakai cadangan yang diberikan oleh pakar-pakar orientalis ini.[148]

Secara kasarnya, revolusi sains ini telah melahirkan pemikiran saintifik di kalangan masyarakat eropah. Ia hasil pengaruh falsafah dan pemikiran *renaissance* yang dibawa oleh tokoh falsafah sains Eropah seperti Francis Bacon, René Descartes, Charles Darwin, David Hume dan Immanuel Kant. Golongan saintis ini berjaya mempengaruhi aktor politik pembuat dasar di British, termasuklah sarjana pentadbir kolonial yang berkhidmat di tanah jajahan.

Sains barat yang berasaskan falsafah positivisme[149] hanya mengakui kebenaran

[147] Samuel Wee Tien Wang, *British Strategic Interests In The Straits Of Malacca 1786-1819*, Tesis Sarjana Untuk Simon Fraser University, (1991)
[148] Kees Groeneboer, Politik Bahasa Kolonial Di Asia, *Wacana*, v. 1, no 2, (1999) 201-220.



University of Malaya

ilmiah dalam arti *positivisme*, iaitu apa yang dapat dibuktikan kebenarannya secara empirikal. Jika objeknya bersifat non-empiris dan metafizik atau tidak boleh dibuktikan secara empirikal, maka status keilmiahannya diragukan atau bahkan ditolak dan hanya boleh disebut sebagai *pseudo* atau *quasi* ilmiah (menyerupai ilmiah).

Dalam fahaman sains kolonial yang bersumberkan pemikiran Francis Bacon, pengetahuan sains sejati perlu dilakukan melalui pelbagai teknik khusus[150];

i. Berpegang kepada prinsip "kebenaran sains adalah untuk sains itu sendiri". Oleh itu, bagi Bacon, penyingkapan pengetahuan tentang alam tabii tidak seharusnya dicampuradukkan dengan pengetahuan yang berkait dengan kepercayaan agama. Pencampuran sains dengan unsur tahyul dan keagamaan boleh mengakibatkan kebenaran yang ingin diperoleh dipengaruhi oleh perkara-perkara khayalan. Malah penyelidikan alam tabii yang bercampur aduk ini juga akan menggalakkan penyelidik bersifat berat sebelah atau *bias* yang berpunca daripada beberapa fahaman sains yang palsu.

ii. Merekodkan semua fakta yang ada

.

iii. Membuat segala bentuk pencerapan dengan melakukan segala eksperimen yang boleh dijalankan,

---

[149]Positivisme,filsafat yang muncul pada abad ke 19 Masehi, berpandangan bahawa yang ada hanya yang bersifat positif-empiris atau faktual, sehingga metafizika ditolaknya. Diantara para tokoh penting positivisme adalah: Auguste Comte (1798-1857), JohnStuart Mill (1807-1873) dan Herbert Spencer (1820-1903).

[150]Mulyadhi Kartanegara (2000), "Membangun Kerangka Ilmu, Perspektif Filosofis", dalam Komaruddin Hidayat dan Hendro Prasetyo (ed.), *Problem dan Prospek IAIN, Antologi Pendidikan Islam Tinggi*, ( Jakarta : Dirjen Bimbaga Islam, 2000). 252



University of Malaya

iv. Mengumpul dan menjadualkan keputusan-keputusan menggunakan peraturan-peraturan yang dihasilkan secara tidak sempurna, maka hubungan-hubungan antara fenomena akan kelihatan jelas dan hukum-hukum umum menerangkan hubungan-hubungan ini dapat dilihat dengan mudah.

v. Fahaman rasionalisme dan empirikal sangat penting dalam kajian ilmu. Ia dianggap sebagai sumber mutlak.

vi. Falsafah humanisme yang menganggap manusia adalah pusat semua perkara.

vii. Fahaman darwinisme yang menekankan persaingan penting untuk hidup. Lebih penting lagi, tamadun manusia dibahagi kepada tiga jenis; primitif, semi primitif dan moden. Masyarakat barat dikehendaki mentamadunkan masyarakat primitif dengan medium penjajahan.

Dalam proses kajian etnografi dan persoalan sosial, politik dan ekonomi, termasuk agama-pendekatan *logico-positivism* ini digunakan. Mengikut pendekatan ini, sebarang kajian isu-isu kemasyarakatan perlu holistik membabitkan sosio, politik, ekonomi, susunlapis masyarakat dan potensi ekologi alam. Semua karya atau artifak masyarakat tanah jajahan wajib dikumpulkan, kerana ia dianggap mencerminkan pemikiran masyarakat tanah jajahan.

Kajian membabitkan isu keagamaan perlu dilipatgandakan kerana ia bakal menjadi pendorong kepada penentangan dominasi penjajahan British. Meniru pendekatan kajian orientalism tentang Islam, seperti mana diamalkan oleh tiga tokoh orientalis, Thomas P. Hughes, Edward Sell dan William Muir di India, mereka akan memulakan premis bahawa Islam adalah agama yang salah. Ia diikuti dengan kemudiannya usaha membuktikan

kesalahan Islam dengan mencari titik kelemahan Islam.[151] Apa yang dijadikan alasan kelemahan Islam adalah isu pertentangan pendapat, isu fanatik mazhab, isu kezaliman pada wanita dan isu wujudnya penindasan pada bukan Islam.

Kesemua elemen pemikiran ini telah diterapkan oleh penjajah British dalam kajian mereka tentang masyarakat Tanah Melayu. Lebih penting lagi, ia turut diterapkan dalam pendidikan dan pentadbiran. Ia mengajar masyarakat Tanah Melayu untuk menolak pendekatan agama sebagai pentakrifan kehidupan.

### 2.5 Tujuan Ilmu Kolonial

Kerjasama kolonialisme dan orientalism telah melahirkan ilmu kolonial. Lebih tepat lagi, orientalism adalah hasil ataupun anak yang lahir daripada kolonialism. Penjajah kolonial barat dengan bantuan sarjana-pentadbir orientalis di Tanah jajahan mampu menakluki ruang geo-politik dan epistemologi masyarakat Tanah jajahan menggunakan genre orientalism. Teori negatif orientalis barat tentang Islam diperkukuhkan hujahnya dengan bantuan rekod kolonial yang beroperasi di Tanah Melayu.

Pembinaan ilmu kolonial ini berlaku pada masa disiplin orientalism dibangunkan oleh sarjana orientalis di Eropah. Bahkan ada sesetengah sarjana-pentadbir British dan Belanda di Alam Melayu yang kemudiannya dilantik menjadi tokoh akademik orientalis untuk kajian rantau Alam Melayu di institusi pengajian tinggi di Eropah.

[151] Alan M. Guenther (1997), *The Hadith In Christian-Muslim Discourse In British India, 1857-1888*, Tesis Sarjana Untuk . Institute Of Islamie Studies Megill University, Montreal, h. 51-141.



University of Malaya

Kajian yang diamalkan oleh orientalis barat pada dasarnya berasaskan kepada epistemologi emperikal-induktif sekular (anti agama).[152] Untuk mengetahui matlamat utama kenapa ilmu kolonial ini dibentuk kita boleh merujuk kepada petikan di bawah;

> *In British Malaya and the Netherlands Indies, a large portion of this "compendia of information" was the knowledge gathered by anthropologists, historians, and linguists through this larger project of the collection and preservation of cultural heritage, which began with the work of Stamford Raffles and his contemporaries. This imperially constructed knowledge was used to both justify and maintain imperial rule by informing decisions relating to colonial policy, and by creating characterizations of the indigenous population relating to ideas of race, gender, and social class. The use of Dutch and British imperial ethnology of Southeast Asia, reflected fundamental differences in the role of anthropology as a an official tool of empire in both colonies. The Dutch government tended to utilize anthropological knowledge in an open and official capacity through government advisors, while the influence of British studies of Malay culture tended to be more informal.*[153]

Ia secara langsung menerangkan bahawa pengkajian semua aspek manusia dan Alam Melayu bertujuan untuk mempelajari dan seterusnya dijadikan asas untuk membentuk dasar British bagi menjajah dan mengekalkan kuasa di Tanah Melayu.

Status ilmu kolonial secara tidak langsung telah diperkukuhkan melalui kaedah hegemoni. Pihak British telah mengunakan pendekatan dominasi dan hegemoni dalam penjajahan Tanah Melayu. Dominasi akan menggunakan kuasa ketenteraan. Manakala hegemoni akan menggunakan pendekatan intelektual. Proses sesuatu hegemoni berlaku apabila masyarakat, seperti masyarakat Melayu semacam bersetuju diri mereka dikuasai oleh British kerana ia dibuat melalui saluran yang sah seperti;

---

[152] William J. Goode and Paul K. Hatt, *Methods In Social Research*, 1952. 7.
[153] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology,Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, tesis Ph.D untuk University of Pennsylvania, (2012), 4-6.



University of Malaya

1. Mendapat pengesahan autoriti Sultan Melayu. Kononnya Sultan Melayu memperkenankan British datang menjajah dengan matlamat untuk mengajar orang Melayu.

2. Dibantu dengan undang-undang khusus.

3. Dibantu dengan sistem pendidikan British bila mana masyarakat didedahkan dengan keunggulan sistem British berbanding dengan sistem sedia ada terpakai di Tanah Melayu.

Pihak British memperlihatkan peranan besar membangunkan Tanah Melayu kepada masyarakat luar. Pentadbir British dalam persidangan tanah jajahan yang diadakan di London, sering menyebut kejayaan mereka membangunkan koloni melalui pelbagai infrastruktur fizikal (seperti bandar, sistem jalan keretapi) yang disediakan. Antara bentuk infrastruktur fizikal terpenting yang dijadikan piawaian kejayaan mereka adalah penyediaan sistem pendidikan dan penubuhan muzium di koloni.[154]

Kajian yang dihasilkan oleh sarjana pentadbir kolonial dijadikan bahan utama untuk menarik pelaburan pihak swasta di Britain. Ia terdiri daripada sumber asli koloni yang berpotensi melahirkan pulangan ekonomi yang baik.[155] Kurator muzium British akan menyediakan ruangan dan senarai khusus tentang geologi, botani, mineralogi dan zoologi koloni.[156] Contohnya adalah tanaman getah yang merupakan hasil daripada pendekatan ini, apabila getah telah menjadi sumber ekonomi British di Tanah Melayu. Pernah dirakamkan wakil Rajah Brooke di Sarawak telah membawa fakta maklumat botani dan mineral di Borneo

[154] Matidak well, W.E., *The Malay Peninsula : Its Resources And Prospects,* Dalam *Honourable Intentions*, Ed. P.H.Kratoska,( Oxford University Press, 1983). 132.
[155] Indra Sengupta and Daud Ali, *Knowledge Production, Pedagogy and Institutions in Colonial India*, (London : Palgrave Macmillan, 2011). 1-10.
[156]Durrans, B (1988), The Future Of The Other : Changing Cultures on Display In Ethnographic Musuem, Dalam *The Musuem Time-Machine*, Ed. R. Lumley,( London : Routledge, 1988) 144-169.

ke England yang dapat menarik minat pelabur England untuk melabur dalam ekonomi Borneo.[157]

### 2.5.1 Dasar British di Tanah Melayu yang Diasaskan Melalui Kajian Ilmu Kolonial

Hasil kajian sejarah, sastera, botani, linguistik, sosiologi dan geografi yang dilakukan oleh sarjana-pentadbir British telah diterapkan dalam dasar ekonomi, sosial, pendidikan, sains dan perundangan British. Terdapat beberapa contoh untuk membuktikan hal ini. Antaranya;

#### i. Dasar Pendidikan

Ia membabitkan pembentukan kurikulum dalam buku teks untuk kegunaan sekolah venukular Melayu. Dalam kurikulum ini, British ditonjolkan sebagai penyelamat masyarakat Melayu. Kuasa British dianggap sebagai penyelamat (*saviour*) masyarakat Melayu[158] yang memperkenalkan sistem pendidikan Barat yang berorientasikan materialisme dan pemupukan budaya British yang dianggap baik.[159]

Dalam catatan pentadbir kolonial, mereka memuji diri sendiri dan misi ketamadunan yang dibawa oleh mereka di Tanah Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam paparan ini;[160]

1. Thomas Braddel; "*The innate superiority of the ordinary Englishmen, in his sense of honour and justice… is sufficient to dominate the inferior character of the Malays…*"

---

[157] Paulette Dellios, *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland, (1999) 86

[158] Dalam soal ini Winstedt menegaskan : *Though his very name has been forangotten at Kuala Kangsar, Captain James Low was the saviour of Perak.. and along with the name of Low, Perak ought to enscribe in the letters of gold the name Robert Fullerton, Governor of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca.* Lihat R.O. Winstedt, " A History of Perak ", dalam JMBRAS, 12 (1), (1934), 73.

[159] R. Wheeler, *The Modern Malay*, (Singapore : Oxford University Press, 1996) 200.

[160] Azmi Arifin, Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies And The Malay Rulers, *Jebat*, v. 39 (1), (2012) 51-74



University of Malaya

2. Hugh Clifford ;"*I, the European, the white man, belonging to one of the most civilised races in the Old World; the Malays, civilised too, but after the fashion of unchanging Asia, which differs so widely from the restless progressive civilisation of the West*

3. Harry Ord, "*...the subjection of these native States of the Peninsular to Powers greater and more civilised than themselves is an advantage to themselves and to all who have relations with them" …. "I feel that it would be greatly to the advantage of the Settlement if our influence could be thus etxtended over the Peninsula and I shall not fail to avail myself of any opening that may present it self for doing so"*

Dasar pendidikan kolonial telah memperkukuhkan kedudukan kelas feudal Melayu. Hal ini dilakukan dengan penubuhan MCKK dan sekolah vernikular Melayu. Keduanya adalah merupakan *output* daripada data ilmu kolonial yang dikumpulkan. Ia sebagai langkah untuk memastikan susun lapis masyarakat feudal Melayu yang membezakan orang awam dan pembesar masih dikekalkan. Apabila ini berlaku, mereka akan memastikan kelas pembesar Melayu yang dilatih di MCKK menganut fahaman sekularisme. Mereka kemudiannya akan menjadi agen atau orang tengah untuk menyebarkan fahaman ini kepada masyarakat awam. Hal ini ternyata berkesan kerana masyarakat awam Melayu memang menghormati golongan pembesar ini. Maknanya, mereka dapat memastikan agar huru hara tidak berlaku di Tanah Melayu. Walaupun mereka datang untuk program mentamadunkan masyarakat Melayu tetapi enggan mengubah struktur masyarakat feudal. Sebaliknya sistem feudal Melayu tetap diperkukuhkan. [161]

[161] Khasnor Johan, " Perkhidmatan Tadbir Melayu : Tradisi Dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah", dalam *Malaysia : Sejarah Dan Proses Pembangunan*, (Kuala Lumpur, 1979). 134-145.

Pihak British menerapkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ianya diterapkan melalui sistem pentadbiran dan pendidikan di Tanah Melayu. Mereka mengajar tentang *world-view* barat dalam soal-soal matlamat hidup, apa yang penting, bagaimana pengurusan serta penyelesaian masalah dan terpenting sekali mereka menolak semua world-view, cara hidup dan paradigma pemikiran Melayu. Ia antara lainnya merangkumi;[162]

1. Seandainya kemajuan dan pembangunan mahu dilaksanakan, negara bekas tanah jajahan (negara sedang membangun) perlu menjalankan sistem Barat yang bernuansa fahaman sekular dalam segenap segi kehidupan.

2. Semua sistem yang bertentangan dengan pandangan alam barat seperti sistem Melayu-Islam akan dianggap sebagai ketinggalan zaman dan hanya mementingkan suatu etnik tertentu semata-mata.

3. Memperkenalkan kerangka pemikiran sekularisme dalam pemikiran masyarakat Melayu. Ianya terdiri daripada;
   a. Pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur ketuhanan – manusia bebas melakukan sesuatu program pembangunan tanpa mempedulikan kuasa tuhan.

   b. Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber agama.

   c. Pengenalan sistem penilaian nisbi/relatif terhadap agama; manusia bebas menentukan masa depannya sendiri.

162 Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), " Epistemology Colonial : Satu Analis Ciri Dan Kesannya ", Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, (Kuala Lumpur : DBP 2005) 91-92



University of Malaya

d. Penurunan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama – tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan.

e. Pentakrifan konsep kebenaran yang keliru dan mengikut paradigma sekularisme.

Sistem pendidikan ini telah mengubah kefahaman ilmu daripada kerangka epistemologi dan world- view Islam kepada epistemologi Barat. Selain daripada epistemologi Barat, semua kerangka epistemologi seperti Islam dianggap tidak saintifik dan tidak berguna. Semua sistem yang bertentangan dengan pandangan alam Barat seperti sistem Melayu-Islam akan dianggap sebagai ketinggalan zaman. Antaranya penurunan taraf ilmu agama, berbanding dengan ilmu bukan agama, di mana tumpuan lebih diberi kepada ilmu bukan agama yang kononnya boleh membawa kemajuan. Begitu juga penakrifan konsep kebenaran akan dibuat mengikut paradigma sekularisme.

**ii. Dasar Ekonomi**

Asas utama dasar British di Tanah Melayu adalah untuk mengaut sebanyak mungkin hasil bumi dengan menggunakan modal yang paling minimum. Ia bersesuaian dengan konsep dasar ekonomi kapitalisme.[163] Untuk tujuan itu, mereka menggunakan khidmat sarjana-pentadbir British untuk menyelidik faktor-faktor yang bakal membantu dan mengagalkan pelaburan ekonomi mereka. Selanjutnya, sistem perkhidmatan awam British yang dianggotai oleh sarjana-pentabir British ditubuhkan adalah untuk menjaga, mengkaji dan memberi perkhidmatan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Tanah Melayu.

---

163 Malcolm Caldwell, "The British Forward Movement 1874-1914", dalam Mohamed Amin & Malcolm Caldwell (eds.), *Malaya: The Making of a New Colony. (*Nottingham: Spokesman Books, 1977) 29.



University of Malaya

Beberapa projek penyelidikan telah dilakukan dan direkodkan sesuai dengan keperluan sistem pentadbiran moden;[164]

1. Kajian Tentang Potensi Ekonomi di Tanah Melayu. Kolonialis mencadangkan empat perkara;

Pertama; Usaha pelaburan mereka perlu mendapat restu daripada pemilik utama Tanah Melayu iaitu raja-raja Melayu.

Kedua; Persetujuan ini mesti dimuktamadkan secara perundangan bertulis. Ia bagi memastikan hak kuasa monopoli ekonomi mereka akan terjamin.

Ketiga; Perlu mendapat bekalan tenaga buruh murah dan setia untuk berkhidmat dalam apa-apa suasana sekalipun.

*Keempat;* perlu menjalankan Dasar Pecah dan Perintah bagi memastikan segala bentuk ancaman yang bakal mengagalkan pelaburan dapat dihapuskan. Antara ancaman yang dijangka bakal mengagalkan pelaburan mereka adalah penentangan pemilik utama (Raja Melayu) dan kesedaran serta perpaduan tenaga buruh dan ahli masyarakat. Sebenarnya dasar ini memang dilakukan oleh British di koloni mereka yang lain.

Untuk itu, demi mendapatkan tenaga buruh secara mudah pihak British telah membawa masuk tenaga buruh daripada China dan India. Pihak British memandang mudah polisi ini kerana tidak menjangka akan timbul masalah perkauman akibat daripada dasar ini.

---

[164] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology,Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, tesis Ph.D untuk University of Pennsylvania( 2012)



University of Malaya

2. Kajian Tentang Ras Berbeza dan Memperkenalkan Sistem Banci Penduduk

Mengikut Charles Hirschman, kolonial British di Tanah Melayu berusaha menyusun kaedah mengurus masyarakat majmuk yang berkembang akibat pembangunan ekonomi yang pesat. Jadi mereka mencipta sistem banci penduduk untuk mengetahui jumlah, klasifikasi dan watak setiap ahli etnik berbeza.

British dikatakan sebagai bangsa pertama memperkenalkan sistem banci penduduk. Ia dilakukan untuk mendapat maklumat tentang jumlah pnduduk yang lebih tersusun. Ia dihasilkan bagi memudahkan usaha mengutip cukai. Bersama itu, sifat dan tabiat setiap ras akan dikenalpasti. Contohnya, watak masyarakat Melayu dikatakan sebagai malas dan taat kepada raja dan pembesar. Kesemua dasar banci dan penisbahan terhadap sesuatu ras ini kemudiannya dikekalkan di Tanah Melayu selepas merdeka.[165]

## 2.6 Pembentukan Ilmu Sains Kolonial di Tanah Melayu

Ilmu sains kolonial bermula dengan usaha sarjana-pentadbir-saintis British dalam mencatat, mengklasifikasi dan menerapkan paradigma sains barat dalam masyarakat Melayu. Ia bukan setakat menjadi rakaman sejarah silam bahkan sebagai garis panduan tentang bagaimana kajian sains perlu dilakukan.

Bersesuaian dengan kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu, ilmu sains kolonial ini dibahagikan kepada dua bidang utama, perubatan dan botani. Kedua bidang ini turut menekankan diwujudkan agensi penyelidikan yang khusus ;[166]

---

[165] Charles Hirschman (1986), The Making of Race in Colonial Malaya: Political Economy and Racial Ideology, dalam *The Eastern Sociological Society*, (1986) 343-345

[166] Mohd Hazim Shah, Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule, dalam *Asian Journal of Social Science (2007)* 216–241



University of Malaya

i. Perubatan – apa yang dihasilkan oleh pusat penyelidikan perubatan (*The Institute Of Medical Research*) yang diasaskan pada tahun 1900. Ia membabitkan kajian tentang penyakit tropika dan kaedah rawatan yang sepatutnya.

ii. Botani – apa yang dihasilkan melalui *The Botanical Garden* dan *The Rubber Research Institute*. Ia membabitkan kajian tentang jenis flora dan fauna, tanaman yang diperkenalkan dan teknologi untuk tanaman yang lebih baik.[167]

Dalam proses ini, pihak British memang mendapat bantuan dan terpengaruh dengan pakar masyarakat Melayu sendiri. Contohnya, Gimlett dan Burkill (1930) telah merujuk manuskrip Inche Ismail apabila menerangkan tentang Etnobotani iaitu ubatan dan penyakit tropika yang ada di Alam Melayu. Kedua-dua sarjana ini telah menerbitkan manuskrip dalam Bahasa Inggeris berjudul; *The Medicinal Book Of Malayan Medicine*. Karya ini mengandungi 543 ramuan perubatan tradisional, 230 jenis penyakit, 1262 tumbuhan dan 376 spesis tumbuhan ubatan. Daripada 543 ramuan perubatan tradisional, 74 merawat penyakit demam (typoid dan malaria), 44 penyakit perut, 44 penyakit kulit, 39 rawatan wanita, 31 rawatan pendarahan, 22 rawatan sakit badan, 20 rawatan mata, 20 rawatan rheumatism, 19 rawatan sembelit, 15 rawatan bisul, 13 rawatan gonorrhoea, 12 rawatan tenaga batin, 12 rawatan cacing dalam perut, 10 rawatan tulang, 9 rawatan penyakit hati, 8 rawatan leucorrhoea, 7 rawatan dada, 7 rawatan dipteria, 7 rawatan pitam, 6 rawatan haemmorhoids, 4 rawatan leprosy, orthitis, kegilaan dan muntah-muntah.[168]

[167] Maklumat lengkap tentang koleksi sains botani colonial boleh dilihat dalam Jeyamalar Kathirithamby-Wells (2009),Peninsular Malaysia In The Context Of Natural History and Colonial Science, dalam*New Zealand Journal of Asian Studies* 11, 1 (June 2009): 337-374.

[168] Abdul Manap Mahmud (2011), Kesedaran Etnobotani : Suatu Sorotan Tentang Peradaban Melayu Terhadap Sains Tumbuhan, Dalam *International Conference On Islamic Civilization And Malay Identity 2011*, 14-15 November 2011, Melaka, 766-778.



University of Malaya

Sarjana British telah memberikan tafsiran ekonomi kepada setiap tumbuhan yang ditemui. Beberapa orang ahli Botani British telah dihantar ke Tanah Melayu, seperti Isaac Henry Burkhill, (Penolong Kurator *Herbarium Royal Botanical Garden London* 1897-1899), H.N. Ridley (Pengarah Taman Botani Singapura 1888-1911), Richard Eric Holttum (Pengarah Taman Botani Singapura 1926-1946). Hasilnya, mereka telah menghasilkan beberapa manuskrip utama seperti *The Malay Material Medica* (Ridley 1894), *Tree Flora Of Malaya* (Ridley 1922), *The Medical Book Of Malayan Medicine* (Burkhill 1930), *Malay Village Medicine* (Burkhill 1930), *A Dictionary Of Economic Products Of Malay Peninsula* (Burkhill 1935), *Wayside Tree Of Malaya* (Corners 1952) dan *Plant Life In Malaya* ( Holttum 1954)[169]

Kesemua warisan ilmu sains kolonial ini diterimapakai di Malaysia selepas merdeka dengan sedikit penambahbaikan. Ia telah diwacanakan dan dikaji oleh pengkaji Melayu.[170]

Program penjajahan politik di Tanah Melayu berjalan lancar dengan adanya pengenalan sains dan teknologi Barat. Mengikut Mohd Hazim Shah yang mengulas teori George Basalla tentang proses pemindahan teknologi Barat ke Alam Melayu, menegaskan bahawa proses penaklukan epistemologi sains Barat di Tanah Melayu berlaku dalam beberapa langkah utama.[171]

Pertama: Mewujudkan sekolah untuk golongan elit Melayu, Maktab Melayu Kuala Kangsar. Mereka mengajar tentang *world-view* sains barat dalam soal-soal matlamat hidup, pengurusan serta penyelesaian masalah dan mereka menolak semua *world-view*, cara hidup dan paradigma pemikiran Melayu.[172]

---

169 Ibid.

170 Ezwan Arman, Science And Technology Transfer Under Colonial Administration: A Case Study Of Agricultural Policy And Development In British Malaya (1905-1957) *Tesis Ph.D Untuk Fakulti Sains Universiti Malaya* Kuala Lumpur, (2008).

171 Mohd Hazim Shah, Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule, dalam *Asian Journal of Social Science 35,* (2007).

172 Naoki, Soda. "Th e Malay World in Textbooks: Th e Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya". *Southeast Asian Studies*, 39(2), (2001) 188–234.



University of Malaya

Kedua; Pegawai British menyebarkan pemikiran saintifik barat dan mendedahkan kelemahan mentaliti Melayu yang berpegang pada agama dan budaya hidup yang bertentangan dengan nilai kemajuan barat. Dalam soal ini, Winstedt menegaskan bahawa Malaya adalah seperti keadaan di Britain pada zaman sebelum muncul idea *renaissance* yang percaya kepada tahyul dan agama yang tidak membawa kemajuan. Mereka juga berpendapat bahawa penjajahan British adalah untuk membawa kemajuan bagi masyarakat Melayu. Orang Melayu dianggap seperti kanak-kanak kecil yang perlu diajar bagi memajukan diri mereka. Disamping itu juga, mereka mendedahkan kelemahan sistem perubatan tradisional Melayu berbanding dengan perubatan British. Mereka menganggap doktor British bukan setakat dapat menyembuhkan penyakit bahkan ingin bawa kemajuan kepada orang Melayu.[173]

Ketiga; Penubuhan pusat penyelidikan tentang penyakit tropika, getah dan perhutanan. Melalui pusat penyelidikan ini, pihak British secara langsung telah memperkenalkan konsep sains dan paradigm penyelidikan barat. Hal ini telah memajukan program penyelidikan sains moden yang terkini di Malaysia.[174] Walaupun diakui pengetahuan sarjana Melayu tradisi memang mahir dalam isu perubatan ini[175], tetapi perbincangan tentang kaedah penyelidikan lanjutan bagi memajukan bidang perubatan ini memang agak ketinggalan.[176] Hal ini sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh sarjana Melayu selepas merdeka.[177]

[173]Danielle Falconer, British Implementation of Western Medicine in Malaysia and the Malaysian Reaction, dalam *The Forum Journal Of History*, v. 7, (2015) 43-58.
[174]Choon-Lee Chai (2008), Science and Modernity: Modern Medical Knowledge and Societal Rationalization in Malaysia, *tesis Ph.D untuk DeparTanah Melayuent of Sociology University of Saskatchewan,* (2008), bab 4-6.
[175] Mohd Koharuddin Mohd Balwi, Ketamadunan Melayu Dan Sains: Satu Analisis Awal Ke Atas Pencapaian Masyarakat Melayu Dalam Bidang Sains, *Jurnal Teknologi*, 39(E) Dis. 2003: 47–61
[176] Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Acceptance Of Kuala Lumpur Malay's Residents Towards Rukyah (Incantation), Dalam Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 19 (2), (2011) 305 – 317.
[177] Nurdeng Deuraseh, Rukyah (Jampi) dalam Perubatan Tradisional Melayu sebagai Rawatan Penyakit, Pencegahan, Pendinding Diri dan Harta: Kehebatan dan Sumbangan Ilmuwan Nusantara, dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun) Iv: Ulama Pemacu Transformasi Negara* disunting oleh: Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali, Farid Mat Zain, Hakim Zainal, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Maheram Ahmad, Md Nor Abdullah, Napisah Karimah Ismail & Zamri Arifin © Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, (2011) 383-391.



University of Malaya

Keempat; Proses Pengumpulan Dan Pengklasifikasi Bahan Tentang sains Tanah Melayu

Proses pengumpulan dan pengklasifikasi bahan ini dalam bentuk rekod dan historiografi Tanah Melayu, termasuk dalam bidang sains Melayu tradisi memang dilakukan di British Muzium. Ia menjadi bahan kajian lanjutan oleh pengkaji barat dan Islam selepas merdeka. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa teknik dan kaedah penjagaan dan klasifikasi ini telah dipelajari oleh masyarakat bekas tanah jajahan dengan Barat.

## 2.7 Dasar Pecah dan Perintah

British dalam mewujudkan masyarakat etnik berbeza di Tanah Melayu telah melakukan beberapa perkara yang memastikan etnik yang berbeza ini tidak akan bersatu:

1. Mereka menganggap bangsa mereka lebih tinggi daripada etnik Melayu dan Cina.

2. Niat asal mereka membawa masuk imigran asing adalah untuk berkerja semata-mata dan tidak mahu mereka tinggal bermastautin di Tanah Melayu.[178] Ini kerana mereka anggap orang Melayu lebih layak untuk tinggal di Tanah Melayu. Daripada awal lagi mereka *bias* pada kedua etnik ini, orang Melayu dianggap anak kecil dan Cina dan India sebagai kuli yang boleh dipergunakan sepenuhnya.[179]

3. Mereka mencetuskan api pertelingkahan antara kaum dengan memisahkan mereka di lokasi berbeza. Lebih penting lagi dalam setiap dasar dan tulisan, kesemua etnik ini didedahkan sangat berbeza dan saling bertentangan. Istilah yang selalu dipakai adalah

---

[178] T. H. Silcock, The Economy of Malaya: An Essay in Colonial Political Economy, (Singapore: Donald Moore, 1954) 34

[179] Hirschman, *The Making Of Race In Colonial Malaya: Political Economy And Racial Ideology*, 348; Hirschman, *The Meaning And Measurement Of Ethnicity In Malaysia: An Analysistem Of Census Classifications*, 557.



University of Malaya

*othering*.[180] Mereka meletakkan bibit awal agar kedua etnik (Melayu dan Cina) mesti prejudis antara satu sama lain. Orang Melayu tidak boleh mempercayai orang Cina dan sebaliknya.[181] Hal ini diterapkan walaupun kedua etnik ini tidak memandangnya begitu.[182] Mereka membesar-besarkan isu bahawa pembesar Melayu gagal mengawal dua kongsi Cina di Perak sehingga menyebabkan mereka patut datang untuk mendamaikan kedua etnik ini.[183] Bahkan Frank Swettenham sengaja menimbulkan isu orang Melayu enggan menerima orang Cina walaupun keduanya telah berkahwin dan memeluk Islam;

> *that though the Malay is hardly ever a bigot in matters of religion, he has the strongest possible objection to a Malay woman marrying or living with a Chinese, and this is another of those matters which have caused a great deal of trouble in the Protected Malay States*.[184]

4. Menetapkan *sterotpye* bahawa orang Melayu malas dan enggan berusaha membangunkan sumber alam yang harus dibantu oleh British. Mereka ditetapkan sebagai penanam padi. Walaupun ada orang Melayu menceburi penanaman getah dan perniagaan, British tidak mengalakkannya. Mereka tidak mahu orang Melayu menjadi saingan pada peniaga British. Mereka tidak membenarkan orang Melayu menjual tanah kepada orang Cina dengan mewujudkan dasar tanah rezab Melayu. Secara halusnya, mereka menanamkan sifat prejudis daripada awal bahawa Cina akan mempergunakan orang Melayu dengan cuba memiliki tanah orang Melayu.[185]

---

[180] David Spurr *The Rhetoric of Empire: Colonial Discourse in Journalism, Travel Writing and Imperial Administration*, (Durham: Duke University Press 1993), 7

[181] Colin E. R. Abrahams, Racial And Ethnic Manipulation In Colonial Malaya, *Ethnic And Racial Studies*, Vol. 6, No. 1, (1983), 18-32

[182] Sandra Khor Manickam, *Ideas Of Nation And Malayness In Malaya 1809-1942: A History Of Inclusion And Etidak clusion,* Tesistem Sarjana National University Of Singapore, (2005). 40-42.

[183] Hugh Clifford, A Lesson From The Malay States, *The Atlantic Monthly*, Volume 84, Issue 505 (November 1899). 592.

[184] Frank Swettanham, *British Malaya: An Account Of The Origin And Progress Of British Influence In Malaya*, London : J. Lane, the Bodley Head , (1920), 147

[185] Lim Teck Ghees, British Colonial Administration And The Ethnic Division Of Labour In Malaya, *Kajian Malaysia* II, 2, (1984) 39.



University of Malaya

Dalam sistem sosio-ekonomi kolonial di Tanah Melayu, terdapat 4 susun lapisan strata atau kasta masyarakat;

i. Pihak kolonial sebagai ketua dan peniaga yang bertindak sebagai penasihat untuk memajukan Tanah Melayu.

ii. Pihak raja dan pembesar Melayu sebagai alat British untuk mendapatkan mandat ekonomi dan menguasai masyarakat Melayu. Mereka diberi pelbagai keistimewaan seperti peluang pendidikan terbaik, elaun bulanan dan tahunan, diterima sebagai staf pertengahan dalam sistem pentadbiran kolonial. Mereka juga mengamalkan gaya hidup kelas atasan seperti mana kelas pertama. Contohnya gaya hidup sosial dan berpakaian mengikut stail kolonial. Mereka juga terlibat dalam aktiviti sosial kolonial di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur.

iii. Saudagar Cina sebagai pemodal untuk aktiviti ekonomi di ladang dan lombong. Mereka berada di bawah kelas kolonial di mana suara mereka diambil kira oleh pihak kolonial.

iv. Tiga etnik Melayu, Cina dan India sebagai kuli atau pekerja dan pembekal bahan makanan untuk tiga lapisan yang diatas.

Tindakan British melaksanakan Dasar Pecah dan Perintah menyebabkan kerjasama antara kaum tidak wujud. Keharmonian penduduk Tanah Melayu yang menyelubungi kehidupan penduduknya sebelum ini sudah mula merasai bahang kekacauan daripada segi hubungan etnik. Perpecahan di kalangan penduduk membolehkan penjajah British mengeksploitasi pentadbiran dan politik di tanah jajahan, menguasai sepenuhnya kegiatan ekonomi Tanah

University of Malaya

Melayu. Jelasnya, kedatangan British akan berusaha menggunakan sumber tenaga buruh yang murah untuk dieksploitasi. Pemikiran ekonomi kapitalisme mula tersebar dan meresap menerusi syarikat-syarikat gergasi Barat.

Pihak British mempergunakan sepenuhnya keringat ketiga etnik ini untuk kepentingan ekonomi mereka. Tidak mahu mereka terlalu cerdik (*over educated)* hingga terlibat dalam aktiviti kesedaran dan perpaduan, sehingga menggagalkan usaha kolonial memerah hasil bumi Tanah Melayu. Untuk itu mereka dipisahkan dari segi pekerjaan, tempat tinggal dan pendidikan. Mereka dipastikan hidup sebagai masyarakat plural:[186]

i. Berjumpa dan berinteraksi hanya untuk tujuan ekonomi.

ii. Terpaksa tinggal bersama dalam masyarakat tanpa ada hubungan erat.

iii. Setiap ras mengekalkan kehidupan sosial dan identiti budaya mereka dalam suasana persekitaran baru.

iv. Elemen perbezaan lebih banyak daripada persamaan.

v. Sistem pendidikan dan pergantungan kepada ketua atau entiti negara yang berbeza.

vi. Mempunyai mimpi dan matlamat hidup yang berbeza.

[186] Alvin Rabushka (1973), *Race And Politics In Urban Malaya,(* California: Hoover Institution Press, 1973), 19-27; S. Husin Ali, “A Note on Orang Melayu Society and Culture”, dalam S. Takdir Alisjahbana, Xavier S. T. Nayagam & Wang Gungwu (eds.), *The Cultural Problems of Malaya in the Context of Southeast Asia*.( Kuala Lumpur: The Malaya Society of Orientalists, 1965) . 66.



University of Malaya

Kesimpulannya, ilmu kolonial ini tergolong dalam genre orientalis dalam segenap segi. Terdapat dua bentuk kajian orientalis. Pertama, kajian teori asas orientalis yang dihasilkan oleh sarjana orientalis klasik. Kedua, kajian amali orientalis terhadap realiti masyarakat tanah jajahan yang dihasilkan oleh sarjana kolonial. Pendekatan dan hasil kajian Edward said tentang genre orientalis amat berguna dijadikan rujukan asas untuk menilai ilmu kolonial. Ianya penuh dengan pelbagai kelemahan. Antaranya;

i. Penuh dengan *pre-conceived* idea yang negatif tentang masyarakat Tanah jajahan yang dikaji. Mereka bukannya bebas nilai tetapi *bias* dengan agenda kolonial Barat.

ii. Disiplin orientalisme bersama dengan agenda kolonialisme adalah disiplin ciptaan barat (*occident*) yang memperihalkan masyarakat bukan barat (*oriental*) untuk tujuan memburuk, mengatur dan menjajah. Ia adalah hasil kajian yang sama sekali tidak mendapat persetujuan masyarakat *orient*.

iii. Ia dijadikan alasan untuk tujuan mentamadun serta menjajah masyarakat *orien*t.

iv. Kajian orientalis mewujudkan *binari* (kita dan mereka). Ia mewujudkan perbezaan *Self Truth Claim* antara kita (orang barat) dengan mereka (*other*). Kita mewakili semua elemen positif, manakala mereka penuh dengan semua elemen negatif. Kita memiliki kecerdikan akal dan rupa paras yang sempurna, manakala mereka separuh manusia (*Less/Half Human*) yang memiliki akal primitif.

University of Malaya

v. Tafsiran sarjana orientalis terhadap objek kajian masyarakat *orient* diwarnai dengan falsafah atau teori pegangan masyarakat barat yang berbentuk sekular, *Euro-Centric, Evolutionism* dan *Diffusionism.*

### 2.8 Pendekatan Penilaian Ilmu Kolonial di Malaysia

Salah satu keunikan penjajahan British di Tanah Melayu adalah masyarakat Melayu tidak merasa sangat impak buruk penjajahan. Hal ini berbeza dengan masyarakat Indonesia, di mana mereka sangat membenci penjajah Belanda, sehingga nama dan semua saki baki pengaruh Belanda akan dimusuhi. Ia berpunca daripada pendekatan penjajah Belanda yang sangat keras semasa menjajah indonesia.

Penjajah British memang menjalankan dasar penjajahan secara berhemah tetapi penuh dengan tipu helah. Akibatnya, tidak semua memaklumi impak buruk yang ditinggalkan oleh penjajah British. Lebih-lebih lagi, bagi anak didik British berupa golongan pembesar Melayu telah menjadi pemimpin malaysia selepas merdeka. Semua dasar warisan British telah dikekalkan dalam pemerintahan negara. Selepas kebanyakan negara bekas jajahan memperolehi kemerdekaan, ironisnya penjajahan bentuk baru telah timbul.

Ia berupa neo-kolonialisme negara Barat, khususnya Amerika Syarikat merasakan perlu untuk mengekalkan dominasi epistemologi liberal Barat pada semua masyarakat dunia. Amerika sebagai kuasa besar dunia selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, berusaha untuk mengekalkan dominasi epistemologi ilmu Barat selain bergantung kepada kuasa ekonomi dan ketenteraan. Secara halusnya mereka mahu Negara Dunia Ketiga yang telah merdeka menganggap epistemologi Barat sebagai satu-satunya formula epistemologi yang sah dan universal untuk seluruh dunia. Antara langkah yang dilakukan;



University of Malaya

i. Mewujudkan badan antarabangsa khusus seperti Ford dan Asia Foundation untuk mempromosikan epistemologi dan fahaman Barat ke seluruh dunia. Atas nama Pembangunan dan Hak Asasi Manusia, sistem demokrasi Barat diwartakan sebagai satu-satunya kaedah dan formula yang sesuai untuk kemanusiaan sejagat.

ii. Menaja pusat kajian dan pengajian ilmu di negara dunia ketiga. Contohnya Amerika telah menaja dan memberi bantuan penubuhan cawagan Institut Pengajian Tinggi Amerika di beberapa negara Timur Tengah dan Asia.

iii. Tanah Melayu telah dimasukkan dalam kelompok geo-politik negara bekas jajahan yang mendokong sistem demokrasi, sebagai lawan ataupun antitesis kuasa blok komunis. Sejak awal lagi Tanah Melayu dirancang oleh British untuk berkiblat pada Barat. Ia berupa dasar luar dan dalaman negara yang mementingkan pembangunan ekonomi mengikut acuan Barat.

## 2.9 Perkembangan Tren akademik Anti Penjajahan Barat Selepas Merdeka

Pada dasarnya, terdapat pendekatan pasca kolonialisme (anti penjajahan) yang berkembang dalam dunia ilmu. Jika dilakukan pemetaan terhadap bentuk dan modus operandi tren ilmu anti penjajahan ini terbahagi kepada empat jenis yang utama;

**i. Pendekatan *Sabelturn Studies***

University of Malaya

Pemikir daripada benua Afrika dan India memperkenalkan pendekatan *sabelturn studies*. Pendekatan ini berbeza dengan pendekatan yang selalu digunakan iaitu penceritaan golongan kolonial dan feudal tetapi menggunakan sejarah daripada golongan bawahan. [187]

**ii. Pendekatan Pasca Kolonialism**

Pendekatan ini adalah penilaian semula ilmu dan sejarah yang ditulis oleh golongan kolonial.[188] Ia termasuk usaha merekonstruksi kesemua keilmuan yang dihasilkan oleh pihak kolonial Barat. Namun begitu, pendekatan ini masih mempunyai kelemahan kerana masih belum bebas daripada memakai *world-view* sekular kolonial yang telah diterapkan dalam keilmuan, samada ilmu sains sosial[189] ataupun ilmu sains tulen.[190]

**iii. Pendekatan Pro Terhadap Ilmu Kolonial**

Memang terdapat sesetengah sarjana dan pemimpin Melayu yang tetap fanatik berpegang pada ilmu kolonial. Ibn Khaldun telah mengemukakan teori jiwa hamba yang dimiliki oleh bangsa yang pernah dijajah. Mereka akan menganggap kuasa bekas penjajah mereka sebagai suatu bangsa yang maju dan agung, yang patut ditiru oleh bangsa yang pernah dijajah. Manakala Syed Hussein al-Attas pula mengemukakan teori mentaliti watak tertawan, sikap yang terlalu pro dengan warisan kolonial. Ianya dipegang oleh beberapa kalangan masyarakat di Malaysia.

Syed Hussein al-Attas mengulas antara sikap utama golongan ini. Pertama, mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan Barat dan sering taasub dengan teori dan

[187] Mohamad Saleeh Rahamad, Oksidentalisme Dalam Persuratan: Juzuk Penting Dalam Kajian Pascakolonial, *Pemikir, (2007)*
[188] Zawiah Yahya, *Resisting Colonialist Discourse*, (Bangi : Penerbit UKM, 1994)
[189] Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), "Epistemologi Kolonial: Satu Analisis Cirri Dan Kesannya", Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : DBP) . 91-92
[190] Mohd Hazim Shah, Historicizing Rationality: The Transmission Of Rationality And Science To The Malay States Under British Rule, dalam *Asian Journal Of Social Science*, 35, (2007) 216-241.

bahan bacaan daripada Barat. Kedua, sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada Barat. Ketiga, tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menanggani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah. Keempat, tidak mengamalkan sikap kritikal dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber Barat dan akhirnya kelima, tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka. [191]

### iv. Konsep Disiplin Oksidentalisme

Berhadapan dengan ketiga pendekatan di atas, sarjana mencadangkan pendekatan disiplin oksidentalisme sebagai alternatif utama. Ia adalah kajian dan penilaian masyarakat bukan Barat terhadap masyarakat Barat dalam dua aspek iaitu kajian kawasan dan kognitif. Sebagai anti-tesis kepada ilmu Kolonial, disiplin oksidentalisme ini cuba memperbetulkan kesilapan disiplin orientalisme dengan menjadikan ruang fizikal dan abstrak atau pemikiran masyarakat Barat sebagai objek kajian. Namun begitu, ada kebimbangan bahawa kesilapan pendekatan yang diamalkan disiplin orientalisme akan turut dilakukan oleh pendokong oksidentalisme. Hal ini akan berlaku kerana oksidentalisme lebih berteraskan nilai permusuhan (*counter discourse*) kepada disiplin orientalisme.

Bagi Syed Naquib al-Attas, ia menawarkan pendekatan menggunakan *world-view* Islam yang lebih holistik, bukannya secara tempelan semata-mata yang biasanya dilakukan oleh golongan pertama dan kedua.[192] Ia berpendapat, kita perlu melakukan analisis kritikal terhadap falsafah ilmu Barat dalam tiga aspek utama. Ia berupa aspek ontologi (apa yang wujud), epistemologi (isu asal usul, dasar, metode dan batas ilmu) dan aksiologi (sistem nilai). Neraca penilaian ini mesti berasaskan pandangan *world-view* Islam. Usaha ini secara

---

[191] Syed Hussein Al-Attas, Watak Tertawan Di Negara Membangun ", Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, (Kuala Lumpur : DBP, 2005) h. 2-10.
[192] Shamsul Amri Baharuddin,"Oksidentalisme: Pengertian Dan Hala Tuju", Dalam *Jurnal Pemikir*, (2004) 1-19

langsung memerlukan pemakaian pemikiran meta-kognitif dan usaha *re-defination* terhadap semua konsep yang dihasilkan oleh sistem kognitif Barat.[193]

Mengikut Syed Naquib al-Attas, dalam menangani orientalisme dan ilmu kolonial, kita perlu melakukan beberapa perkara;

Pertama, memberikan definisi kita sendiri tentang ajaran Islam tanpa perlu bergantung dengan apa yang diberikan oleh orientalis Barat.[194] kita mempunyai *world-view* kita sendiri tentang agama Islam yang berasaskan kepada sumber wahyu dan akal terpimpin.[195] Secara induktifnya, kita boleh memahami bahawa program Islamisasi ilmu pengetahuan yang diusulkan oleh Syed Naquib al-Attas dan Ismail Faruqi merupakan gagasan intelektual untuk menyaingi genre orientalisme Barat. Lagipun, golongan orientalis lebih merupakan *outsider* yang mengkaji dan memandang Islam dengan kaca mata yang sarat dengan *bias* sekularisme dan kepentingan Barat.[196]

Kedua, memahami elemen *world-view* Barat yang mendasari ilmu kolonial. Hamid Zarkashi menegaskan bahawa *worldview* adalah kepercayaan, perasaan dan apa-apa yang terdapat dalam fikiran orang yang berfungsi sebagai "motor" sesuatu tindakan. Ia berupa sistem kepercayaan asas yang integral tentang hakikat diri, realiti, makna eksistensi dan asas bagi aktiviti ilmiah.[197]

---

[193] Mohd Azhar Abd Hamid, *Pengenalan Pemikiran Kritis Dan Kreatif*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001). 98-116.
[194] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Aim And Objective of Islamic Education*, (Jeddah: University Of King Abdul Aziz, 2003), *Islam And Secularism . (*Kuala Lumpur: ISTAC, 1979). 123-124.
[195] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *The Concept Of Education In Islam: A Framework For An Philosophy Of Education. (*Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1980). 43.
[196] Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam And Secularism*, (2003). 162-163; Ismail Faruqi, *Islamization Of Knowledge*, Herndon: IIIT, ( 1995) 35.
[197] Hamid Fahmy Zarkasyi, *Worldview* Islam dan Kapitalisme Barat**,** *Jurnal TSAQAFAH.* Vol. 9, No. 1, (2013) 17-37



University of Malaya

Hasilnya, melalui penyiasatan *world-view* ini kita mendapati bahawa ilmu kolonial berasaskan *world-view* falsafah kolonialisme. Falsafah ini menganggap kuasa British sebagai penyelamat (*saviour*) masyarakat Melayu[198] daripada kejahilan diri sendiri. Ia bermatlamat menjajah masyarakat bukan Barat. Ia akan memperihalkan masyarakat bukan Barat (oriental) untuk tujuan memburukkan, mengatur dan menjajah. Ia adalah hasil kajian yang sama sekali tidak mendapat persetujuan masyarakat orient.

Ia juga berasaskan falsafah *evolutionism* yang diasaskan oleh Darwin. Ia menganggap tamadun Barat sebagai lebih tinggi berbanding dengan tamadun masyarakat timur.[199] Pencapaian tamadun Barat ini disebabkan kerana penerimaan fahaman sekularisme yang menolak agama di dalam hidup manusia.[200] Sebaliknya, masyarakat selain Barat yang masih berpegang kepada agama telah dianggap sebagai mundur, bodoh, bebal dan tidak bertamadun yang harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah, melalui proses penjajahan.[201] Bahkan kononnya tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat timur ini telah dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang terpaksa dimainkan oleh masyarakat Eropah.[202]

Berdasarkan kepada falasafah ini, mendorong sarjana kolonial yang mengkaji undang-undang adat Melayu-Islam memburuk-burukkannya sebagai ketinggalan zaman, zalim dan

[198] Dalam soal ini Winstedt menegaskan : *Though his very name has been forgotten at Kuala Kangsar, Captain James Low was the saviour of Perak.. and along with the name of Low, Perak ought to enscribe in the letters of gold the name Robert Fullerton, Governor of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca.* Lihat R.O. Winstedt, " A History of Perak ", dalam JMBRAS, 12 (1), (1934) 73.

[199] Edward Said (1981), *Covering Islam, How The Media And The Experts Determine Hows We See The Rest Of The World*, London, h. 39-40, 60 dan 62.

[200] Zainal Kling (1994), *Antropologi tafsiran : sumbangan kebudayaan Melayu kepada teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor, Kuala Lumpur, h. 12-13.

[201] Sebagai contohnya Frank Swettenham menyatakan bagaimana Raja Muda Abdullah telah meminta kuasa British untuk campurtangan di Negeri Perak dengan tujuan : *to teach him how to rule this unruly country, but the circumstances alone made that interference the duty of the paramount power*. Lihat F. Swettenham (1893), *About Perak,* Singapore, h. 5 dan 9.

[202] Wang Gungwu, *Scholarship and the history and politics of Southeast Asia*, (Flinders University of South Australia, 1970), 11.



University of Malaya

tidak berperikemanusiaan.[203] Sifat buruk orang Melayu dikatakan berpunca dari pengamalan mereka terhadap ajaran Islam.

Falsafah lain adalah *Diffusionisme* yang menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan,[204] tetapi kerana faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru oleh masyarakat Melayu. Falsafah ini menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan.[205]

Ketiga, mengkritik paradigma logikal positivisme yang dipakai dalam ilmu kolonial. Paradigma logikal *positivism* (sekularisme) ini menjadi asas kepada metodologi kajian orientalisme. Ia telah diterapkan apabila membangunkan sains Kolonial. Pengaruhnya memang kedapatan di Malaysia.

Antara kelemahannya;

i. Bersifat *fenomenalism i*aitu hanya mengambilkira apa yang boleh diamati dan apa yang tidak dapat ditanggap dengan pancaindera akan ditolak. Hal ini secara langsung bertentangan dengan hieraki kewujudan dalam Islam yang bersifat holistik dan berlapis mengikut hierakinya yang tersendiri.

ii. Bersifat reduksionisme. Alam ini dipecahkan sebagai benda mati yang tiada elemen *spiritual.* Hal ini bertentangan dengan konsep alam dari perspektif tauhid. Selain daripada Allah, semuanya dinamakan sebagai makhluk (manusia, alam

---

[203] Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, *Sastera undang-undang*, Kuala Lumpur : DBP, 1995) xi-xxi.

[204] Zainal Kling, *Antropologi tafsiran : sumbangan kebudayaan Melayu kepada teori*, Syarahan perdana untuk pengukuhan profesor, Kuala Lumpur, (1994) 8-10.

[205] Bryan S. Turner, " *Gustave E. Von Grunebaum and the mimesis of Islam* ", dalam *Orientalism, Islam And Islamist*, (1964) 193-202.



University of Malaya

semesta, haiwan dan flora) yang sentiasa mencari keredaan Allah sebagai matlamat utama kehidupan.

iii. Menekankan prinsip naturalisme yang mempercayai alam ini bergerak secara mekanistik (seperti mesin yang dapat dijangka dan diramal hasilnya). Hal ini memang diakui dalam Islam bahawa alam ini boleh dan wajib dipelajari tetapi ianya tertakluk kepada perspektif tauhid. Alam memang boleh difahami dengan akal tetapi akal itu bukan bersifat bersifat mutlak dan penuh dengan relativiti yang merosakkan. Ringkasnya, manusia perlu bergantung pada sumber wahyu untuk memahami alam secara lebih holistik sesuai dengan sifat al-Quran sebagai kitab *Furqan* yang mewajibkan manusia meneliti alam ini yang dikenali sebagai *Sunnah Kawniah*. Terpenting sekali, Islam mengajarkan manusia mengamalkan teologi-etika yang mesra alam tidak dibenarkan merosakkan keseimbangan alam ini. Tanpa teologi-etika ini manusia sudah pasti akan bertindak merosakkan keseimbangan ekologi alam ini.

iv. Menekankan sifat universalisme ilmu. Semua ilmu perlu diterapkan dengan elemen positivisme seandainya mahu diakui sebagai ilmu. Hal ini bertentangan dengan prinsip Islam yang mempercayai tidak semua ilmu itu berguna dan kadang-kadang ianya bakal menyesat. Sesuatu ilmu yang berguna perlu bersumberkan wahyu Allah dan hasil akumulasi fikiran manusia yang mempunyai tiga bentuk hirarki yang berbeza; a) *Haqq Yaqin*; ilmu paling benar dan mutlak; terhasil daripada keimanan yang jitu terhadap sumber wahyu yang bersifat *qat'i* dan bertepatan dengan akal yang sihat. Contohnya adalah perkara tentang Rukun Iman dan Islam; b) *Ilmu Yaqin*; kesimpulan yang didasarkan pada penilaian akal terhadap fakta yang benar (mutawatir). Contohnya adalah amalan ibadat dalam

Islam yang diriwayatkan melalui khabar yang betul; c). *'Ain Yaqin*; kesimpulan yang terhasil daripada pemikiran dan pengalaman seperti melalui eksperimen, laporan, sejarah dan pengalaman hidup. Ianya hanya bersifat relatif dalam Islam. Contohnya adalah ilmu yang terhasil daripada kajian ilmiah yang perlu sentiasa di*review* dengan kajian yang lain.

**Kesimpulan**

Sebagai rumusan akhir, kita perlu mengamalkan pendekatan kritikal dan selektif berhadapan dengan ilmu kolonial. Kita perlu berhadapan dengan ilmu Kolonial-genre orientalis ini bukan secara kekerasan, tetapi melalui wacana ilmiah. Sebelum ini, disiplin oksidentalisme yang dibangunkan dalam dunia akademik lebih bernuasakan kepada pengaruh marxisme dan falsafah post-kolonialisme. Sudah sampai masanya umat Islam turut sama memperkasakan disiplin oksidentalisme dengan menerapkan dengan nilai-nilai Islam sejati. Berasaskan kerangka disiplin oksidentalisme Islam, kita mampu mengkritik dan mendedahkan kelemahan kognitif sarjana ilmu kolonial dalam kajian tentang masyarakat Melayu. Disiplin ini sepatutnya dijadikan medium utama untuk mendedahkan lagi kelemahan ilmu Kolonial.

University of Malaya

# BAB TIGA

# ANALISIS METODOLOGI PEMBINAAN ILMU KOLONIAL

## 3.1 Pengenalan

Pembinaan ilmu kolonial di Tanah Melayu berkait rapat dengan usaha yang dimainkan oleh sekelompok sarjana-pentadbir British. Golongan ini dapat dikatakan sebagai *intellectual circle* yang meletakkan batu asas untuk melahirkan ilmu kolonial. Dalam sejarah perkembangan keilmuan dunia, peranan golongan ilmuan ataupun *intellectual circle* amat penting sekali. Golongan ini dikesan memperjuangkan konsep, teori dan paradigma dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan.

Usaha mereka secara langsung telah mempengaruhi semua aspek kehidupan manusia – politik, sosial, ekonomi dan perundangan. Dalam perbincangan sarjana, konsep *intellectual circle* ini mengandungi beberapa ciri asas;[206]

1. Mempunyai kepakaran dengan kelulusan akademik tertinggi.

2. Terdiri daripada golongan profesional yang berpengalaman dalam bidang khusus serta terlibat dalam NGO dan sebagai jawatankuasa akademik dalam dan luar negeri- sebagai pemeriksa luar bagi jurnal ternama dalam dan luar negeri.

3. Terlibat dalam wacana dan mengamalkan budaya ilmu yang berterusan, mengamalkan sikap keterbukaan dalam proses penganalisaan teori dan penjanaan idea baru yang lebih bersifat praktikal.

---

[206] Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai: Penerbit UTANAH MELAYU, H. 22-27.



University of Malaya

4. Membawa idealisme dan falsafah pemikiran tertentu; mengamalkan pemikiran strategik untuk memajukan pelbagai niche area yang sangat diperlukan untuk kepentingan manusia. Ianya seumpama amalan *Chicago* dan *Vienna circle* di institut pengajian tinggi Barat ; yang mengenalpasti idea dan teori baru serta mengkaji dan menganalisis nya secara kritikal.

5. Mampu mempengaruhi aktor politik dan menerapkan hasil perjuangan di dalam institusi pendidikan tinggi dan menerbitkan pelbagai tulisan khusus dalam bidang perkhususan tertentu. Hal ini sebagai contohnya gabungan pakar Barat seperti David Hume, Francis Bacon, John locke, Stuart Mill yang kemudiannya berjaya melahirkan kelompok ilmuan sains Barat. Mereka menekankan perkembangan ilmu didasarkan kepada falsafah rasionalisme, positivisme dan *ulitaritarian* (berguna kepada masyarakat). Falsafah dan idealisme yang dipakai oleh golongan pakar pemikir ini diterimapakai oleh kerajaan Britain dalam kebanyakan dasar negara, termasuk untuk kegunaan Pejabat Tanah Jajahan British.

Walaupun diakui bahawa sarjana-pentadbir British di Tanah Melayu tidak memenuhi kriteria *intellectual circle* di atas. Namun begitu, mereka secara langsung memainkan peranan besar membangunkan ilmu kolonial di Tanah Melayu.

### 3.2 Metodologi Pembinaan

Sarjana-pentadbir British adalah golongan yang bertanggungjawab membangunkan ilmu kolonial. Mereka terlibat dalam perkhidmatan awam di Tanah Melayu semasa penjajahan berlangsung. Mekanisme pembentukan sarjana-pentadbir kolonial memang dibuat dengan

University of Malaya

agak rapi.[207] Walaupun jumlah mereka secara relatifnya agak kecil berbanding dengan bangsa Eropah lain yang berkhidmat di Tanah Melayu pada masa itu, tetapi usaha dan peranan mereka sangat besar dalam membangunkan ilmu Kolonial.[208]

**i. Pemilihan Dan Latihan**

Pemilihan kadet pegawai kolonial dipilih daripada keluarga kelas menengah British. Mereka perlu sekurang-kurangnya mendapat pendidikan asas daripada *English Public School* seperti Eton, Winchester, Harrow, Rugby, Shrewsbury, Charterhouse dan Westminster atau lulusan daripada University of Cambridge dan Oxford di Britain.[209] Kedua institusi pendidikan ini dianggap berprestij kerana menekankan falsafah dan sistem *ethos* British sejati.[210] Kelas menengah British sering mendapat jolokan sebagai *English Gentlemen*. Ia adalah suatu nisbah yang mengandungi ciri-ciri terpuji seperti amanah, setia kepada prinsip dan kelas yang dimiliki.

Dalam masyarakat di Britain, kelas menengah dikatakan memang meminati kegiatan intelektual;

> " *to undertaking amateur intellectual endeavors, such as ethnology or collecting, as these were popular middle class pursuits among the middle classes in England and Western Europe at the time. This was often due to a desire to continue the intellectual interests that were fostered at university, or to achieve a reputation and get a foothold for possible career advancement for their post-Civil Service life*.[211]

---

[207] Robert Heussler, *British Rule In Malaya: The Malayan Civil Service And Its Predecessors 1867-1942*, Westwood,( Connecticut: Greenwood Press,1981), 320

[208] Kenneth Bradley (1950), *The Colonial Civil Service As A Career*,( London: His Majesty's Stationery Office 1950) 27.

[209] John Butcher (1979), *The British In Malaya 1880-1941, (*Kuala Lumpur: Oxford university Press, 1979) 36-42

[210] Ibid, 36

[211] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology,Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, Tesistemtemtem Ph.D Untuk University Of Pennsylvania, (2012) 4.



University of Malaya

Dalam petikan di atas, ada menyebut pegawai kolonial di tanah jajahan cuba mendapatkan sebanyak mungkin pengalaman tentang masyarakat koloni. Hal ini bakal memungkinkan mereka mendapat peluang berkhidmat sebagai tenaga akademik di institut pengajian tinggi Britain apabila tamat berkhidmat perkhidmatan. Dalam amalan pendidikan tinggi di Eropah, terdapat beberapa kaedah pemilihan atau perkaderan pensyarah yang dilakukan. Antaranya;

1. Memilih pelajar terbaik yang memiliki kemahiran bahasa oriental dan metodologi penyelidikan. Pelajar pilihan ini akan ditaja untuk melakukan pengajian peringkat pasca sarjana. Apabila tamat belajar, pelajar ini akan diserap dalam perkhidmatan pensyarah di IPT terbabit.

2. Pelajar akan dihantar berkhidmat di koloni untuk mendalami lagi budaya masyarakat koloni.

3. Kakitangan atau pelajar yang berkhidmat di koloni akan mengumpul dan melakukan kajian membabitkan masyarakat koloni. Apabila balik ke Eropah koleksi bahan kajian ini akan dijadikan sebagai tesis yang diajukan kepada IPT Barat.

4. Calon-calon terpilih ini akan dilantik menjadi pakar masyarakat koloni di IPT terbabit. Biasanya tahap populariti staf akademik yang pernah berkhidmat di koloni akan lebih diakui.

Syarikat Hindia Timur British selaku majikan di koloni melalui agen mereka akan mempromosi dan mengedarkan pamplet tentang peluang jawatan kadet pegawai kolonial

University of Malaya

kepada lulusan universiti Cambridge dan Oxford.[212] *Post* jawatan ini akan membabitkan perkhidmatan awam yang bertanggungjawab ke atas hal-hal awam, ketenteraan dan kehakiman. Pelbagai peluang dan keistimewaan yang menarik untuk jawatan-jawatan ini akan turut diberikan. Antaranya adalah peluang untuk menambah pengalaman bertugas di luar negara serta mendapatkan ilmu dan mengenali bangsa asing.[213] Mana-mana calon yang berminat akan menduduki peperiksaan dan temuduga yang agak ketat.

Bagi pegawai muda dan baru menyertai Syarikat Hindia Timur British, sebelum mereka memulakan tugas, mereka akan dihantar mengikuti latihan sebagai pegawai kadet di Haileybury, London selama dua tahun.[214] Objektif latihan adalah bagi memberikan pendidikan liberal dan latihan khas pra penempatan, dalam bidang-bidang yang merangkumi subjek-subjek yang menjadi keperluan utama ketika itu seperti Bahasa Latin, Bahasa Greek, Matematik, Perundangan, Falsafah, Ekonomi dan Politik, Sejarah British dan Geografi serta sedikit tumpuan dalam pengajian Oriental. [215] Selain bidang-bidang tersebut, para pelatih dikehendaki menggunakan inisiatif sendiri untuk mendalami pengetahuan dalam aspek komunikasi tempatan. Ia seperti mempelajari Bahasa Melayu, namun sehingga 1828 tidak ramai pegawai yang dapat menguasainya dengan mahir.

Akademi Haileybury ditubuhkan oleh Syarikat Hindia Timur British khusus bagi melatih bakal pentadbir Syarikat Hindia Timur British yang akan berkhidmat dalam perkhidmatan awam di tanah-tanah jajahan British di India, Afrika (Capetown), Negeri-negeri Selat dan China. Ia ditubuhkan pada Februari 1806 di Hertford Castle dengan nama asalnya adalah '*The Honourable East India College*' dan kemudian dinamakan '*Haileybury College*'. Akademi ini

---

[212] Heussler, Robert *British Rule In Malaya: The Malayan Civil Service And Its Predecessors 1867-1942*. Westwood, (Connecticut: Greenwood Press,1981) 265-266.
[213] Victor Purcell, *Memoirs Of A Malayan Official* (London: Cassell & Co LTD, 1965) 86
[214] Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2002) 142
[215] Mills, Lennox (1961). *British Malaya, 1824 – 67*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1961) 111-112

bukan sahaja melahirkan pentadbir tetapi juga majistret dan hakim. Selain melaksanakan tugas-tugas awam mereka turut terlibat dalam pelbagai kempen peperangan yang melibatkan British. Pengoperasian Akademi Latihan Haileybury itu bagaimanapun hanyalah sehingga tahun 1857 itu serentak dengan berakhirnya operasi Syarikat Hindia Timur British.

Selepas Akademi Haileybury ditutup pada tahun 1857, tugas latihan ini telah diambil alih oleh Universiti Cambridge dan Oxford. IPT ini mengadakan program;

1. Mengajar kadet terpilih agar mampu menguasai bahasa dan budaya masyarakat Tanah jajahan. Mereka akan diterapkan dengan falsafah *Eurocentric* dan memandang rendah bangsa bukan Barat. Mereka dilarang mengambil sikap bersimpati dengan masyarakat Tanah jajahan.[216]

2. IPT di Barat (British dan Belanda) ditugaskan melatih kader-kader ini tentang sejarah, bahasa, budaya dan ilmu filologi bagi menjalankan misi mendapatkan maklumat tentang masyarakat tanah jajahan.[217]

Akademi latihan di bawah Syarikat Hindia Timur British ini menunjukkan bahawa aspek latihan pra perkhidmatan atau latihan sebelum kerjaya dalam perkhidmatan awam itu telah diberi perhatian penting seawal abad ke-19 lagi. Konsep latihan sebelum berkhidmat itu terus berkembang pada abad ke-20 iaitu di Raffles College, Singapura dan seterusnya di Maktab Melayu Kuala Kangsar.

[216] Sivachandralingam Sundara Raja, The Early British Administrators In The Malay States, 1874-1909, *Jurnal Sejarah*, V. 23, No 1, (2015). 32-39.
[217] Sudibyo, Kembali Ke Filologi : Filologi Indonesia Dan Tradisi Orientalisme, *Humaniora*, V. 19,(2007). 107-118.



University of Malaya

Semasa kadet ini berada di Tanah Melayu, mereka dikehendaki mempelajari tentang masyarakat Melayu berasaskan kepada kajian sarjana-pentadbir yang terdahulu. Projek penyelidikan kolonial bertajuk The *Papers on Malay Subjects* dihasilkan bagi tujuan latihan kepada kadet baru. Ia hasil cadangan yang dikemukakan oleh E .W. Birch, Residen Perak dan D. G. Campbell, Residen Negeri Sembilan. Keduanya berpendapat kadet baru perlu memiliki sensitiviti terhadap masyarakat Melayu dengan mempelajari budaya mereka. Buku *Malay Magic* karangan Skeat yang digunakan sebelumnya untuk latihan kadet baru didapati belum lengkap.[218]

Hasilnya, R. J. Wilkinson telah meneruskan projek penulisan buku The *Papers on Malay Subjects*. Beliau menerangkan bahawa tujuan utama buku ini :

> *It is intended to serve as a text-book for the examination of Cadets and, as such, to furnish an introduction to the study of Malay matters generally, but not of the technicalities and minute that only concern every limited number of out-station officers. On the other hand, it is also intended to meet the needs of out-station officers whenever they happen to require fuller information than would be furnished by a mere popular account of the Malays.*[219]

Kemudiannya, Wilkinson telah menambah isu agama dan kepercayaan Melayu dalam projek buku ini. Ia menyebut;

> *This little book is intended to help Civil Service Cadets studying for that part of their examination which deals with the Malay people…The book was originally prepared as a section or sub-division of a larger work on 'the Peninsular Malays'; but owing to the likelihood of delay…I have decided to publish each section as a pamphlet complete itself. The other pamphlets in the series will deal with Malay Literature, Malay Life and Customs, Malay Government and Law,Malay History, and Malay Industries. Each little book is designed for beginners only and is of an elementary or introductory character.*[220]

---

[218] E.W. Birch, "Preface To Malay Literature Part I: Romance, History, And Poetry," *Papers On Malay Subjects*, R.J. Wilkinson Ed.,( Kuala Lumpur : J.L. Wallace At The F.M.S. Government Press, 1924) iii.
[219] R.J. Wilkinson, "Malay Literature Part I: Romance, History, And Poetry," *Papers On Malay Subjects*, R.J. Wilkinson Ed., (Kuala Lumpur : J.L. Wallace At The F.M.S. Government Press, 1924), Vi.
[220] R.J. Wilkinson (1906), *Malay Beliefs*, (Leiden: E.J. Brill, 1906) I Dan 47.



University of Malaya

### ii. Tugas Dan Tanggungjawab Sarjana-Pentadbir British dalam Membangunkan Ilmu Kolonial

Kadet yang terpilih perlu menjalankan misi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat tentang masyarakat tanah jajahan untuk tujuan pentadbiran masyarakat. Sebenarnya pendekatan ini memang telah dilakukan sebelum kedatangan British. Ia telah dikumpulkan oleh sejarawan Portugis,[221] Belanda[222] dan British.[223]

Pihak kolonial British dan Belanda mengiktiraf Raffles sebagai pengasas kajian etnografi masyarakat Melayu[224] bagi tujuan mengetahui semua perkara penting tentang masyarakat Alam Melayu.[225] Walaupun Raffles tidak mendapat asas pendidikan tinggi dalam bidang pengajian Melayu dan Islam sepertimana tokoh sarjana-pentadbir orientalis lain, tetapi ia memang menganut fahaman *Logico-Positivsm* dan Darwinisme dalam mengkaji masyarakat Melayu. Dalam banyak hal ia mengasaskan kaedah pembinaan metodologi ilmu kolonial. Ia berupa garis panduan, dalam istilah *investigative modalities* yang diutarakan oleh Bernard Cohn.[226] Ia membabitkan kaedah bagaimana kadet-kadet ini perlu menjalankan usaha pengumpulan data melalui beberapa langkah;[227]

---

221 Box Er, C.R. Some Portuguese Sources For Indonesian Historiography, Dalam Soedjatanah Melayuoko (Eds), *An Introduction To Indonesian Historiography,* (New Haven : Cornell University Press, 1965)
222 Ibid
223 Barlow, H.S, *Swettenham*, (Kuala Lumpur : Southdene Bhd, 1995). 1-31.
224 Natalie A. Mault, *Java As A Western Construct : An Examinationof Sir Stamford Raffles's History Of Java*, Tesistemtem Sarjana Untuk Louisiana State University.(2005)
225 Matthew Schauer (2012), *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology,Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, Tesistemtemtem Ph.D Untuk University Of Pennsylvania, (2012) 4-6.
226 Bernard Cohn, *Colonialism And Its Forms Of Knowledge: (The British In India,* Oxford : Oxford University Press 1997), 5.
227 Shamsul Amri Baharuddin , " Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975 : Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia", Dalam *Malaysia : Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur, (1983) 337-339.

Pertama, menguasai bahasa peribumi untuk membolehkan proses komunikasi dan menjalankan program *law and order* di dalam masyarakat. Bagi memastikan kadet dapat menjalankan tugas dengan berkesan, mereka diwajibkan mempelajari dan menguasai bahasa tempatan. Antara bahasa tempatan ini adalah bahasa Melayu, India dan Mandarin. Tujuan utama adalah bagi memperkenalkan visi pentamadunan dalam masyarakat.

Para kadet ini biasanya dibantu dengan khidmat Munsyi yang bertindak sebagai pengajar bahasa tempatan dan orang tengah untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Contohnya, di Tanah Melayu, Abdullah Munsyi dicatatkan telah menjadi pengajar bahasa Melayu kepada Raffles. Ia juga ditugaskan dengan misi diplomatik ke Pahang dan Kelantan.[228] D isamping itu, ia juga ditugaskan oleh Raffles mengumpul dan menyalin manuskrip Melayu.[229] Melalui catatannya, pelbagai peristiwa dalam masyarakat Melayu dapat diketahui. Antaranya yang paling terkenal adalah mengenai masalah kemunduran masyarakat peribumi di Pantai Timur Tanah Melayu (Terengganu, Pahang dan Kelantan),[230] bagaimana orang Melayu mengerjakan ibadat Haji,[231] tradisi pengajian Quran di kalangan anak-anak Melayu dan terpenting sekali peristiwa yang membabitkan penjajah dan masyarakat peribumi seperti kes penyerahan Singapura.[232]

Kedua, menjalankan survey ataupun kajian tinjauan bagi mengumpulkan maklumat mengenai kehidupan sosial, alam sekitar dan segala perkara yang berkait dengan masyarakat

---

[228] Abu Hassan Abdul , Penulisan Karya Autobiografi Melayu Di Malaysia Dan Indonesia: Perkembangan, Isu Dan Pembaharuan, *Journal Perspektif,* Vol.4, No.1 (1985) 22-45.

[229] Voorhoeve, P., "A Malay Scriptorium" Dalam. John Bastin Dan R. Roolvink (Ed.). *Malayan And Indonesian Studies. Essays Presented To Sir Richard Winstedt On His Eighty-Fifth Birthday. (*Oxford: Clarendon Press, (1964) 256-66

[230] Sweeney, Amin, *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Kelantan*. Jilid 1. (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia 2005)

[231] Sweeney, Amin (2005). *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Mekah*. Jilid 1. (Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, Ché-Ross, Raimy (2000). "Munshi Abdullah's Voyage To Mecca: A Preliminary Introduction And Annotated Translation". *Indonesia And The Malay World***.** 28 (81): 182.

[232] Milner, A. C, A Missionary Source For A Biography Of Munshi Abdullah, *Journal Of The Malayan Branch Of The Royal Asiatic Society* (*JMBRAS*) 53, (1980). 111-19.



University of Malaya

peribumi. Ia merangkumi usaha pengumpulan maklumat statistik melalui kaedah banci yang kemudiannya dikategorikan mengikut pembahagian yang khusus.

Kajian ini mesti menggunakan prinsip *logico positivism*. Ia terhasil dalam bentuk data statistik dan gambar[233] bagi memperlengkapkan koleksi ilmu kolonial untuk proses pembuatan dasar pihak British.[234]

Dalam perkhidmatan di Tanah Melayu, mereka terlibat secara hakiki sebagai pegawai kolonial dan turut melakukan kajian ethnografi masyarakat Melayu. Tujuannya untuk memahami masalah masyarakat tempatan. Terdapat beberapa contoh yang boleh diberikan.

Hugh Clifford dan Frank Swettenham melakukan penyelidikan etnografi masyarakat melayu dengan berpandukan teori pentamadunan dan *oriental despotic* yang diletak oleh pihak kolonial. Clifford menunjukkan bahawa masyarakat Melayu ditindas oleh sistem feudal melayu yang zalim. Swettenham mencatatkan peristiwa pembunuhan Birch dan sifat diri orang melayu yang buruk. Orang melayu dikatakan manusia simpel, tiada keinginan untuk berubah dan mudah diramal;

> *The Malay mind follows one bent, as his scenery beautiful, and strange, and novel though it is to us -- follows one type, repeating itself throughout the whole of a vast area*[235]

Tentang sifat malas orang Melayu, Swettenham cuba menerangkannya berdasarkan pendekatan saintifik. Ia mengaitkan kemalasan orang Melayu kerana faktor cuaca;

---

[233] Arba'iyah, Mohd Noor And Mohd Khairul Azahari, Abdul Rani, *Visual Sejarah Dalam Seni Cetak Bertemakan Negeri-Negeri Melayu 1786-1890,. E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10 (2). (2015) 29-40.

[234] Shamsul Amri Baharuddin, *Ilmu Kolonial Dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan*, Siri Kertas Kajian Etnik UKM (UKM Ethnic Studies Paper Series No 17) Institute of Ethnic Studies (KITA) Bangi, (2011). 1-37.

[235] Swettenham, Frank, *Stories And Sketches By Sir Frank Swettenham*,( Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967) 208.



University of Malaya

*tropical climate "inclines the body to ease and rest, the mind to dreamy ontemplation rather than to strenuous and persistent toil.*[236]

Mengikut catatan mereka, walaupun Tanah Melayu mempunyai hasil bumi yang banyak tetapi ianya tidak diurus dengan baik kerana orang Melayu memang lemah dan tidak bertamadun.[237] Atas dasar itu mereka menekankan peranan suci pihak British menjajah bagi mengajar orang melayu kaedah menghadapi kehidupan dengan baik. Jadi pengenalan sistem pentadbiran dan undang-undang pihak British sangat diperlukan untuk tujuan *civilization mission* ini. Sedikitpun mereka tidak menyatakan motif pihak British menjajah untuk mendapatkan hasil bumi Tanah Melayu.[238]

1. Skeat bertugas sebagai Pegawai Daerah di Kelang, Ulu Langat dan Kuala Langat di Selangor. Ia juga berkhidmat sebagai Hakim daerah Larut, Perak pada tahun 1898. Ketika berkhidmat sebagai Hakim di Larut, Skeat membuat pemerhatian tentang cara hidup bermasyarakat dalam kalangan orang Melayu. Hal ini terbukti melalui penghasilan karyanya yang memperlihatkan ciri-ciri kesarjanaan tentang bahasa dan sastera Melayu.

2. Maxwell bertugas sebagai pegawai kolonial di Perak. Ia digalakkan oleh bapanya supaya mempelajari bahasa Melayu untuk memudahkan pergaulan dan berinteraksi dengan orang Melayu, terutama dalam menangani dan menyelesaikan beberapa masalah tentang tanah hak kepunyaan orang-orang Melayu. Pengetahuan Bahasa ini telah membantu Maxwell untuk menyumbang banyak karya dalam bahasa Melayu. Pengalaman Maxwell sebagai Pembantu Residen di bawah Hugh Low, selama lebih kurang lima tahun (1877-1882)

[236] Swettenham, Frank, *British Malaya: An Account Of The Origin And Progress Of British Influence In Malaya,* Fourth Edition, (London: John Lane, 1920). 137.
[237] Clifford, Hugh (1966) *Stories By Sir Hugh Clifford*, (Selected and introduced by William R. Roff), Kuala Lumpur: (Oxford University Press Clifford 1966), .177-179.
[238] Clifford, Hugh Life In The Malay Peninsula: As It Was And Is, in Kratoska, Paul H. (ed.) *Honourable Intentions*, (Singapore: Oxford University Press, 1983) 224-256; De V. Allen, J., Two Imperialists: A Study Of Sir Frank Swettenham And Sir Hugh Clifford, *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society*, Vol. 37, Part 1, No. 205, (1964). 41-73



University of Malaya

telah membuka peluang yang luas untuk dia bergaul dengan orang-orang Melayu, dan mengenal pasti aspek kehidupan masyarakat Melayu tentang sejarahnya, peribahasa, cerita-cerita tradisional rakyat, dan konsep hartanah atau tanah pusaka dalam kalangan orang Melayu.

3. O. T. Dussek seorang sebagai pentadbir bidang pendidikan kolonial. Ia pernah berkhidmat sebagai Penolong di Sekolah Tinggi Melaka (1912); Pengetua Maktab Latihan Melayu Melaka (1914); Penolong Pengarah Pelajaran (Melayu) pada tahun 1923/1924; dan Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjong Malim, Perak. [239] Beliau dilaporkan seorang pentadbir pendidikan kolonial yang berusaha memajukan dan meningkatkan pelajaran Melayu, bahasa dan budaya Melayu melalui penerbitan buku-buku berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu.

Ketiga, menyimpan pelbagai bahan dan artifak yang dikutip dari *survey* dan banci untuk dipamirkan kepada kalangan yang berminat. Semua bahan ini telah dijadikan asas utama untuk proses pembentukan dasar British di Tanah Melayu. Dalam ulasan Shamsul Amri Baharuddin, hal ini dikatakan sebagai;[240]

> Selain daripada sumbangan berbentuk analisistem sosial ini, pemerintah kolonial, berasaskan ilmu kolonial, telah juga memperkenalkan pelbagai kategori sosial yang lain yang bersifat *policy-oriented*. Misalnya, melalui kegiatan banci yang dilaksanakan sepuluh tahun sekali di Malaya, yang dilancarkan di Negeri-Negeri Selat, kategori ras Melayu, Cina, India dan sebagainya telah diperkenal untuk menghitung penduduk demi keperluan tadbir, penggubalan dasar dan pelaksanaannya. Terciptalah identiti ras dalam masyarakat majmuk yang dicipta oleh British di Malaya. Kategori-kategori ini cukup penting dalam menentu dan menggubal akta seperti *Malay Reservation Enactment* 1913 dan pelbagai yang lain, dalam mana definisi ras menjadi

---

[239] Dussek, O.T., Ahmad Murad Nasarudin & Coope, A.E. *Graduated Malay Reader*. Kuala Lumpur: Malayan Printers, 1949)

[240] Shamsul Amri Baharuddin, *Ilmu Kolonial Dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan*, Siri Kertas Kajian Etnik UKM (UKM Ethnic Studies Paper Series No 17) Institute of Ethnic Studies (KITA) Bangi, 2011), 1-37

> terasnya. Dari segi fenomenologikal, setiap rakyat yang ingin mengambil kesempatan peluang yang terbit daripada pelaksanaan daripada dasar-dasar kolonial ini terpaksalah menerima label ras yang diberikan kepada mereka. Maka rakyat yang berketurunan Jawa, Minangkabau, Bugis, Arab, Muslim India dan sebagainya yang ingin membeli dan memiliki Tanah Rezab Melayu, terpaksa menerima label Melayu.

Keempat, mengasaskan suatu sistem pengintipan dan perisikan yang dianggap perlu bagi menjamin keselamatan dan kestabilan politik pemerintahan kolonial. Ia diulas sebagai;

> suatu sistem pengintipan dan perisikan, atau *surveillance* dan *intelligence*, yang dianggap perlu bagi menjamin keselamatan serta kestabilan politik pemerintahan kolonial tersebut sekali gus pihak majoriti masyarakat jajahan kerana dianggapkan bahawa dalam masyarakat pribumi yang terjajah itu hadir pelbagai anasir jahat dan subversif, biarpun bersifat minoriti, yang boleh membahayakan. Terasasnya sistem mengesan 'identiti rasmi' seseorang dengan menggunakan cap jari, kad pengenalan dan sebagainya adalah memenuhi tuntutan keselamatan ini.[241]

Kelima, membina suatu perpustakaan historiografi yang dicopkan sebagai hak milik peribumi yang kemudiannya dijadikan sebagai bahan utama pengajaran kepada masyarakat. Dalam soal ini, Shamsul Amri Baharuddin menegaskan;

> Mereka menyimpan pelbagai bahan dan artifak yang telah dikutip daripada survei dan banci tersebut untuk dipamer dan di tonton di museum, zoo, taman bunga, dan koleksi peribadi guna membuktikan kepada kedua-dua masyarakat yang menjajah dan dijajah tentang 'sejarah' serta 'kedudukan' peradaban pribumi dalam trajektori evolusi dan hairaki peradaban sejagat. Melalui langkah ini juga beberapa imej stereotaip mengenai sesebuah masyarakat pribumi terpahat dan diabadikan dalam bentuk logo, patung dan tugu, kepala surat, dan dalam beberapa bentuk lain yang diperakukan sebagai imej rasmi (seperti orang Melayu dengan songkok dan sarongnya, rumah beratap rumbia dikelilingi pokok kelapa dll.)

Keenam, melakukan proses kajian filologi terhadap koleksi historiografi milik orang Melayu yang kemudiannya diterbitkan dalam pelbagai bentuk penerbitan ilmiah untuk tujuan rujukan pentadbir dan akademik. Antara tokoh kolonial yang terkenal adalah Winstedt yang melakukan proses ini tentang sastera Melayu. Hasil kajiannya yang dikumpul sepanjang

---

[241] Ibid

perkhidmatan di Tanah Melayu telah dijadikan tesis untuk *University of London* kemudiannya.[242] Walaupun hasil kerjanya banyak dijadikan rujukan oleh pengkaji masyarakat Melayu, dia terkenal sebagai pengawai kolonial yang paling skeptik dan memandang rendah tentang peranan Islam dalam masyarakat Melayu.[243]

Semua bahan mentah yang terkumpul ini dianalisa dan dijadikan sebagai asas untuk memahami dan menguasai masyarakat tanah jajahan. Banyak dasar British di Tanah Melayu dibuat berasaskan dapatan kajian daripada bahan mentah ini. Pihak pejabat tanah jajahan perlu menerimapakai nasihat yang dicadangkan oleh sarjana-pentadbir kolonial. Contoh yang paling jelas dalam soal ini adalah dasar mewajibkan penggunaan bahasa penjajah di sekolah masyarakat tanah jajahan. Hal ini telah dijalankan mengikut cadangan yang dikemukakan oleh sarjana orientalis, di Tanah Melayu dan India serta pihak Belanda di Indonesia.[244]

Berdasarkan rekod British, kadet yang mendapat markah tertinggi dalam ujian kemasukan, akan diberikan peluang untuk memilih mana-mana perkhidmatan yang disukainya. Ia terdiri daripada perkhidmatan di Pejabat tanah jajahan di London (*Home office*), India, Ceylon, Hong Kong dan Tanah Melayu.[245] Dilaporkan, perkhidmatan di Tanah Melayu tidak disukai oleh kadet-kadet ini, kerana faktor lokasinya yang terpencil dan terpaksa menghadapi cuaca tropika yang disifatkan mereka agak teruk.[246]

Semasa berada di koloni, sebagai cara untuk menghilangkan tekanan, mereka bergabung dengan kelab sosial Eropah di koloni. Di Tanah Melayu, kelab ini berada di Kelab Sultan

---

242 Yahya, Zawiyah. *Resistemting Colonialist Discourse*. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995)

243 Azmi, A, Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan Feudalisme Melayu, A*kademika*, 82(1):9 2015 21-30.(2015)

244 Kees Groeneboer (1999), Politik Bahasa Kolonial Di Asia, *Wacana*, V. 1, No 2, H. 201-220.

245 John Butcher, *The British In Malaya 1880-1941, (*Kuala Lumpur: Oxford university Press 1979) . 42-43.

246 Bradley, Kenneth (1950), *The Colonial Civil Service As A Career*. (London: His Majesty's Stationery Office*,* H. 43-44.



University of Malaya

Sulaiman, Kuala Lumpur. Ia dianggap penting untuk memperluaskan hubungan sesama kadet dan memperkukuhkan semangat patriotisme British. Mereka dipastikan agar mengamalkan sikap perihatin dengan masyarakat Tanah jajahan. Kononnya mereka harus menjiwai masalah masyarakat tempatan. Ia sesuai dengan falsafah *Lavian Era Victoria* yang bercirikan sosialisme. Namun begitu mereka tidak dibenarkan untuk terlalu bersimpati dengan masyarakat awam sehingga mencabar golongan bangsawan Melayu. Golongan bangsawan dipergunakan sebagai alat untuk pemerintahan *Indirect Rule* di Tanah Melayu. Ini kerana masyarakat awam Melayu memang taat dan patuh kepada bangsawan yang memudahkan British mengawal dan memastikan kekacauan tidak akan timbul.[247]

### 3.3 Pengukuhan Ilmu Kolonial dalam Dunia Akademik

Sejarah keilmuan dunia mencatatkan bahawa sesuatu doktrin akan dapat bertahan lama seandainya ia memenuhi empat syarat utama. Pertama, kesahihan logika dan argumen. Kedua, mempunyai maklumat lengkap dalam sesuatu korpus ilmu, seperti maklumat ethnografi dan sains botani. Ketiga, menarik perhatian orang untuk dikaji dan diikuti. Keempat, mampu diterapkan terhadap kes yang dihadapi *(applicable)*.[248]

Dalam kes ilmu kolonial, keempat syarat ini memang telah dipenuhi yang menyebabkan ianya kekal hingga pada masa selepas Tanah Melayu merdeka. Hal ini berlaku kerana;

1. Ilmu kolonial telah diwartakan dalam rangkaian jurnal ilmiah antarabangsa sebagai ilmu yang objektif dan tiada apa-apa agenda bias yang tersembunyi. Ia berkait secara langsung dengan penguasaan pihak kolonial Barat (British dan Belanda) terhadap jurnal-jurnal

---

[247] Victor Purcell, *Memoirs Of A Malayan Official, (*London: Cassell & Co Ltd. 1965). 215.
[248] Amir Mualim, Ijtihad Dan Legelasi Muslim Kontemporer, (Yogyakarta: UII Press, 2006).



University of Malaya

ilmiah ini. Jurnal yang dimaksudkan adalah *The Asiatic Society* dan *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society.*

2. Penerimaan dunia akademia bahawa kaedah kajian yang diaplikasikan dalam kajian Alam Melayu memang bersifat objektif. Hal ini ditegaskan oleh Syed Farid Al-Attas sebagai penjajahan akademik dunia Barat terhadap seluruh dunia. Semua falsafah dan teori ilmu Barat akan diikuti tanpa usul periksa.

3. Pihak British sebagai negara bekas penjajah Tanah Melayu memiliki koleksi perpustakaan *historiographi* yang lengkap tentang Alam Melayu. Koleksi ini terdapat di *British Museum* yang menjadi rujukan utama pengkaji zaman moden.[249]

4. Pemimpin politik dan sarjana negara bekas Tanah jajahan menganggap sistem pemerintahan dan epistemologi Barat sebagai yang terbaik. Ia diteruskan tanpa usaha untuk memperbetulkan hal ini.

Pada akhir abad 18-19M, artifak dan manuskrip Melayu Islam menjadi komoditi berharga yang sangat dikehendaki oleh pelbagai *intellectual circle*, peminat barangan antik dan muzium seluruh dunia. Hasil kajian *intellectual circle* British dan Belanda tentang masyarakat Melayu menjadi begitu laris di peringkat antarabangsa. Mereka mereka sering mendapat penajaan daripada pihak luar yang mendorong usaha pencarian manuskrip Melayu-Islam untuk terus dilipatgandakan.

Sarjana kolonial British dan Belanda telah bercampur dengan *Intellectual Circle* yang khusus. Mereka bergabung dengan persatuan intelektual yang mengkaji semua aspek

[249] Jelani Harun, Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu Di London, *SARI*, V. 26. (2008)



University of Malaya

masyarakat Tanah jajahan. Dilaporkan, sering berlaku interaksi antara kelab British di Tanah Melayu dengan kelab Belanda di Indonesia. Di Tanah Melayu persatuan ini dinamakan *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, manakala di Indonesia dikenali dengan nama *The Royal Batavian Society*.[250] Matlamat utama persatuan ini antara lainnya;[251]

1. Membuat kajian berkenaan masyarakat Alam Melayu dalam aspek sejarah, botani, linguistik, sosiologi dan geografi.

2. Mengumpul, klasifikasi dan menterjemah manuskrip dan artifak alam Melayu bagi mengelakkan ia musnah.

3. Mengumpul bahan Alam Melayu zaman sebelum kedatangan Islam kerana bimbang proses Islamisasi akan merosakkan semua artifak zaman pra Islam.

Bagi koloni British, *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society* lebih menumpukan kajian tentang sains, sejarah dan kemanusiaan. Ia merangkumi kajian dunia Eropah dan koloni British yang lain. Persatuan ini diasaskan oleh beberapa orang pentadbir British di Singapura pada tahun 1877. Kemudiannya, ia telah bergabung dengan *Royal Asiatic Society* di Calcutta yang diasaskan dengan usaha gigih William Jones pada tahun 1784. Terdapat kemudiannya penubuhan beberapa cawangan *The Asiatic Society* di seluruh asia seperti Bombay (1824), Ceylon (1845), Jepun (1872). Mereka sering melakukan pertemuan dan mesyuarat untuk membentangkan penemuan baru tentang subjek masyarakat Alam Melayu.

University of Malaya

[250] Maarten Kuitenbrouwer, *Dutch Scholarship In The Age Of Empire And Beyond, KITLV – The Royal Netherlands Institute Of Southeast Asian And Caribbean Studies, 1851–2011*, Terjemahan Lorri Granger, (Leiden : Brill NV, 2014).

[251] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage,* 50-52.

Bagi koloni Belanda*, the Dutch Royal Batavian Society of Arts and Sciences (Koninklijk Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschapen*) ditubuhkan di Batavia (Jakarta) pada tahun 1778. Persatuan ini dihidupkan semula selepas berkubur hasil usaha gigih Stamford Raffles semasa pendudukan British di Java daripada tahun 1811 hingga 1816. Apa yang jelasnya, The SBRAS diwujudkan selepas berlaku penambahan kepentingan pelaburan ekonomi dan politik British di Tanah Melayu, sejurus selepas perjanjian Pangkor pada 1874. Pihak British memerlukan maklumat yang lengkap tentang masyarakat, sejarah, botani dan geografi Tanah Melayu. Kesemua maklumat ini bakal membantu program penjajahan British di Tanah Melayu. Dalam ucapan Archdeacon G. F. Hose di persidangan SBRAS, beliau menegaskan;[252]

> *A careful study of the religious opinions and practices of the people would not be interesting only, but directly useful...what are the real errors to be eradicated and the real defects in faith and morals that have to be supplied, and useful to the governing class too, as discussing the true character and nature of the people to be governed."*

Hal yang sama juga diterangkan oleh pengasas *The Royal Batavian Society*:

> *The Genootschap (Society)…will attempt to stimulate all arts and sciences and will eagerly receive anything which deals with natural history, antiquities, customs, and mores of the peoples. However, its principle goal is to make such matters the subject of its investigations which can be beneficial to the agricultural, trade, and particular welfare of these settlements.*[253]

*The Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (SBRAS) sepertimana *The Royal Batavian Society* (RBS) menerbitkan hasil kajian ahlinya, seperti laporan kuliah, minit mesyuarat dan diterbitkan dalam jurnal milik SBRAS, iaitu *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society*.[254] Hal yang sama dilakukan oleh The Royal Batavian Society yang

[252] Choy Chee Meh Nee Lum, "History Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society," *JMBRAS,* 68 Part II, (1995) 88
[253] Lian The And Paul Van Der Veur, *The Verhandelingen Van Het Bataviaasch Genootschap: An Annotated Content Analysistemtemtem,* Athens, (Ohio: Ohio University Press, 1973) 3.
[254] Choy Chee Meh Nee Lum, "History Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society," 91

menerbitkan hasil kajiannya dalam *Notulen*. Mereka juga menerbitkan pelbagai monograf ataupun terjemahan karya milik peribumi.

Antara sarjana-pentadbir British dan Belanda yang paling aktif terlibat dalam penerbitan di dalam jurnal SBRAS adalah Richard Winstedt, C. O. Blagden, Robert Shelford dan Tom Harrisson. Bagi penerbitan The RBS pula, tokoh-tokoh yang terlibat adalah B. J. O Schrieke, G. A. Wilken, A.W. Nieuwenhuis dan Snouck Hurgronje. Jurnal-jurnal ilmiah ini memang tersebar di seluruh dunia. Contohnya pada tahun 1877 RBS mempunyai hubungan dengan 158 badan ilmiah di Belanda, Amerika, Mesir, Denmark, Portugal, Jepun, Australia dan Norway. Pada tahun 1923, The SBRAS dilaporkan telah bertukar maklumat kajian dengan dengan 83 badan penyelidikan antarabangsa di 22 negara di Eropah, Asia dan Amerika.

SBRAS telah menerima penajaan daripada 26 pengumpul peribadi dan institusi seperti Kementerian Kerja Raya Mesir, Universiti Montana di Missoula dan the *Ornithological Society* di Jepun. Hal ini dilakukan demi untuk melengkapkan bahan kajian dan artifak bersejarah yang memang dimiliki oleh institusi terbabit.[255] Mengikut Matthew Schauer, semua hasil yang terkumpul ini disimpan di *Colonial Office* dan *British Museum*. Saki baki kajian ini juga ada di perpustakaan *National University of Singapore*. Bagi *Royal Batavian Society*, selain hasil kajian ini di simpan di Belanda (*Leiden University*), sebahagian lagi pula disimpan di Perpustakaan Nasional Indonesia.

Sebagai rumusannya, ilmu kolonial adalah merupakan usaha kajian, pengumpulan dan penakrifan tentang semua perkara berkaitan Melayu yang dilakukan oleh sarjana-pentadbir kolonial. Ia mulanya dilakukan untuk kepuasan sifat ingin tahu mereka (*passion for meaning*)

[255] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage* 54-56.



University of Malaya

yang kemudiannya disebarkan kepada masyarakat Eropah di seluruh dunia melalui jalinan *The Asiatic Society* dan *Royal Batavian Society.*

Hasil kajian ini kemudian diambil kira oleh pembuat dasar kolonial di London untuk dijadikan asas untuk mereka merangka polisi untuk masyarakat tanah jajahan alam Melayu. Ia juga dijadikan teks wajib untuk latihan kadet kolonial yang dihantar bertugas di Tanah Melayu. Hasil kajian mereka ternyata dimanfaatkan di Eropah sebagai asas untuk pihak Eropah melakukan penjelajahan alam Melayu. Ia bagi melihat potensi ekonomi yang ada di alam Melayu.

### 3.4 Kesinambungan Ilmu Kolonial dengan Kajian Orientalis Moden

Sarjana kolonial yang terlibat mengkaji Islam di Alam Melayu apabila tamat perkhidmatan di tanah jajahan, telah menjadi pensyarah di Pusat Kajian Oriental Universiti di Barat. Apa yang dilakukan semasa di tanah jajahan dahulu kemudiannya diaplikasikan dalam pengajaran tentang subjek Islam dan masyarakat tanah jajahan (*oriental*). Contohnya boleh dilihat berlaku kepada 3 orang bekas sarjana pentadbir kolonial di Tanah Melayu. Walter Skeat dilantik sebagai pensyarah pelawat di British Museum,[256] manakala Blagden dan Winstedt dilantik sebagai pakar kajian ethnologi Melayu di *University of London* dan *School of Oriental and African Studies*.[257] Contoh lain yang mewakili sarjana yang banyak mengulas tentang Islam adalah Snouck Hurgronje. Ia adalah sarjana orientalis yang pernah berkhidmat di Indonesia, apabila tamat perkhidmatannya di tanah jajahan telah menjadi pakar pengajian Islam di Leiden Universiti. Ia terkenal memotretkan Islam dalam bentuk yang negatif.

---

[256] Gullick, J.M (2008). “Skeat, Walter William (1866-1953),” Dalam *Oxforddictionary Of National Biography*. (Oxford: Oxford University Press, 2008) 2.

[257] Jones, Russel “I: An Outline History To The Early Twentieth Century.” *Archipel* Vol. 28, (1984), 139



University of Malaya

Snouck Hurgronje lahir pada 8 Februari 1857 dan telah meghabiskan sepanjang hayatnya selepas berkhidmat di Indonesia dalam bidang pengkajian hukum Islam di *University of Leiden*. Beliau merupakan pakar dalam bahasa Arab dan pengajian Islam. Kajian beliau yang mendapat perhatian adalah teorinya tentang ibadat haji umat Islam dan penjelasan beliau terhadap ajaran tauhid yang telah muncul sebelum Islam.[258] Secara umumnya, teori Snouck meliputi dua tajuk penting iaitu Mekah dan pengajian hukum Islam. Beliau telah sanggup menghabiskan masa selama 5 bulan di Mekah dan menukarkan namanya kepada Abdul Ghaffar untuk mempelajari budaya dan hukum Islam kerana syarat utama untuk bergaul dengan sarjana muslim pada ketika itu adalah perlu menguasai hukum Islam.[259]

Snouck beranggapan bahawa kajian hukum Islam merupakan pra syarat utama untuk memahami budaya, bahasa dan kebudayaan Islam yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh sebab itu, kajian hukum Islam merupakan objektif utama Snouck dan beliau telah menggunakan metodologi yang baik dalam kajiannya. Dalam rangka memperkenalkan pengajian hukum Islam kepada Barat, beliau telah menulis sebuah artikel berjudul *"New Contributions to the Knowledge of Islam"* yang mengkhususkan kepada masalah hukum Islam khususnya mengenai zakat yang masih lagi asing bagi sarjana Belanda pada masa itu. Karya yang telah dihasilkan oleh Snouck menggunakan rujukan yang ditulis oleh sarjana Islam.[260]

Snouck Hurgronje terlibat secara langsung dalam mengemukakan teori penolakan hadis dalam Islam. Hal ini dijelaskan sendiri oleh Joseph Schacht, tokoh Barat yang menolak otoriti hadis dalam Islam. Sebagai contohnya, Joseph Schacht dalam analisis terhadap sumber-sumber hukum Islam secara langsung mengakui telah menerapkan pendekatan kritik sejarah yang sebelumnya telah diperkenalkan oleh sarjana-sarjana pendahulunya terutama

---

[258] A. Muin Umar, *Orientalisme Dan Kajian Tentang Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, . 56
[259] *Ibid.*
[260] *Ibid.* 66.



University of Malaya

Goldziher dan Hurgronje.

Dalam bahagian pengantar dari Origins, Schacht mengatakan:

> *"I feel myself under a deep obligation to the masters of Islamic studies in the last generation. The name of Snouck Hurgronje appears seldom in this book; yet if we now understand the character of Muhammadan law it is due to him. Goldziher I shall have occasion to quote often; I cannot hope for more than that this book may be consideared a not unworthy continuation of the studies he inaugurated. Margoliouth was the first and foremost among my predecessors to make more than perfunctory use of the then recently printed works of Shafi'i; in reviewing the field which is surveyed here in detail he came nearest, both in his general attitude to the sources and in several important details, to my conclusions. Lammens, though his writing rarely touch Muhammadan Law and Jurisprudence directly, must be mentioned in the preface to a book which is to a great part concerned with the historical appreciation of Islamic "traditions"; my investigation of legal traditions has brought me to respect and admire his critical insight whenever his ira et kajianum were not engaged. In the present generation, Bergstrasser, with penetrating insight, formulated the main problems posed by the formative period of Muhammadan law and offered a tentative solution. "*[261]

Perkataan Schacht di atas menunjukkan bahawa beliau mengakui bahawa kajiannya terhadap hukum Islam bukannya bermula secara bebas, tetapi terpengaruh dengan teori-teori yang dikemukakan oleh pendahulunya. Beliau menyebut nama Hurgronje dan Goldziher sebagai idolanya kerana dua nama besar ini merupakan peletak dasar kajian Islam di Barat yang menerapkan pendekatan kritik sejarah terhadap sumber-sumber Islam.

R. Stephen Humpreys menyatakan bahwa karya-karya Schacht dibangun di atas asas paradigma pemikiran orientalis yang hidup pada akhir abad ke-19. Konsepnya tentang asal-usul, sumber dan tujuan dari *jurisprudence* Islam berasas pada karya Snouck Hurgronje. Sedangkan pendekatan yang dipergunakan Schahct ketika membahas asal usul fiqh diilhamkan oleh tulisan Goldziher, "*On the Development of the Hadith*" (*Muslim*

[261]Joseph Schacht, *The Origins*, V-Vi.

*Studies II*) yang diterbitkan pada tahun 1890.[262]

Menurut A. J. Wensinck, Snouck Hurgronje adalah tokoh pertama yang menerapkan metode kritik sejarah. Ia menggunakan metodologi ini dalam kajiannya tentang zakat pada tahun 1882. Gagasan-gagasan yang ia bangunkan dalam kajiannya itu dipengaruhi oleh metode kritik Bible (*Biblical criticism*) yang sedang berkembang setelah diperkenalkan oleh Kuenen dan Wellhausen, di mana ketulenan Pentateuch sebagai sebuah kitab suci dipersoalkan.[263] Hal yang sama mengikut Snouck Hurgronje dilakukan oleh sarjana Islam, apabila mereka berusaha mencari justifikasi dengan merujuk kepada tradisi-tradisi yang dijalankan oleh generasi sebelumnya atau langsung merujuk pada Nabi Muhammad sendiri untuk persoalan hukum yang timbul meskipun melalui jalan memalsukan hadis.[264] Teori Hurgronje itulah yang selanjutnya menjadi dasar pandangan umum kalangan orientalis bahawa pemalsuan hadis merupakan (*literary mode*) yang paling banyak digunakan setelah wafatnya Nabi Muhammad.

### 3.5 Hubungan Ilmu Kolonial dan Orientalis Moden

Berbanding dengan sarjana-pentadbir kolonial yang menjadi agen penjajah, orientalis moden ini lahir daripada suasana yang berbeza. Mereka ini lahir daripada IPT Barat yang mengkhususkan pengajian tentang budaya dan masyarakat *oriental*. Mereka biasanya terlibat melakukan penyelidikan ilmiah di peringkat pasca siswazah tentang masyarakat *oriental* dan apabila tamat pengajian mereka telah dilantik menjadi penyarah di beberapa IPT terkenal di Barat. Secara evolusinya, golongan ini tetap meneruskan kajian yang menyentuh masyarakat *oriental.*

---

262 R. Stephen Humphreys, *Islamic History: A Frame Work For Inquiry*, (London: I.B. Tauris & CO LTD, 1991) 213.

263 A.J. Wensinck, "The Importance Of Tradition For The Study Of Islam", Dalam Ian Edge, *Islamic Law And Legal Theory*. (New York: New York University Press,1996) . 135.

264 *Ibid*, 136.



University of Malaya

Golongan orientalis moden ini masih memberikan gambaran negatif membabitkan isu Islam seperti legasi Kitab Jawi di Alam Melayu. Bagi sarjana Islam moden, seperti Ozay Mehmet, Mohd Hazim Shah, Mohd Abu Bakar dan Redzuan Othman; orientalis Barat dalam menghuraikan tamadun ilmu Islam sering menyelitkan pandangan negatif yang mencemarkan citra Islam. Hal ini kerana pengaruh *euro-centric* yang secara kuat mempengaruhi pandangan mereka. Kita dapat mengenalpasti beberapa pandangan negatif.

**i. Pendedahan Melampau Tentang Budaya Taqlid dalam Kitab Jawi**

Bertitik tolak kepada falsafah penyusunan Kitab Jawi yang berasaskan format ilmu Islam era taqlid, di mana ilmu Islam berada di puncak ilmu dan tiada lagi berlaku proses ijtihad dalam keilmuan Islam. Maknanya ia telah mencapai puncak baku yang hanya perlu disampaikan kepada pembaca. Ia membawa makna Islam telahpun sempurna dibangunkan oleh sarjana silam tanpa perlu tokok tambah. Bagi sesetengah sarjana Barat, ia dikatakan dihasilkan oleh budaya taqlid yang jumud. Ia dibawa dalam bentuk yang agak esktrim : era kemunduran Islam yang gagal berfungsi dengan baik untuk melahirkan pencapaian ilmu yang membanggakan.

Dalam soal ini Hooker yang mengkaji Islam di Alam Melayu menegaskan beberapa pandangan:[265]

1. Islam yang datang penuh dengan elemen khurafat yang menjadikan ia bukanlah murni ataupun Islam sejati seperti mana di Tanah Arab. Ia adalah Islam *peripheral* yang gagal berfungsi secara baik hingga mampu memberi penyelesaian masalah ummah. Maknanya

[265] M.B. Hooker, *A Concise Legal History Of Southeast Asia*, (Oxford 1978), 48-68.

sifat yang diwarisi oleh masyarakat alam Melayu memang telahpun tercemar sejak daripada awal lagi.

2. Ulama Melayu bertindak sebagai penterjemah yang baik dan tidak memberi apa-apa sumbangan intelektual yang bermakna.

3. Tiadanya paradigma ilmu usul fiqh dalam karya-karya ulama Melayu. Ia gagal mengajar ulama Melayu berfikir dan mampu menyelesaikan masalah amali seperti mana diamalkan oleh generasi ulama Timur Tengah zaman keagungan Islam.

iii. **Kajian yang Separuh Matang terhadap Legasi Kitab Jawi Alam Melayu**.

Sarjana orientalis moden seperti Virginia Matheson, M .B. Hooker, Peter Riddel[266] dan Martin Van Bruinessen lebih menekankan kajian kepada aspek luaran tanpa menghayati inti dan semangat karya Kitab Jawi Islam.

1. Kajian Virginia Matherson[267] dan Martin Van Bruinessen[268] hanya sentuh aspek fizikal koleksi Kitab Jawi tanpa memahami sumbangan bermakna kitab jawi menerapkan semangat intelektual Islam sejati berasaskan tauhid, *neo sufism*. Lebih mendalam lagi, mereka enggan mengakui kreativiti ulama Melayu silam mencipta tulisan jawi.

---

[266] Peter Riddel (2001), *Islam And The Malay-Indonesian World*, (Singapore : Oxford University Press, 2001) 101-135.

[267] Virginia Matheson dan M.B. Hooker, *"Jawi literature in Patani : The maintenance of an Islamic tradition"*, dalam JMBRAS, v. 61, Part 1. (1988)

[268] Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat : tradisi Islam di Indonesia*, ( Bandung : Penerbit al-Mizan, 1999)



University of Malaya

2. Annalop Gallipod dalam koleksi manuskrip dan artifak syiling Melayu di *British Museum* hanya memperihalkan elemen fizikal semata-mata tanpa memahami sumbangan Islam dalam elemen batin dan fizikal masyarakat Melayu.

3. Mereka menganggap tradisi atau turath Islam sebagai rakaman memori silam untuk dikenang tanpa perlu dihidupkan. Sebaliknya reformasi Barat disanjung tinggi kerana membawa perubahan atau pemodenan. Contohnya, Van Bruinessen secara terang-terangan tidak menganggap Kitab Jawi patut dihidupkan semula. Beliau hanya menghargai pemodenan yang dibawa oleh Belanda di Indonesia. William Roff tetap menganggap faktor pendidikan British yang membawa celik huruf dan pemodenan sejati di Tanah Melayu.

iv. **Tetap Bergantung Kepada Sumber Sarjana Kolonial Klasik**.

Hooker menyanjung tinggi tindakan kolonial British mengacau dan merubah sistem undang-undang masyarakat Melayu. Dalam contoh yang lain, Moshe Yegar mendakwa pihak kolonial yang telah berjaya menerapkan sistem pengurusan undang-undang Islam yang maju sesuai dengan sistem pentadbiran moden.[269]

## 3.6 Kesimpulan

Sebagai rumusan akhirnya, kita mendapati bahawa ilmu kolonial telah dibangunkan oleh pihak British dengan cara yang cukup rapi. Ia bermula daripada pemilihan kadet, program latihan dan tugas membangunkan ilmu kolonial untuk kepentingan pentadbiran British. Terpenting sekali, ia perlu disesuaikan dengan falsafah kolonialism British, yang

[269] Moshe Yegar, *Islam And Islamic Institutions In British Malaya*, Jerusalem, (1979) 187-234.



University of Malaya

membawa misi pentamadunan di Tanah Melayu. Impak ilmu kolonial ini agak besar sehingga selepas merdekapun dominasi autoritinya tetap dihargai dalam dunia akademia moden.

University of Malaya

# BAB EMPAT

# ANALISIS PERSPEKTIF ILMU KOLONIAL TENTANG HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT MELAYU

## 4.1 Pengenalan

Bab ini disusun mengandungi isu-isu hukum Islam dan masyarakat Melayu mengikut sarjana-pentadbir British. Secara susunannya tiga perkara akan ditekankan.

Pertama, fokus tokoh. Terdapat dua generasi sarjana-pentadbir British; generasi pertama (Marsden, Crawfud dan Raffles) dan generasi kedua, penerus legasi pertama.[270] Antara senarai sarjana kolonial generasi kedua adalah Richard James Wilkinson, Richard Olaf Winstedt, Frank Athelstane Swettenham, Walter William Skeat, Charles Otto Blagden dan Hugh Clifford.

Kedua, fokus isu. Merujuk kepada beberapa isu yang berkaitan dengan hukum Islam dan masyarakat Melayu yang dibincangkan oleh sarjana-pentadbir British. Pandangan sarjana-pentadbir British terhadap isu-isu ini amat ringkas dan tidak mempunyai hujah ilmiah. Ini kerana mereka hanya menulis untuk kepentingan melahirkan dasar kuasa kolonial di Tanah Melayu. Ia juga terikat dengan sifat anti pada Islam dalam setiap paparan.

Ketiga, respon sarjana Islam terhadap hujah sarjana-pentadbir British. Pendekatan ini agak *bias* sifatnya kerana menggunakan pandangan sarjana semasa untuk menilai pandangan sarjana-pentadbir British dalam dua konteks zaman yang berbeza. Hal ini dilakukan sesuai dengan falsafah pasca kolonialisme di mana sebelum ini naratif sarjana-pentadbir British

[270] Sila lihat lampiran A



University of Malaya

dibenarkan berkembang tanpa jawapan daripada sarjana Islam. Sudah sampai masa nya pihak-pihak tampil untuk menjawab tohmahan sarjana kolonial terhadap masyarakat Melayu dan hukum Islam di Tanah Melayu.

Dalam susunan ini, pandangan Raffles akan diutamakan, kerana ia meletakkan metodologi dan asas tentang Islam dan masyarakat Melayu yang hanya diteruskan oleh sarjana pentadbir British terkemudian. Seperti mana genre orientalisme klasik yang begitu taksub dengan pandangan pendahulu, generasi kedua sarjana-pentadbir British juga melakukan hal sama.

## 4.2 Analisis Perspektif Ilmu kolonial

Terdapat beberapa isu tentang Islam, masyarakat Melayu dan hukum Islam yang diulas oleh generasi pertama (Marsden, Crawfurd dan Raffles) dan generasi kedua (penerus legasi pertama). Dalam paparan generasi pertama, kita dapat mengesan beberapa isu utama.

### i. Pandangan tentang Islam

Dilaporkan masyarakat Britain hanya mengetahui dominasi Islam dalam masyarakat Alam Melayu selepas buku Marsden, *The History of Sumatra* diterbitkan pada 1783. Sejak itu pengembara dan sarjana-pentadbir British yang ingin datang ke Alam Melayu dilaporkan wajib membaca buku ini. Apa yang menariknya, buku ini dipersembahkan dalam model yang bertepatan dengan falsafah sains Barat. Ia lengkap dengan paparan tentang bahasa, agama, adat resam, kerajaan dan graf statistik tentang masyarakat Melayu. Buku ini mendapat pujian daripada sarjana Barat. John Bastin memberikan pujian terhadap buku Marsden ini dengan

University of Malaya

katanya : "*this work placed him in the forefront of Western "scientific" research on the Dutch East Indies*."[271] Ia juga mendapat pujian John Crawfurd yang menegaskan:

> *Marsden was of all writers who have treated the literature, history, or manners of the archipelago, the most laborious, accurate, able, and original; and previous to whose writings we possess neither correct nor philosophical accounts of these singular countries*."[272]

Buku Raffles the *History Of Java* pun cuba meneruskan legasi Marsden, cumanya ditambah dengan paparan yang lebih mendalam tentang Islam. Ia memberikan paparan yang negatif tentang Islam. Mengikut Khairudin Junied, hal ini berlaku disebabkan dengan faktor utama. Pertama, hubungan baik dengan Lord Minto Gabenor British di India, sebagai usaha untuk memenangi hati gabenor tersebut yang memang terkenal dengan sifat anti Islam, dan kedua, keahliannya dalam Freemason, pertubuhan yang memang anti kepada semua agama.[273] Agak malang sekali, walaupun pada masa itu di Eropah telah muncul gerakan *enlightment* yang memberikan gambaran positif tentang Islam, namun Raffles tetap membawa gambaran negatif seperti mana tradisi akademia Eropah semasa Perang Salib.

### a. Gambaran Negatif Raffles tentang Islam

Secara mendasarnya, pandangan Raffles tentang Islam bertepatan dengan pendekatan orientalis klasik yang nisbahkan Islam sebagai hasil ciptaan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi palsu (*the false prophet of Mecca*).[274] Islam dipanggil Mohamedism suatu terma yang dipakai oleh orientalis dan penganut Kristian bagi menunjukkan Islam sebagai ciptaan

---

[271]Bastin, John. "Introduction" in William Marsden. *The History of Sumatra*. (Singapore:Oxford University Press, 1986).

[272] Crawfurd, John. *History of the Indian Archipelago: Containing an account of the Manners, Arts, Languages, Religions, Institutions, and Commerce of its Inhabitants*. London: Cass, vol. II: (1967) 81

[273] Wurtzburg, Raffles of the Eastern Isles, 352 and Jasper Ridley, The Freemasons (London: Robinson, 2000). 219.

[274] Raffles to Rev. Thomas Raffles, Bencoolen, 15th November 1823 in Raffles, Memoir, 562.



University of Malaya

Muhamad SAW dan bukannya wahyu Allah seperti didakwa.[275] Ia juga menjelaskan beberapa perkara;

1. Islam adalah agama yang bersifat membelenggu akal dan perbuatan manusia. (*Islam is the Religion of all others most likely to enslave the minds and bodies of mankind*.)[276]

2. Agama milik perompak (*saracen);* istilah buruk yang diberikan oleh kerajaan Byzantine kepada penganut Islam.[277]

3. Agama yang mengajar pengikutnya menjadi lanun.[278]

4. Agama yang mengajar pengikutnya menjadi enggan bertolenrasi dan menerima kebaikan yang dibawakan oleh pemodenan British "

   *intolerant" precept that promotes the "contempt of unbelievers, with which the Mahometan system inspires its votaries, leads them usually to undervalue the acts which others excel, or instruction they communicate.*[279]

5. Islam menggalakkan poligami yang sering membawa kepada penindasan wanita dan perpecahan masyarakat.

   *Perhaps the ease of obtaining matrimonial separations, by admitting of successive changes of wives, diminishes the desire of possessing more than one at a time*[280]

---

[275] Syed Muhd Khairudin Aljunied (2005), Western Images of Meccan Pilgrims in the Dutch East Indies, 1800-1900, *Sari* 23, h. 105-122.
[276] Raffles to Rev. Thomas Raffles, Bencoolen, 10th February 1815, Mss. Eur. F.202/6.
[277] Ahmad Gunny, Images of Islam in Eighteenth Century Writings (London: Grey Seal, 1996. 193-194.
[278] Thomas Stamford Raffles, The History of Java Vol. I (Singapore: Oxford University Press, 1988), 232.
[279] Raffles, The History of Java Vol. I, 245.
[280] Ibid, h. 73.



University of Malaya

**b. Isu Penyebaran Islam di Alam Melayu**

Dalam ucapannya di mesyuarat *Society of Arts and Sciences* pada 24th April 1813 di Britain, Raffles menyatakan bagaimana Islam berjaya disebarkan dengan cukup berkesan di Alam Melayu.

> *By what means of fitnesse do the Preachers and Missionaries of the Moslem faith succeed, even at the present day, in converting Pagans to the faith of the Koran, and in establishing them in this faith*[281]

Daripada beberapa suratnya ia memberikan jawapan terhadap isu kenapa hal ini berlaku:

1. Peranan Aceh menjadi pusat melatih mubaligh untuk tujuan penyebaran Islam.[282]

2. Taktik misionari yang tidak mengggunakan kaedah kekerasan dan paksaan. Sebaliknya mereka menggunakan tipu muslihat untuk mendekati masyarakat peribumi sehingga berjaya.[283] Namun begitu usaha ini dikatakan tetap gagal membawa perubahan ke arah kebaikan kepada masyarakat Melayu.

**c. Isu Kesan Islamisasi kepada Orang Melayu**.

Raffles amat skeptik dengan pencapaian Islamisasi Alam Melayu, yang diterangkan dalam beberapa kenyataannya;

---

[281] Raffles, "A Discourse delivere, on the Twenty-fourth day of April, 1813, being the Anniversary of the Institution" in Raffles, Memoir, 136

[282] Raffles to William Marsden, Singapore, 11th June 1819 in Raffles, Memoir, 384.

[283] Thomas Stamford Raffles, Minute on the Singapore Institution, April 1823 (Singapore: The Mission Press, 1870), . 15-16.



University of Malaya

1. Islam telah merosakkan pencapaian tamadun Melayu yang terbina sebelumnya, Alam Melayu berjaya membangunkan tamadun politik dan ekonomi yang baik terbukti dengan wujud kerajaan dan pelabuhan penting.[284]

2. Islam menjadikan agenda utama mengajar orang Melayu menjadi fanatik dan membenci orang Eropah.

3. Orang Melayu bukan penganut Islam sejati dalam bentuk yang lengkap. Undang-Undang Islam tidak difahami dengan baik, bahkan di beberapa tempat alam Melayu yang tidak mengetahui langsung kewujudan perundangan Islam.[285] Undang-Undang tubuh Melayu (hasil campuran Islam dan adat Melayu) pada dasarnya bukan Undang-Undang Islam sejati kerana ia hasil campuran antara Undang-Undang Islam dengan adat.[286]

4. Pemahaman Islam orang Melayu bukannya murni sepertimana diamalkan di kawasan penganut Islam Timur Tengah dan Parsi.

> *Malays are at present in a very different situation from any of the old Moslem states, such as Persia, Arabia, or Turkey. The Moslem religion has taken only a very partial and superficial root in many of the Eastern Islands.*[287]

Jadi mengikutnya, amalan Islam orang Melayu penuh campur aduk dengan pelbagai pegangan agama yang dipegang sebelum kedatangan Islam.

---

[284] Raffles, "A Discourse delivered at a Meeting of the Society of Arts and Sciences, in Batavia, on the Twenty-fourth day of April, 1813, being the Anniversary of the Institution", in Raffles, Memoir, . 145
[285] Raffles, Minute on the Singapore Institution, April 1823, h. 19 and Raffles, The History of Java Vol. I, . 280-281.
[286] Raffles, Minute on the Singapore Institution, April 1823,. 16
[287] Raffles to Minto, Malacca, 10th June 1811 in Raffles, Memoir, h. 80-81.



University of Malaya

*Mahometanism has not relieved them from the superstitious prejudices and observance of anterior worship, they are thus open to the accumulated delusion of two religious systems*[288]

5. Tidak seperti dakwaan Marsden yang mengatakan orang Melayu mengikuti mazhab Syiah,[289] Raffles sebaliknya mengatakan mereka berpegang pada mazhab Sunni daripada mazhab Shafi'i.[290] Tegasnya lagi, mereka kerap berpegang pada teks hukum Islam Timur Tengah yang lemah dan kurang difahami.[291]

**d. Nisbah Pemusnahan Islam kepada Tinggalan Tamadun Pra Islam.**

Raffles dan sarjana-pentadbir kolonial mendakwa diri mereka sebagai penjaga warisan tamadun masyarakat Melayu. Untuk itu, ia mengemukakan pandangan yang sangat negatif seperti;

1. Islam menghapuskan semua ilmu sains dan sastera Melayu yang pernah wujud sebelum proses Islamisasi. Sebaliknya karya Melayu selepas Islam diisi dengan naratif raja Islam Timur Tengah dan ilmu Agama.[292] Ini menjadikan masyarakat Melayu kekeringan idea tentang konsep seni sejati. (*historical and dry compositions of the head*).[293] Tambahan lagi, Islam telah menghapuskan pencapaian sastera dan seni artifak yang terbina di zaman Hindu.[294]

---

[288] Raffles, The History of Java Vol. I, h. 245
[289] Marsden, History of Sumatra, h. 346. For a detailed discussion of this, see Baroroh Baried, "Shi'a Elements in Malay Literature", in Sartono Kartodirdjo (ed.), Profiles of Malay Culture: Historiography, Religion and Politics (Yogyakarta: Ministry of Education and Culture, Directorate General of Culture, 1976), 59-65.
[290] Raffles, The History of Java Vol. I, h. 397
[291] Ibid., 279-280.
[292] Raffles, The History of Java Vol. I, h. 372.
[293] Raffles to William Marsden, Ciceroa, 1st January 1815 in Raffles, Memoir. 235
[294] Raffles, The History of Java Vol. I, h. 372.



University of Malaya

2. Islam dijadikan lawan kepada tamadun Kristian dan Hindu Budha. Segala bentuk kejahatan dikaitkan dengan Islam, manakala semua bentuk kebaikan dikaitkan dengan Barat dan Hindu Budha.[295] Berbeza dengan Islam, Hinduism telah melahirkan masyarakat berkasta yang damai yang diperlukan oleh British.[296]

**e. Ibadat Haji**

Ibadat haji memang sering diulas dengan cukup negatif oleh tiga sarjana kolonial yang awal, Marsden, Crawfurd dan Raffles. Ia adalah kesan utama daripada Perang Salib yang begitu merasuk diri masyarakat Barat.[297] Ia bermula dengan syarat pengharaman orang bukan Islam seperti masyarakat Eropah memasuki Tanah Suci Mekah, yang kemudiannya dijelmakan dengan sikap anti penjajah Barat yang dimiliki oleh jemaah haji.[298]

Dalam buku Marsden, ia menerangkan bagaimana sifat jemaah haji yang sangat dihormati oleh masyarakat Melayu. Ia diterangkan:

> *hajjis as learned, and confers the character of superior sanctity.*"[299] Terangnya lagi; *as priests, who were predominantly Arabs and if not, had followed closely to the observance of Islamic rites of the Arabs. They in the constant practise of imposing upon and plundering the credulous inhabitants, are held by them in the utmost reverence*"[300]

Dalam paparan Raffles, orang Melayu menganggap semua Jemaah haji yang balik daripada mengerjakan ibadat haji akan dianggap mulia dan memiliki kuasa yang hebat.[301]

---

[295] Sir Stamford Raffles, Substance of a Memoir on the Administration of the Eastern Islands ( 1819). 28.
[296] Raffles, "A Discourse delivered on the 11th September, 1815" in Raffles, Memoir, 169
[297] Daniel, Norman.(1993), *Islam and the West: The Making of an Image*. (Oxford: Oneworld, 1993). 243.
[298] Syed Muhd Khairudin Aljunied, Western Images of Meccan Pilgrims in the Dutch East Indies, 1800-1900, (2005). 107.
[299] Marsden, William. 1986. *The History of Sumatra*. (Singapore: Oxford University Press). 343
[300] Ibid.
[301] Raffles, The History of Java Vol. II, . 3.



University of Malaya

> *Like the Arabs, returned pilgrims from returned pilgrims from Mecca were often perceived as holy men having supernatural powers*

Golongan ini dianggap sebagai pencetus semua masalah yang menjadi pemangkin kepada usaha penentangan kuasa penjajah.

> *Mahometan priests have almost invariably been found most active in every case of insurrection. They were active in stirring up native chiefs to attack and massacre Europeans*[302]

Bagi Raffles, Islam melalui ibadat haji, bertanggungjawab memfanatikkan orang Melayu. Lebih buruk lagi, orang Melayu memang bodoh kerana bergantung pada mitos dan tahyul bahawa orang Arab ini mulia. Hal ini perlu dihalang kerana akan membuat orang Melayu menolak pembaharuan yang dibawa oleh British.[303]

### f. Keadaan Kerajaan Melayu

Raffles sejak awal kedatangannya ke Alam Melayu menerangkan keadaan diri orang Melayu dikatakan berada dalam keadaan *Oriental Despotic*;[304] keadaan huru hara, tiada peraturan dan penindasan masyarakat yang dilakukan oleh raja-raja Melayu.[305] Dakwa Raffles lagi, penindasan ini memang dilakukan oleh raja dalam kerajaan Islam di dunia lain.[306]

Orang Melayu dikatakan menjadi mangsa kezaliman raja. Punca utama adalah raja-raja Islam yang menafikan hak pemilikan milik orang Melayu.[307] Hal ini diterangkan sebagai ;

---

[302] Raffles, The History of Java Vol. II, . 4.
[303] Raffles, The History of Java Vol. II. 3.
[304] Bryan S. Turner, "Orientalism and the Problem of Civil Society in Islam", in Asaf Hussain, Robert Olson, Jamil Qureshi (eds.), Orientalism, Islam, and Islamists (Brattleboro: Amana Books, 1984). 34.
[305] Ibid. 122 dan 168
[306] Raffles to Minto, Malacca, 12th March 1811 in Raffles, Memoir. 51.
[307] Thomas Stamford Raffles, Substance of a minute recorded by the Honourable Thomas Stamford Raffles on the 11th February 1814, on the introduction of an improved system of internal management and the



University of Malaya

*Whatever truth there may be in this opinion, the fact is undoubted, that in the mountainous and less fertile districts of Java, and in the island of Bali, where Mahometan sway has not yet extended, individual propriety right in the soil is fully established, while in that portion of Java where the Mahometan rule has been most felt, and where propriety right amounts to the greatest value, it vests almost exclusively in the sovereign.*[308]

Masalahnya, Undang-undang Islam tidak mampu menghadapi masalah ini. Sebabnya Undang-Undang Islam bias kepada raja.[309] Pendek kata orang Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan orang Eropah dilihat daripada segi *Civil Society*.[310] Sebaliknya, ia menegaskan Islam mengalakkan timbulnya sifat buruk seperti menjadi lanun dan perhambaan. Orang bukan Islam dikatakan menjadi mangsa perhambaan oleh orang Islam.[311]

### ii. Pandangan tentang Masyarakat Melayu

Dalam bahagian ini, kita akan mendedahkan pandangan sarjan- pentadbir kolonial generasi pertama dan kedua tentang sifat Islam dan masyarakat Melayu.

### a. Pendekatan Kajian Melayu Berasaskan Historiografi Milik Orang Melayu

Sesuai dengan *world-view* kolonial yang berasaskan kolonialisme dan *eurocentri*c, mereka memandang masyarakat Melayu dengan pandangan negatif. Sekali lagi, kelemahan ini dikaitkan dengan faktor Islam. Koleksi historiografi milik masyarakat Melayu yang berupa manuskrip Melayu-Islam dalam kalangan akademik Barat dianggap sebagai warisan yang

---

establishment of a land rental on the island of Java: to which are added several of the most interesting documents therein referred to (London: Black, Parry & Co., 1814), h. 122 and 168 and Raffles, Minute on the Singapore Institution, April 1823. 7

[308] Raffles, The History of Java Vol. I, . 139.

[309] Raffles, "A Discourse delivered on the Twenty-fourth day of April, 1813, being the Anniversary of the Institution" in Raffles, Memoir. 144.

[310] Thomas Stamford Raffles, "Substance of the report on the condition of society referred in the preceding Address" in Proceedings of the Agricultural Society (Baptist Mission Press: Bencoolen, 1821). 50.

[311] Raffles, The History of Java Vol. I. 76 and 234.



University of Malaya

sangat berharga. Sejak sekian lama telah dijadikan sumber normatif ataupun bahan kajian utama untuk memahami watak manusia Melayu-Islam.[312]

Dalam menghurai watak orang Melayu melalui koleksi historiografi ini, mereka sejak awal lagi menetapkan beberapa ciri utama yang kemudiannya diolah dengan pelbagai teknik;[313]

1. Ianya statik dan *ahistorical*. Orang Melayu sebagai statik dan tidak boleh berubah. Pemikiran *ahistorical* enggan mengendahkan perubahan yang boleh berlaku dalam persekitaran dan budaya sesuatu masyarakat dari zaman ke zaman. Ia dianggap sebagai sifat semulajadi orang Melayu yang statik dan tidak berubah ke arah kebaikan.

2. Mutunya rendah, *simple*, primitif dan *irrasional,* tetapi bersifat eksotik dan memukau.

3. Bersifat stereotaip dalam bentuk prejudis ras yang ketara. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuashati dengan apa yang dimiliki dan berlaku kerana factor genetik yang rendah. Sifat utama kajian-kajian ini mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas,[314] suka berfoya-foya,[315] keras kepala,[316] tidak boleh diharap,[317] suka berhutang[318] dan sebagainya.

4. Huraian dalam bentuk *reduksionis* yang merendahkan orang Melayu, tanpa dikaji sebab-sebab kemunduran orang Melayu.

---

[312] Rahimin Affandi Abd. Rahim , " Citras l;la Islam Dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden Di Malaysia : Suatu Analisa", *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 15,(2005). 19-51

[313] Azhar Ibrahim Alwee, Orientalisme Dalam Pengajian Melayu, Dalam *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Kebangsaan Melayu Ke 2*, Anjuran Jabatan Bahasa Dan Kebudayaan Melayu, Kumpulan Akademik Bahasa Dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional, Pada 1-3hb September 2002.

[314] A. Wright dan T.H. Reid, *The Malay Peninsula*,( London, 1912), 315.

[315] E. G. De Eredia " *The description of Malaca* ", dalam JMBRAS, v. 8:1, (1930). 31.

[316] T.S. Raffles, *Memoir of the life and public services of Sir Stamford Raffles*, London, v. 1,(1930). 91 dan 288-289.

[317] W. L. Richmond, *The Modern Malay*, London, (1928) 95 dan 223.

[318] F. Swettenham, *Malay sketch*, Singapore, (1895) 2-3.



University of Malaya

5. Keasyikan kajian mereka lebih ditumpunkan kepada kajian tekstual (filologikal). Ia merupakan usaha mengedit teks yang ditransliterasi dan pencarian kepada versi-versi teks yang asli. Mereka lebih asyik menghurai leksikon dan perubahan semantik yang terdapat dalam teks. Bagi mereka, dengan mengkaji teks, hanya dengan menganalisis perkataan dan lapisan etimologinya mereka akan menemukan rahsia orang Melayu berfikir dan bertindak. Ianya dibuat tanpa mempedulikan kondisi sejarah dan suasana masyarakat yang berkaitan.

6. Mengabaikan penggunaan pendekatan *social diagnosis*. Bagi mereka, pendekatan sains sosial agak janggal untuk digunakan mengkaji fenomena sosial orang Melayu.

7. Elemen keunggulan pencapaian manusia Melayu akan dilenyapkan. Sebaliknya hal pencapaian ini dikaitkan dengan usaha gigih kolonialis menjajah dan mentamadunkan orang Melayu.

### b. Pendekatan Mengaitkan Masalah Orang Melayu dengan Islam.

Sarjana kolonial generasi pertama dan kedua mengutarakan pandangan yang mengaitkan masalah dalaman orang Melayu kerana faktor Islam;

Pertama, kedatangan Islam bukan diterima secara mudah oleh orang Melayu tetapi kerana ia penuh dengan tipu muslihat yang dilakukan oleh mubaligh awal. Orang Melayu dipaksa menerima Islam sehingga menyebabkan tidak ada keikhlasan masyarakat Melayu dalam aplikasi undang-undang Islam. Buktinya Raffles dan Wilkinson menegaskan orang Melayu bukannya penganut Islam yang baik. Mereka masih lagi terlibat dalam aktiviti yang

University of Malaya

bertentangan dengan Islam seperti perkara tahyul, maksiat, minum arak, berjudi dan sebagainya.

- *The Mahomedan religion, as it present exists on Java, seems only to have penetrated the surface, and to have taken but little root in the heart of the Javans…as a nation, the Javans by no means feel hatred towards Europeans as infidels; and this perhaps may be given as the best proof that they are very imperfect Mahomedans.*[319]

- *Pure central doctrine of Islam to be buried under a mass of petty superstitions as to saint-worship and the talismanic values of different Muhammadan observances, or else, in time of stress and danger, turn deliberately to the cult of older divinities, of whose historical position.*[320]

- *They are ignorant and whom they believe to be evil spirits whom it is sinful to adore. The Malays were "unwilling to give up any cult that they can possibly retain under a thin Muhammadan guise.*[321]

- *Beneath successive layers of religious veneer, we see the animism of the old Indonesians, the theory of a bird-spirit of life, and the characteristic view that the best protection against evil lies in the gentleness and courtesy to all animate and inanimate things*[322]

Seandainya kemajuan mahu diterapkan, Islam harus diketepikan;

- *The fact remains that Malays are most prosperous, most intelligent and most industrious in those parts of the Peninsula (such as the Menangkabau States) where they have kept to their traditional customs in opposition to the doctrines of Muhammadan Law.)*[323]

- *On the whole, however, the subjects that used to occupy the thoughts of the Malays of old are losing ground except in the domain of theological study. The native of the Peninsula is becoming less of a Malay and more of a Mussulman; his national ceremonies are being set aside, and his inherited superstitions are opposed to Moslem belief as much as to Western science.*[324]

---

[319] Thomas Stamford Raffles, *The History of Java, (*London: John Murray of Ablemarle-Street Press, 1830)), *Vol. 2*, h. 5.
[320] R.J. Wilkinson (1906), *Malay Beliefs*, (Leiden: E.J. Brill, 1906) 19.
[321] Ibid,. 25
[322] Ibid, 51.
[323] Ibid, 17..
[324] *Ibid.,* 80

Untuk itu, sesuai dengan misi mentamadunkan orang Melayu daripada, mereka mendakwa menjadi pembela kelangsungan adat dan budaya masyarakat Melayu pra Islam yang telah dihapuskan oleh Islam. [325] Sarjana kolonial kebanyakannya menumpukan kajian terhadap amalan budaya Melayu pra Islam. Kesemuanya ditonjolkan sebagai budaya murni milik orang Melayu. Semua hasil kajian etnografi ini kemudiannya diterbitkan bagi memastikan ianya tidak pupus ditelan zaman. Dalam soal ini, mereka menganggap diri mereka sebagai penjaga budaya Melayu. Hal ini terbukti dengan usaha mereka melakukan kajian etnografi membabitkan hal ini.

Tema ini ditekankan dalam lima kajian Skeat dan Blagden bertajuk;

(1) *The Pagan Races of the Malay Peninsula,*

*(2) Fables and Folktales From an Eastern Forest,*

*(3) a Besisi dialect*, [326]

(4) *Silk and cotton dyeing by Malays,*[327] *sakai*[328] *and the Orang Laut.*[329]

Ia membabitkan kepercayaan dan amalan pra Islam yang diamalkan oleh orang Asli (Sakai dan Orang Laut) di utara Tanah Melayu dan kepulauan Riau.

---

[325] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology,Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939, (2012)* 81-87

[326] W.W. Skeat, A Vocabulary of the Besistemi Dialect," *JSBRAS* 29, (1896), 13-31..

[327] W.W. Skeat, , "Silk and Cotton Dyeing by Malays," *JSBRAS* 38, (1902) 123-127.

[328] W.W. Skeat, "Work on the Sakais by Messrs. Skeat and Blagden." *JSBRAS* 39,(1903), 204.

[329] W.W. Skeat and H.N. Ridley (1900), "The Orang Laut of Singapore," *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (*JSBRAS*) 33, (1900), 247-250.



University of Malaya

Manakala dalam Kajian Skeat bertajuk *Malay Magic,* Ia merakamkan semua amalan sihir yang diamalkan oleh masyarakat orang Asli. Skeat menjelaskan sifat anti Islam pada amalan budaya pra Islam ini dan kepentingan ia dijaga;

> *The more highly educated Malays, especially those who live in towns and come into direct contact with Arab teachers of religion, are disposed to object strongly to these 'relics of paganism'; and there can be no doubt that the increasing diffusion of general education in the Peninsula is contributing to the growth of a stricter conceptions of Islam, which will involve the gradual suppression of such of these old world superstitions…in the meantime it is to be hoped that a complete record will have been made of both of which is doomed sooner or later to perish and of what in all likelihood will survive under the new conditions of our time.*[330]

### c. Watak Orang Melayu

Paparan mereka tentang watak orang Melayu saling bertentangan antara satu sama lain. Ada yang memberikan paparan positif dan negatif. Namun begitu, watak negatif lebih diterimapakai untuk mengenali masyarakat Melayu.

Bagi paparan positif, John Crawfurd, sarjana-pentadbir British yang sezaman dengan Raffles menegaskan bahawa:

> *The islanders are found to be industrious like other peoples they have no constitutional listlessness nor apathy, and whenever there exists a reasonable prospect of advantage, they are found to labour with vigour and perseverance.*[331]

Mengikut John Cameron, sarjana British di Negeri Selat menyatakan :

> *the Orang Melayus are "adventurous, and, in many respects, [a] noble race, that like English colonists in more modern instances, have laid the foundation of a great empire on but a very small beginning.*[332]

[330] C.O. Blagden, "Introduction, " Walter William Skeat, *Malay Magic*, (Singapore: Oxford University Press, 1984), iv.
[331] John Crawfurd , *History of the Indian Archipelago*, (Edinburgh: Archibald Constable 1820), vol. 1, 42-44.
[332] John Cameron, *Our Tropical Possessions in Malaya and India*. Otidak ford in Asia Historical Reprint. (1865) (Kuala Lumpur: Oxford University Press 1965), 8-10.



University of Malaya

John Low, Pentadbir British di Perak pula menyatakan;

> *Orang Melayus as a people so naturally sagacious and clever [and] whose abilities are probably not inferior to any of the nations of Europe'.*[333]

Hal yang berbeza ditegaskan oleh Wallace, seorang saintis yang mendokong teori Charles Darwin menyifatkan orang Melayu:

> *The intellect of the Orang Melayu race seems rather deficient. They are incapable of anything beyond the simplest combinations of ideas and have little taste or energy for the acquirement of knowledge.*[334]

Secara keseluruhannya, mereka menyifatkan kelemahan utama orang Melayu adalah kerana lemah akal dan ditindas oleh pembesar Melayu dalam sistem sosial yang tidak adil. Mereka, bagi pihak British perlu dijaga dan diajar untuk menjadi maju.

Hal yang sama turut dinyatkan oleh sarjana-pentadbir generasi kedua, Frank Swettenham dalam karyanya, *The Real Orang Melayu* dan *The Orang Melayu Sketch.* Ia merendahkan martabat dan tamadun orang Melayu. Orang Melayu digambarkan sebagai bangsa yang primitif, mengamalkan ekonomi sara diri dan pindah-randah serta tidak bertamadun. Justeru itulah kehadiran British dikatakan mempunyai tanggungjawab yang cukup besar untuk mentamadunkan bangsa Melayu menerusi gagasan "*The White Man's Burden*". Oleh kerana itu, banyak pengkaji sejarah terutamanya penulis Barat yang menganggap abad ke-19 sebagai episod zaman kemunduran (*decadent*) bangsa Melayu, sebaliknya menobatkan zaman keagungan British di Tanah Melayu.[335]

---

[333] Loh, Philip Fook Seng, *The Orang Melayu States, 1877-1895: Political Change and Social Policy*. (Singapore: Oxford University Press 1969), 4.

[334] Wallace, Alfred Russel , *The Malay Archipelago*. (reprint fRom 1869)( Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd, 1983), 448-449.

[335] Charles Hirschman The Making of Race in Colonial Malaya: Political Economy and Racial Ideology, dalam *The Eastern Sociological Society*, (1986) 343-345.



University of Malaya

Dalam soal ini, hujah kolonial dipergunakan sebagai alasan untuk membenarkan program mengambil buruh asing di Tanah Melayu. Mereka menyatakan dasar pihak British membawa masuk imigran asing untuk memajukan ekonomi Tanah Melayu adalah kerana kelemahan diri orang Melayu. Mereka dikatakan tidak memiliki semangat juang untuk bersusah payah membangun ekonomi Tanah Melayu. Mereka enggan berkorban bekerja dalam suasana susah dan penuh cabaran. Orang Melayu adalah malas dan mahu hidup senang. Tindakan ini seolah-olah mengharapkan orang Melayu akan mempelajari dan mencontohi sifat rajin bangsa Cina dan India.

Pada dasarnya, sarjana-pentadbir kolonial ini memaklumi tentang sejarah silam ekonomi orang Melayu yang agak cemerlang. Mereka mengetahui kerajaan Melayu silam yang berupa kerajaan maritime pernah terlibat dalam perdagangan rentas sempadan. Pihak British dengan dasar monopoli tidak mahu pihak lain ikut serta dalam perdagangan di Tanah Melayu. Mereka mahu menjadikan sebagai hak mutlak mereka.

Jadi, bagi masyarakat Melayu mereka berusaha menjalankan dasar yang bersifat *double standard*:

1. Menghapuskan potensi ekonomi Melayu yang hebat sebelumnya dan meminggirkan orang Melayu sebagai petani di kampung untuk membekalkan beras kepada masyarakat lain.

2. Menyebar sifat-sifat negatif tentang orang Melayu bagi menenggelamkan kehebatan sejarah silam dan menunjukkan orang Melayu perlu ditamadunkan oleh pihak British melalui penjajahan.

University of Malaya

3. Menjaga dan memberi kemudahan percuma pada elit Melayu terpilih. Ini menyebabkan elit Melayu ini tidak menceburi bidang ekonomi. Sejarah Tanah Melayu mempunyai banyak fakta memilukan tentang tindakan elit Melayu menggadaikan tanah dan kepentingan Melayu hanya untuk memastikan mereka mendapat kemudahan elaun bulanan dan pencen daripada pihak British. Mereka juga tidak menyokong dasar pihak British yang cuba memberikan pendidikan lebih baik kepada orang Melayu. Ia dibimbangi akan membuat orang awam Melayu menjadi terlebih pandai hingga bakal menentang status quo.

4. Walaupun pihak British pada dasarnya mengajar elit Melayu berada dalam zon selesa (malas), tetapi pihak British menisbahkan sifat malas dan pelbagai tabiat buruk kepada masyarakat awam Melayu.

### d. Watak Orang Cina Dan India

Orang Cina dan India disifatkan sebagai bangsa yang rajin dan mampu bertahan dengan persekitaran kerja yang mencabar. Bahkan, kedua bangsa ini dianggap baik, kerana menyumbang kepada ekonomi British melalui cukai judi, arak dan buruh.

Dalam soal ini, Frank Swettenham:

> "*The Chinese have, under direction, made the Protected States what they are. They are the bees who suck the honey from every profitable undertaking. A thorough experience of Orang Melayus will not qualify an official to deal with Chinese a separate education is necessary for that, but it is a lesson more easy to learn. It is almost hopeless to expect to make friends with a Chinaman, and it is, for a Nabi Muhamadent officer an object that is not very desirable to attain. The Chinese, at least that class of them met with in Orang Melayu, do not understand being treated as equals; they only realize two positions-the giving and receiving of orders; they are the easiest people to govern in the East for a man of determination, but they must know their master, and he must know them*" [336]

[336] *Ibid*, 346.



University of Malaya

Bagi orang India pula, khidmat mereka memang disukai oleh penguasa Eropah kerana sifat yang taat mengikut arahan. Mengikut Walter H. Medhurst :

> *There are many who prefer the Indian coolie, and consider [them relative to Chinese labor] better suited to the peculiar wants of the locality. They regard the Indian, moreover, as a creature far more amenable to discipline and management than the sturdy and independent Chinese.*"[337]

iii. **Pandangan Tentang Islam di Tanah Melayu**

Dalam isu hukum Islam di dalam masyarakat Melayu, kupasan ilmu kolonial membabitkan beberapa perkara;

**a. Kajian Sarjana-Pentadbir British Amat Sedikit Menyentuh Tentang Hukum Islam Berbanding dengan Kajian Etnografi Masyarakat Melayu**

Kajian ini mendapati sarjana kolonial amat sedikit mengulas tentang hukum Islam. Hal ini agak janggal, kerana dalam amalan kajian etnografi masyarakat Tanah jajahan, mereka biasanya melakukan proses

(1) pengumpulan bahan seperti naskhah manuskrip (teks undang-undang dan kitab agama);

(2) proses menterjemah dan interpretasi terhadap bahan yang terkumpul

[337] *Ibid*, 347



University of Malaya

(3) proses membandingkan teks dan kandungan bahan dengan bahan lain.

Pihak British dan Belanda mengakui bahawa isu adat dan hukum Islam agak sensitif untuk masyarakat Islam Alam Melayu. Menyedari hakikat dominasi dan variasi hukum Islam di seluruh Alam Melayu,[338] sarjana kolonial berusaha keras mengkaji dan mengumpulkan data tentang Islam dan hukum Islam. Hal ini ditegaskan oleh Sally Engle Merry;

> *in the colonies, staffing was limited, local linguistic knowledge was usually lacking, and a sociological understanding of how custom operated according to social status and shared knowledge of individuals was often missing.*[339]

Hal ini boleh difahami daripada usaha William Marsden, Thomas Stamford Raffles dan William Farquhar yang menumpukan perhatian kepada usaha pengumpulan naskah manuskrip (teks undang-undang dan kitab agama) Melayu.[340] Ia turut dilakukan oleh sarjana-pentadbir kolonial generasi kedua iaitu Winstedt dan Richard J. Wilkinson.[341]

---

[338] M. A. Hose "Inaugural Address," *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society,* 1, (1878) 8.
[339] Sally E. Merry, "Forum: Comment - Colonial Law and Its Uncertainties," *Law and History Review,* 28, 3,(2010), 1067.
[340] Koleksi Asia dan Africa di British Library memang ada tersimpan beberapa salinan manuskript adat undang-undang Melayu. Teks Undang-Undang Melaka telah dikumpulkan oleh Crawford, Raffles dan Farquhar. Lihat BL Mss Sloane 1293, Mss Add 12398; William Marsden, *The History of Sumatra,(* London: Printed for the author, 1811) by J. McCreery; Thomas Stamford Raffles dan Frank Hull, *The History of Java,* London: Black,Parbury, and Allen, (1817)
[341] Richard Olaf Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford in Asia Historical Reprints (Kuala Lumpur, New York,: Oxford University Press, 1969), Richard Winstedt, "Four Papers on Malay Subjects," *Journal of the Federated Malay States Museums* 9 (1970), ———, "Karamat Sacred Places and Persons in Malaya," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 2 (1970), ———, "Kedah Laws," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 6 (1970), ———, *Shaman, Saiva and Sufi, a Study of the Evolution of Malay Magic* (London [etc.: Constable & company, ltd., 1925), ———, *The Circumstances of Malay Life : The Kampong, the House, Furniture, Dress, Food*, Papers on Malay Subjects (Kuala Lumpur: Printed by J. Russell at the F.M.S. Govt. Press, 1909), Richard James Wilkinson, *History : Part 1: Events Prior to British Ascendancy, Part 2: Notes on Perak History* (Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, 1924), ———, *A History of the Peninsular Malays, with Chapters on Perak and Selangor, by R. J. Wilkinson,... 3rd Edition* (Singapore: Kelly and Walsh, 1923), ———, *Papers on Malay Subjects : History* ([Singapore ?]: Federated Malay States Government Press, 1920), ———, *Malay Industries* (Kuala Lumpur: Printed by J.Brown, at the F.M.S. Govt. Press, 1911), ———, *Life and Customs. Part Iii. Malay Amusements* (Kuala Lumpur: Government of the Federated Malay States, 1910), ———, *Law* (Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press, 1908).



University of Malaya

Satu lagi masalah adalah teks manuskrip ini terpaksa diterjemahkan atau ditulis dalam tulisan rumi untuk difahami oleh pihak British. Mereka akan menggunakan khidmat Munsyi untuk tujuan ini.

Atas dasar itu, Nurfadzilah Yahaya menegaskan bahawa pengumpulan ini tidak mempunyai apa-apa makna memandangkan ianya hanya untuk tujuan mengetahui latar belakang pemikiran hukum Islam tanpa menghargai autoritinya. Ia menegaskan; [342]

> *However, these legal codes were never implemented in colonial courts in the Straits Settlements. Hence, such collections tended to be only of scholarly interest, presumably as a form of ethnographic study that would illuminate British understanding of local societies. In other words, beyond scholarly academic or antiquarian interest, these collections of local laws were never deemed to possess practical value in the Straits Settlements.*

Manakala Noor Aisha pula mendapati walaupun pihak kolonial mendakwa mereka sebagai penjaga adat Melayu berbanding dengan hukum Islam, tetapi sebenarnya mereka tidak memahami hubungan erat yang wujud antara hukum Islam dengan adat Melayu. Ia berpunca daripada *world-view eurocentric* yang dipegang dan menganggap keduanya bertaraf rendah atau tidak bertamadun. Apa yang berlaku adalah mereka merosakkan adat Melayu kerana fahaman kapitalisme yang dipegang.[343] Mereka mengubah sistem adat pemilikan tanah dengan memberi kuasa pada raja dan pembesar Melayu. Ia bagi memudahkan mereka mempergunakan tanah untuk tujuan pelaburan ekonomi pihak kolonial. Hal ini dapat dikesan daripada dasar Torren di kawasan tanah adat.[344]

---

[342] Nurfadzilah Yahaya, *Courting Jurisdictions: Colonial Administration Of Islamic Law Pertaining To Arabs In The British Straits Settlements And The Netherlands East Indies, 1860-1941,*Tesistemtem kedoktoran untuk Department Of History Di Princeton University,(2012), 39-41.

[343] Noor Aisha Abdul Rahman, *Colonial Image Of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal Of Studies On Adat Laws In The Malay Peninsula During The Colonial Era And Some Continuities*, (United States: Brill Academic Publishers 2012), 3.

[344] Siti Zubaidah Ismail, At the Foot of the Sultan: The Dynamic Application of Shariah in Malaysia, *Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law*, Vol. 3,(2015), 69-81

Hasil analisis yang dilakukan terhadap karya sarjana-pentadbir British seperti Raffles, Winstedt dan Wilkinson secara terang menunjukkan sifat kejahilan mereka tentang hukum Islam. Dalam karya *History Of Java*, Raffles hanya mengulas tentang Islam dan teks Islam dalam 4 halaman sahaja. Sedangkan kandungan karya ini amat tebal menyentuh tentang sejarah dan sosiologi masyarakat jawa. Hal yang sama boleh dikesan dalam karya Winstedt. Beliau hanya mengulas tentang Islam dan hukum Islam dalam beberapa halaman sahaja, sedangkan isu-isu sastera Melayu diulas panjang lebar. Dalam soal ini, Holger Warnk menegaskan;[345]

> "*However, if we take a closer look into Winstedt's – unfortunately – still highly influential book A History of Classical Malay Literature we will note that only 14 out of 163 pages of the text are reserved for "Muslim theology, jurisprudence and history", none of those works regarded to be worth to appear in translated form in the long appenditext . Why have religious texts been ignored and not been collected in the same manner as genealogies or prose stories over quite a long period* ".

Begitu juga hal yang sama dikesan dalam karya Wilkinson. Karyanya hanya menerangkan fakta tentang bahayanya *political Islam* (haji) dan kenyataan bahawa orang Melayu bukan penganut Islam yang baik.

Mengikut Holagier Warnk, pihak kolonial lebih banyak mengumpul dan mengulas bahan yang berkait dengan sastera semata-mata. Manakala bidang hukum Islam kurang diberikan keutamaan.[346]

> *Why have religious texts been ignored and not been collected in the same manner as genealogies or prose stories over quite a long period? The answer is two-fold: European collectors did not obtain religious manuscripts in a large scale first because they were not interested in them and second because these books were not offered to them. The interest of administrators and scholars in these books was limited first because it required a sufficient knowledge of the*

[345] Holger Warnk,The Collection Of 19th Century Printed Malay Books Of Emil Lüring, *SARI - International Journal Of The Malay World And Civilisation*, 28(1), (2010) 99-128.
[346] Ibid.

*Arabic language and Muslim religion. The study of Arabic during the nineteenth century was restricted to arm-chair scholars working at European universities or academies. Furthermore religious textswere often not regarded as an 'original' or'pure' expression of Malay cultural life and therefore were seen as being of secondary importance. Islam in Southeast Asia has been viewed in the nineteenth century in a strong Orientalist way mainly as 'fanatic', 'aggressive', 'superstitious', 'decadent' or in the best case just as 'un-scientific'.*

b. **Menunjukkan Pertentangan Antara Adat Dan Hukum Islam**.

Dalam soal ini mereka menerimapakai formula Snouck Hurgronje dalam mewujudkan pertentangan antara hukum Islam dengan undang-undang adat. Apabila hal ini berlaku undang-undang adat akan mengatasi undang-undang Islam. Apa yang ditekankan adalah undang-undang adat Melayu tiada kaitan dengan Islam; apabila berlaku pertentangan antara undang-undang adat dan Islam maka undang-undang adat perlu diutamakan.[347]

Mereka menilai sistem adat Melayu mengikut *world-view* sekular. Mereka menafikan pengaruh Islam dalam undang-undang adat Melayu. Otak dan pendekatan budaya Melayu berinteraksi dengan persekitaran (iklim dan sosial) zaman berzaman sebelum kedatangan Islam ditonjolkan sebagai sistem undang-undang sejati. Sistem undang-undang ini dikatakan lebih baik berbanding dengan undang-undang Islam. Mengikut *world-view* sekular yang lebih mementingkan praktikaliti materialism, adat Melayu difahami sebagai undang-undang (*code*) buatan akal manusia dan pengalaman interaksi sosial dan tiada kaitan dengan agama.

Bagi mereka, Islam telah menghakis warisan pra Islam berupa warisan animisme dan Hinduisme. Intipati kedua elemen ini dapat dikesan dalam konsep adat Melayu. Kedatangan Islam telah mencemari adat Melayu. Memang terdapat *Malay Digest* yang menunjukkan undang-undang Islam dilaksanakan dalam Kerajaan Melayu seperti Melaka, Perak, Kedah dan Terengganu.

[347]Martin Van Bruinessen, Global And Local In Indonesian Islam, *Southeast Asian Studies* (Kyoto) vol. 37, no.2, (1999), 46-63

Fakta kelangsungan pelaksanaan hukum Islam sebelum British tidak diulas oleh sarjana kolonial. Ia secara langsung membuktikan mereka enggan mengiktiraf keunggulan tamadun kerajaan Melayu Islam. Tindakan berpegang pada ajaran Islam ataupun syariah Islam ini dikatakan seperti amalan di Eropah pada masa *Dark Age*. Ia dikatakan percaya kepada perkara tahyul dan bertentangan dengan logik.[348]

Hasil kajian yang dilakukan oleh Nurul Asmida Saad,[349] mendapati pihak kolonial beranggapan wujudnya pertentangan ataupun tiadanya keserasian antara adat dan hukum Islam. Teori ini yang dikenali dengan *Receptie Theory* yang dipelopori oleh Snouck Hurgronje dan Cornelis Van Vollenhoven menegaskan bahawa adat tidak dipengaruhi oleh prinsip Islam. Sebaliknya adat berjalan secara sendiri dan menjadi norma hukum yang hidup tanpa dipengaruhi oleh Islam.

Hujah utama pandangan sarjana kolonial ini adalah kerana mereka mempercayai Islam disebarkan dengan pendekatan kasar dan penuh tipu muslihat yang menyebabkan hukum Islam menghakis adat Melayu. Ia berlaku kerana adat penuh dengan world-view pra Islam. Memang menjadi tabiat hukum Islam menolak semua elemen pra Islam yang bertentangan dengan prinsip Tauhid. Ia terangkum dalam teori Hurgronje bahawa wujud pertentangan antara adat dan hukum Islam. Jadi untuk menjadi pembela adat Melayu daripada ditindas oleh hukum Islam, ia mencadangkan teori atau formula bahawa apabila ada pertentangan antara keduanya; adat perlu diutamakan.

---

[348] Danielle Falconer (2015), British Implementation of Western Medicine in Malaysia and the Malaysian Reaction, dalam *The Forum Journal Of History*, v. 7, (2015) 43-58.

[349] Nurul Asmida Binti Saad (2015), *Pandangan MB Hooker Terhadap Adat Di Tanah Melayu: Analisistem Terhadap Buku Islamic Law In South-East Asia,* Tesistem Sarjana Untuk Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. (2015)



University of Malaya

Walaupun pihak kolonial mendakwa diri mereka sebagai pembela adat budaya pra Islam yang dihapuskan oleh Islam. Tetapi pada hakikatnya dasar mereka dengan pengenalan sistem pengurusan adat Melayu, ia telah menghakis kelangsungan adat Melayu.

### c. Pengenalan Sistem Undang-Undang Islam Versi Kolonial

Keorang sarjana Barat cenderung mengatakan bahawa tiada undang-undang di negeri-negeri Selat sebelum kedatangan British. Bartholomew mengatakan:[350]

> *"Penang is the first settlement that has to be considered from this point of view, and it must be noted the, as the island was ceded to the East India Company, then, on the application of the accepted principles of constitutional law the precession law of the island should have continued in force until alter by the new sovereign infact Penang was either virtually or totally uninhabited at the time of the cession, so that there was in fact no precession law which could remain in force."*

Lebih lanjut, Bartholomew mengatakan bahawa sebelum kedatangan Inggeris undang undang Belanda telah digunapakai khususnya di Melaka. Seterusnya, mengenai negeri-negeri Melayu Bersekutu dan negeri-negeri Melayu tidak Bersekutu, Bartholomew tidak menjelaskan apakah undang-undang yang digunapakai sebelum 1937 dan 1951. Bartholomew menegaskan;[351]

> *"…the Unfederated States never, as such had a statutory reception of English law although in 1951 the Federated Malay States never as such had a statutory reception of English law the Federated Malay States Civil Law Enactment was extended to the other Malay States of the Federation of Malaya that is to say the former Unfederated Malay States, however, there was a considerable unofficial reception of English law both through the enactment of legislations based upon English models and through the efforts of an English trained bench and bar."*

---

[350] Bartholomew, G.W, *The commercial law of Malaysia- A study in the reception of English law*. Singapore: Malayan Law Journal, (1965) 5.
[351] Ibid, h. 15.



University of Malaya

Kedua-dua kenyataan ini menggambarkan seolah-olah negeri-negeri Selat sebelum kedatangan British tidak mempunyai satu sistem perundangan. Hal ini ditambah pula dengan dakwaan bahawa undang-undang Islam sebagai *barbarian* dan *out of date* yang menjustifikasikan pemakaian sistem undang-undang sivil British.[352] Dalam soal ini, mereka mengembar-gemburkan kebaikan sistem pengurusan British terhadap undang-undang Islam yang diperkenalkan oleh kuasa British. Antaranya isu pengenalan kuasa British dengan Majlis Agama Islam Kelantan;  Islam dan undang-undang Islam perlu ditadbir menggunakan sistem pengurusan British.[353]

Pihak kolonial selepas menolak hukum Islam dalam masyarakat Melayu telah menerimapakai modus operandi yang dijalankan oleh pihak British di India. Contohnya, tafsiran hukum Islam di Tanah Melayu merujuk kepada karya teks hukum Islam yang diamalkan di India; *Anglo-Muhamadan Law*.[354]

Berasaskan premis kegagalan undang-undang Islam tradisi di Tanah Melayu, pihak kolonial bertindak mewujudkan sistem undang-undang Islam versi kolonial. Ia mengikut amalan di India. Atas kapasiti pembawa tamadun kepada masyarakat melayu, pihak kolonial bertindak seperti reformis yang membawa kemajuan kepada masyarakat Islam. Hal ini memang berlaku di negara Islam yang menjadi koloni British pada waktu itu. Ia dianggap sebagai *reformation* oleh N. J. Anderson, bila mana sistem undang-undang Islam di negara umat Islam diubah oleh pihak British.[355]

[352] R.O.Winstedt, *The Malays, a Cultural History*. (London: Routledge & Kegan Paul LTD,1950), 170-173
[353] Moshe Yegar, *Islam And Islamic Institutions In British Malaya*, Jerusalem,(1979)  123-125
[354]Iza R. Hussin, *The Politics Of Islamic Law : Local Elites, Colonial Authority, And The Making Of The Muslim State,* (Chicago : The University Of Chicago Press, 2016)
[355]*Léon Buskens*, Sharia And The Colonial State, dalam  *The Ashgate Research Companion To Islamic Law*, (edit) Rudolph Peters and Peri Bearman, (Surrey: Ashgate Publishing Limited, 2014)  209-218.



University of Malaya

Undang-undang Islam versi pihak British dikatakan cuba diseragamkan di seluruh koloni British mengikut model amalan di India. Ia dipacu dengan kewujudkan sistem komunikasi moden yang diulas oleh Nurfadzilah Yahaya:[356]

> *With the advent of telegraph communications in the 1860s, knowledge of Muslim subjects was further enhanced by a vast imperial network which automatically provided a valuable means of communication across huge geographical expanses especially after the empire expanded exponentially between the end of the First World War and the beginning of the Second World War following the demise of the Ottoman Empire. Colonial officials stationed in various colonies constantly updated each other on amendments to legal statutes and acts, by corresponding with the Colonial Office in London, who dutifully copied their correspondences and sent them to other British governments throughout the British sphere of influence. These amendments were subsequently announced in colonial government gazettes. In this way, British territories in all forms, including colonies, Protectorates, Mandates, were linked to a body of knowledge regarding Muslim subjects who were regarded as part of a global community.*

Bagi pihak British, pengenalan *Anglo-Muhamadan Law* ini dianggap berjaya mewujudkan kestabilan dan keseragaman kerana ia dipaksakan pemakaian pada semua koloni British tanpa mengira perbezaan latar belakang sejarah dan budaya.[357] Sarjana kolonial, Marc Galanter menegaskan;

> *colonial administrators put forth general rules that were applicable to whole societies.*[358]

Mengikut *Léon Buskens,* apa yang diperkenalkan oleh British ini bersesuaian dengan pemahaman sistem perundangan milik British yang perlu dipergunakan untuk mewujudkan *law and order* dalam masyarakat. Maknanya, konstruk sistem perundangan British dipaksakan pemakaiannya dalam masyarakat koloni. Ia termasuk dalam soal undang-undang

---

[356] Nurfadzilah Yahaya. *Courting Jurisdictions: Colonial Administration Of Islamic Law Pertaining To Arabs In The British Straits Settlements And The Netherlands East Indies, 1860–1941.* Tesis Ph.D untuk Princeton University,(2012)
[357] Scott Alan Kugle, Framed, Blamed and Renamed: The Recasting of Islamic Jurisprudence in Colonial South Asia, *Modern Asian Studies*, 35,(2001) 301, 306, 309-310.
[358] Marc Galanter, The Displacement of Traditional Law in Modern India, *Journal of Social issues* 24, no. 4, (1968) 65-91.



University of Malaya

dengan adat masyarakat setempat. Ia kemudiannya dikekalkan selepas merdeka oleh negara bekas koloni British. Tegasnya;[359]

> *In the colonial conceptualizations of Islamic and customary law, a notion of modernity and a view of governance were implied. Islamic normativity could only be applied in a modern state in the form of Islamic "law." For the colonial administration, the ambiguity and flexibility of the classical tradition was unworkably complex. The functioning of the new polity was based on the codification of law and judicial review under control of a Ministry of Justice ...The burning question of the relationship between theory and practice in Islamic law or between law and society emerged during the colonial period as a direct result of normative debates about which law should apply to Muslim subjects. This phrasing was definitely colonial, with no counterpart in the existing Islamic discourse. When Islamic jurists discussed divergent practices, they did so in terms of bidʿa ("innovation") or ʿurf ("custom"), neither of which might be in contradiction to Sharia and could therefore be tolerated in the public interest (maṣ laḥ a).*
>
> *Thus, the scholarly and political debates led colonial governments to join Islamic and customary law into a system of state law modeled after the national law of the mother country. The mechanisms for this framework were the establishment of legal institutions, the appointment of judges and civil servants to administer justice and to control the administrators, and the creation of authoritative legal texts. Colonial Sharia became part of the national legal traditions of the colonizing states, both conceptually and substantively.*

## 4.3 Jawapan Terhadap Pandangan Sarjana Kolonial tentang Islam dan Melayu

### i. Re-production Imej Islam daripada Genre Orientalism Klasik

Apabila dilakukan analisis *world-view* terhadap pandangan negatif tentang Islam masyarakat Eropah zaman pertengahan adalah hasil pengaruh orientalis dan semangat Perang Salib yang berkembang di Eropah pada abad 16-18 dan menyampai puncaknya di abad 19 setelah penjajahan berlaku.[360] Isu ini ditimbulkan demi kepentingan kolonialisme, di mana

---

[359] *Léon Buskens*, Sharia And The Colonial State, dalam *The Ashgate Research Companion To Islamic Law*,(2014) 212-213.
[360] Hamid Fahmy Zarkasyi, Tradisi Orientalisme Dan Framework Studi Al-Qur'an, *Jurnal TSAQAFAH* , Vol. 7, No. 1,(2011) 1-27.

pihak kolonial British mahu mengekalkan kuasa dan mengelak penentangan timbul kerana faktor agama. Contoh terbaik dapat dilihat kepada ketakutan pihak kolonial British dan Belanda yang memusuhi ibadat haji.

Maknanya apa-apa sahaja yang digambarkan oleh sarjana pentadbir kolonial tentang Islam tidak boleh diterima kerana ia bukan paparan ilmiah tapi berbentuk peniruan daripada semangat anti Islam yang berkembang di Eropah.[361]

Pandangan negatif Raffles tentang Islam berkait rapat dengan pegangan Mazhab Protestan yang secara kuat dipegangnya. Permusuhan terhadap Islam akibat langsung usaha Kristianisasi masyarakat melayu menggunakan Mazhab Protestan yang memang sesuai dengan dasar kolonial. Mengikut Weber, Mazhab Protestan adalah sikap hidup yang hati-hati, bijaksana, rajin dan bersungguh-sungguh dalam mengelola perniagaan. Kegiatan ekonomi adalah suatu tugas dalam rangka melayan kehendak Tuhan. Untuk tujuan ini penganut Protestan perlu memanfaatkan modal sesuai dengan kepentingannya, bekerja keras untuk membantu meningkatkan simpanan. Ia tidak boros pada hal-hal yang tidak perlu dan mencari kesenangan yang sifatnya sementara.[362] Ia harus disimpan bagi menghasilkan keuntungan yang berganda. Kesemua elemen ini dikatakan langsung tidak ada dalam Islam yang diamalkan oleh orang Melayu.

## 4.4 Imej Negatif Masyarakat Melayu Dan *Oriental Despoticsm*

---

[361] Syed Muhd Khairudin Aljunied, Rescuing History From The Orientalists: Syed Muqammad Naquib Al-Attas And The History Of Islam In The Malay World, *TAFHIM: IKIM,(2013)* 6, 1–20.
[362] Hamid Fahmy Zarkasyi (2013), *Worldview* Islam dan Kapitalisme Barat, *Jurnal TSAQAFAH.* Vol. 9, No. 1, 17-37.

Ia sesuai dengan falsafah evolusi ciptaan Charles Darwin[363] yang memberi justifikasi pada pihak kolonial British untuk mentamadunkan orang Melayu daripada kebodohan sendiri dan kezaliman raja-raja melayu. Pihak kolonial British tidak pernah memberi komentar yang positif pada orang melayu kecuali pada raja Melayu yang menyokong mereka. Ringkasnya, walaupun mereka menyatakan sifat buruk orang Melayu tapi ia tidak dikaitkan dengan sistem raja Melayu zalim yang disokong mereka.

Menyentuh isu *Oriental Despoticsm*, dalam sejarah dunia mencatatkan bahawa kezaliman raja tidak terhad kepada bangsa timur semata-mata, bahkan ia berlaku lebih buruk lagi di Eropah. Beberapa persoalan perlu ditanyakan:[364]

1. Kenapa pihak kolonial British sering menjadi orang tengah dalam pergaduhan raja-raja Melayu yang berakhir dengan pemilihan raja yang menyokong mereka. Ia berlaku dalam kes perebutan kuasa di Perak.

2. Kenapa pihak kolonial British mencipta pelbagai helah untuk campurtangan di sesebuah negeri Melayu seperti kes Negeri Pahang.

3. Mereka menerangkan tentang nasib orang melayu yang ditindas oleh raja. Tetapi kenapa mereka sendiri menaja, membela dan mengangkat kelas raja Melayu yang menindas rakyat.

4. Mereka enggan memahami penentangan rakyat adalah kerana ulama dan masyarakat melayu enggan bersetuju dengan dasar yang dilaksanakan oleh kolonial British.

---

[363]Daniel C. Dennett, *Darwin's Dangerous Idea Evolution And The Meanings Of Life*,( London : Penguin Books Ltd, 1995)

[364]Hanapi Dolah, Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu : Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, v.1(2) (1983)



University of Malaya

### 4.4 Jawapan Terhadap Hukum Islam

Ulasan Terhadap Hukum Islam Kurang Diberikan Perhatian

Kita boleh mengemukakan beberapa sebab kenapa hal ini berlaku. Antaranya;

**i. Sarjana Pentadbir British Tidak Memiliki Kelayakan Akademik Yang Mencukupi**.

Mengikut Syed Naquib Al-Attas, para orientalis khususnya sarjana kolonial memang tidak memiliki kelayakan akademik untuk membolehkan mereka menilai karya kitab jawi di alam Melayu. Ia berupa kemampuan bahasa Arab untuk memahami ajaran Islam. Oleh kerana kandungan manuskrip jawi Islam penuh dengan istilah arab Islam yang memerlukan kepakaran yang khusus, maka mereka gagal untuk membaca dan memahaminya secara mendalam.[365] Bagi beliau lagi, hal yang sama turut berlaku kepada Snouck Hurgronje, dikatakan memiliki kelayakan akademik melebihi kemampuan sarjana British.

Sebelum Snouck Hurgronje berkhidmat di Indonesia, beliau belajar di Universiti Leiden dan pernah melakukan penyelidikan pasca sarjana tentang zakat dalam masyarakat Islam Timur Tengah. Atas dasar itu sarjana British dilihat meniru bulat-bulat pandangan yang dibawa oleh Hurgronje apabila menyentuh isu Islam.[366] Terdapat beberapa isu utama dalam kes peniruan ini;

---

[365] Syed Naguib Al-Attas, *Concluding Postscript to the Origin of the Malay Shaʿ ir, (*Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971) 13, 50–51.

[366] Snouck Hurgronje (1985), *Aceh Di Mata Kolonialis*, Terjemahan Ng Singarimbun Daripada Buku *The Achenese,* (Jakarta : Yayasan Soko Guru,1985)



University of Malaya

1. Bagaimana cara menangani kebangkitan Islam. Caranya dengan membunuh ulama dan mengangkat ketua-ketua adat atau feudal Melayu sebagai wakil dan agen British. Untuk menutup kejahilan mereka tentang ajaran Islam, mereka kurang memberikan ulasan dan sebagai jalan mudah mereka mendakwa bahawa Islam memang bertentangan dengan adat orang Melayu.

2. Pada akhirnya mereka menegaskan orang Melayu adalah golongan yang tidak berpegang pada Islam. Ia menafikan orang Melayu sebagai penganut Islam yang baik. Hal ini dilakukan bagi tunjukkan kelemahan metodologi dakwah Islam yang diusahakan oleh mubaligh yang awal.

### ii. Wujudnya *Pre Concieved Idea* Tentang Kelemahan Undang-Undang Islam dalam Masyarakat Melayu

Sarjana kolonial telah ada *Pre Concieved Idea* tentang kelemahan undang-undang Islam seperti diterangkan dalam genre orientalism klasik walaupun mereka mengumpulkan teks manuskrip hukum Islam. Andainya mereka mengkaji secara mendalam sudah pasti akan memaklumi fakta bahawa hukum Islam pernah menjadi *Law Of The Land* masyarakat Melayu sebelum kedatangan British. Maknanya mereka memang maklum dengan ketinggian tamadun Melayu tetapi enggan mengakuinya.[367]

Raffles sendiri dalam paparan keburukan undang-undang Islam yang diamalkan dalam masyarakat hanya mengulasnya secara ringkas semata-mata. Ringkasnya, dapat difahami bahawa tindakan enggan mengulas lebih mendalam tentang hukum Islam, disebabkan niat

[367]Mehmet Ozay, A Revisiting Cultural Transformation : Education System In Malaya During The Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, v. 1 (1),(2011) 37-48.



University of Malaya

buruk mereka enggan mengakui autoriti hukum Islam yang diikuti dengan usaha memperkenalkan sistem undang-undang *civil British*.[368]

Niat untuk mengubah sistem perundangan Islam di Tanah Melayu ini boleh diketahui daripada agenda perubahan yang dirancang oleh Raffles sejak awal lagi.[369] Antaranya, usahanya menggalakkan penyebaran agama Kristian kepada orang Melayu,[370] pengenalan sistem persekolahan bercirikan dasar penjajah dan perancangan menghapuskan tulisan jawi kepada tulisan rumi.[371] Tanah Melayu akan diubah menjadi jajahan British yang menekankan pemakaian agama Kristian dan sistem perundangan British.[372]

Realiti *Pre Concieved Idea* tentang kelemahan Islam ada diterangkan oleh Syed Muhd Khairudin Al-Junied.[373] Ia diamalkan oleh Raffles. Raffles menegaskan bahawa Islam tidak memberi apa-apa impak positif kepada masyarakat Melayu. Bahkan pengaruh pra Islam (Hindu-Budhha dan animisme) dianggap lebih baik berbanding dengan Islam. Hal ini ditegaskan oleh Raffles berulang kali walaupun dia memaklumi pencapaian intelektual ulamak Islam di abad 16-17 dengan penghasilan karya Kitab Jawi.

Hal ini terbukti apabila dia menjalankan polisi mendapatkan sebanyak mungkin manuskrip Islam daripada masyarakat Melayu, dengan melantik Abdullah Munsyi sebagai

---

[368]Siti Zubaidah Ismail, At the Foot of the Sultan: The Dynamic Application of Shariah in Malaysia, *Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law*, Vol. 3, (2015) 69-81

[369] Anthony Milner, The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere (Cambridge: Cambridge University Press, 1995), 77

[370] William Milne, Retrospect of the First Ten Years of the Protestant Mission to China (Malacca: Anglo-Chinese Press, 1820), 115-6.

[371] Raffles to Minto, Malacca, 10th June 1811, Eur. Mss. F.148/6.

[372] William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Yale Uni Press, h. 130; Stevenson, R., (1975). *Cultivators And Administrators., British Educational Policy Towards The Malays 1875-1906, (*Kuala Lumpur: Oxford University Press,1967) 106 dan 180; Committee on Malay Education, *Report of the Committee on Malay Education Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, (1951), 1.

[373] Syed Muhd Khairudin Al-Junied, From Noble Muslims To Saracen Enemies : Thomas Stamford Raffles's Discourse On Islam In The Malay World, *SARI*, 21(2003), 13-29.



University of Malaya

agen untuk usaha pengumpulan manuscrip Melayu Islam ini. Boleh dikatakan sebahagian besar daripada koleksi manuscrip Melayu Islam di British museum sebagai hasil usaha beliau.

Raffles berpandangan bahawa andainya tradisi Hindu masih berkuasa sudah pasti tamadun Melayu akan menjadi maju. Hal ini terbukti dengan wujudnya monumen Hindu seperti Candi Borobudur yang hebat. Sedangkan Islam tidak mempunyai kesemua monumen ini.

> *They must revert to what they were supposed to be in the days of Majapahit and previously, when Hindu faith and institutions exclusively prevailed*[374]

Dalam banyak hal, ia menghargai budaya Hindu yang menekankan kasta kerana ketaatan masyarakat bawahan kepada kasta atasan akan memudahkan kuasa British menguasai politik-ekonomi masyarakat tanah jajahan. Lebih penting lagi, dalam agama Hindu tiada fahaman jihad melawan penjajah yang bakal menjejaskan kuasa penjajah British.

Fakta sejarah membukti bahawa *Pre Concieved Idea* tajaan Raffles ini salah. Mengikut perkiraan *world-view* Barat, terdapat beberapa bukti tentang wujudnya sesuatu tamadun bermakna dalam sesuatu masyarakat. Antaranya, wujudnya sistem tulisan yang mampu merakamkan pemikiran masyarakat. Ia perlu ditambah dengan wujudnya manuskript intelektual yang merakamkan pemikiran tahap tinggi yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat.[375]

Bagi Syed Farid Al-Attas, pandangan sarjana kolonial ini lebih merupakan tanggapan atau imaginnasi mereka semata-mata dan bukannya realiti sebenar yang berlaku. Ia dibuat

---

[374] Thomas Stamford Raffles, *The History of Java,Vol. 2(* London: John Murray of Ablemarle-Street Press, 1830) 312

[375] Rahimin Affandi Abdul Rahim, Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam, *Jurnal syariah*, no.2.(2011)



University of Malaya

berasaskan ilmu kolonial yang binaan asasnya memang bertujuan menunjukkan kelemahan pemikiran manusia Melayu.

Beliau menegaskan, ilmu kolonial adalah ilmu yang menunjukkan ada garis pemisah antara baik dan buruk di antara masyarakat Barat dengan masyarakat bukan Barat. Bagi mereka, hanya *world-view* kolonial yang paling betul dan perlu diikuti oleh masyarakat peribumi. Paparan tentang masyarakat Melayu termasuk tentang Islam hanyalah hasil temuan daripada kajian etnografi mereka tentang masyarakat Melayu. kajian ini penuh *bias* yang dikumpulkan di bawah tajuk masyarakat Melayu.

Hal ini pernah dilakukan apabila mereka memungut data tentang amalan agama Hindu di beberapa tempat di India yang dikelompok di bawah tajuk Hinduisme. Sedangkan, sebenarnya data yang dikumpulkan ini bertentangan sama sekali dengan falsafah agama Hindu. Banyak fakta salah yang mereka berikan. Sarjana terkemudian secara fanatik berpegang pada kajian mereka ini. Maknanya, apa-apapun yang diberikan dan ditulis oleh mereka bukannya betul dan objektif seperti didakwa.[376]

Realiti ketinggian tamadun Melayu Islam ini dirakam oleh catatan pengembaraan ilmiah masyarakat Eropah di Alam Melayu. Pada abad 16 -18 M, pelayar daripada Andalusia yang sampai ke Alam Melayutelah mencatat serba serbi tentang masyarakat Alam Melayu. Hal ini terbukti dengan wujudnya tulisan awal tentang Alam Melayu. Ia digambarkan sebagai kawasan yang subur dan penuh dengan galian berharga. [377]

[376] Syed Farid Al-Atas, Alternative Discourse in Southeast Asia. *SARI, (2013)* 19
[377] Hairudin Harun, *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*, DBP : Kuala Lumpur,(2004), 71-74.



University of Malaya

Selain itu, terdapat juga sejumlah pengembara-saintis yang merantau ke Alam Melayu.[378] Ia termasuk bangsa Jerman, Austria, Perancis, Belanda dan British. Penjelajah awal ini mencatat dan membawa pulang sample-sample botani daripada Alam Melayuke Eropah untuk dibuat kajian.[379] Hasil penemuan awal ini mendapat sambutan yang memungkinkan masyarakat Eropah mengetahui tentang kemakmuran Alam Melayu. Di zaman kemudian, maklumat tentang bahasa, masyarakat, sumber alam dan agama masyarakat Alam Melayumenjadi rujukan baku di kalangan sarjana dan polisi maker di Eropah. Contohanya, kamus dan buku tata bahasa Melayu yang disusun oleh Marsden, W. (1812. *A Grammar of the Malayan Language)* pada masa ini mendapat sambutan hangat di Eropah, memandangkan bahasa Melayu telah *Linqua Franca* di Alam Melayu.[380]

### iii. Fakta Wujudnya Sistem Perundangan Islam di Tanah Melayu Sebelum British.

Sejarah mencatatkan bahawa Kerajaan Melayu Melaka telah pun melaksanakan undang-undang Islam dalam bentuk yang holistik.[381] Ia termaktub dalam Kanun Melaka yang mengandungi undang-undang, undang-undang laut, undang undang perkahwinan orang-orang Islam, undang-undang Islam tentang jual beli dan undang-undang Johor.[382] Hooker menyatakan unsur Islam dalam setiap keadaan adalah jelas. Undang-undang Melaka adalah merangkumi aspek jenayah, muamalah ataupun sistem ekonomi, kekeluargaan, keterangan

---

[378]Paparan tentang bangsa Eropah yang merantau ke Alam Melayu sejak zaman awal boleh dilihat dalam Raja Masittah Raja Ariffin, Konsep Merantau Ke Alam Melayu : Serampang Banyak Mata, *International Journal Of The Malay World And Civilization*, v. 1(2)(2013), 115-125.

[379]Mohd Hazim Shah, Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule, dalam *Asian Journal of Social Science 35, (2007)* 216–241

[380] Hashim Musa, Pelestarian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama dalam Persuratan dan Pembudayaan Ilmu, Sains dan Teknologi di Rantau Ini. *International Journal of The Malay World and Civilization*,2 (2) (2014)

[381]Haji Hairuddin Megat Latif, Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kewajarannya berdasarkan Faktor Sejarah Perundangan Tanah Melayu, *REKAYASA – Journal Of Ethics, Legal And Governance,* Vol.5,(2009) 22 – 47.

[382] Hooker, M.B., *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Terj. Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah).( Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 10



University of Malaya

serta acara.[383] Ia dilaksanakan dalam tempoh agak lama, oleh hampir kesemua Sultan Melaka dari zaman Sultan Iskandar Syah hinggalah zaman Sultan Mahmud, dan telah mengalami penambahan dari semasa ke semasa."[384] Lebih penting lagi, Undang-undang Melaka ini digunakan di seluruh empayar kesultanan Melayu Melaka. Salinan-salinan Hukum Kanun ini ditemui di Riau, Pahang, Pontianak dan Brunei Darussalam.[385]

Fakta ini terbukti betul apabila undang-undang Melaka ini begitu terkenal, sehinggakan undang-undang lautnya telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa oleh sarjana kolonial sendiri. Abdullah Alwi Hassan menulis seperti berikut:[386]

Undang-undang Melaka telah diterbitkan dalam beberapa versi, antaranya:

(a) Sir Thomas Stamford Raffles merupakan pengasas kepada pengkajian manuskrip Undang-undang Melaka. Beliau telah menerbitkan teks beberapa undang-undang laut di dalam *The Asiatic Researches* (1818, Jilid 12). Raffles juga telah membuat ulasan ringkas tentang Kanun Melayu yang dicetak semula dalam *The Malacca Weekly Register* (antara 9 Januari dan 3 September 1840). Fasal dalam Undang-undang Laut Melaka telah dipetik oleh D.F.A. Hervey pada tahun 1877 dan W.E. Maxwell pula menyunting dan menerbitkan dalam *Journal of Royal Asiatic Society Straits Branch*, 3:62-84:1-2 (1979) dengan disertakan beberapa keterangan lanjut.

(b) John Crawfurd telah menterjemahkan beberapa petikan Undang-undang Melaka dan diterbitkan dalam bukunya *History of the Indian Archipelago (*1820), Jilid III. Kemungkinannya petikan ini telah diambil daripada manuskrip No. 12397 (Malay 24)

---

[383] Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*. (The Hague: Martinus Nijhoff,(1976) h. 12.
[384] Mohamad Abu Bakar, Islam dalam pembinaan tamadun di Malaysia dalam Mohamad Taib Osman dan A.Aziz Deraman (eds.), *Tamadun Islam di Malaysia.* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000) 29
[385] Abdullah Alwi Hassan, *Pertumbuhan pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia,* 128.
[386] Ibid, 130-132.



University of Malaya

dalam koleksi Perpustakaan British.

(c) T.J. Newbold telah menterjemah undang-undang yang lain daripada Undang-undang Laut. Terjemahan undang-undang ini diterbitkan dalam *bukunya Political and Statistical Account of The British Settlements in The Straits of Malacca* (1839) Jilid II (hlm. 23-313).

(d) J.R. Logan telah menterjemah Undang-undang Melaka daripada manuskrip 33 Thomas Stamford Raffles (*Journal of Royal Asiatic Society -Straits Branch* (1879). Terjemahan ini diterbitkan dalam rencananya *'Malayan Laws of The Principality of Johore'*, dalam *Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia* 9 (hlm. 71-95), 1855.

(e) E. Dulaurier telah menterjemah Undang-undang Laut Melaka dan diterbitkan dalam rencananya *'Institutions Maritimes de l'Archipel d'Asie'* (1845) (hlm. 389-447). Dalam rencana yang sama juga beliau membuat ringkasan Risalat Kanun Melaka secara keseluruhannya (hlm. 447-450).

(f) S. Van Ronkel telah menerbitkan bukunya Risalat Hoekoem Kanoen Jaitoe Oendang- Oendang Melaka (1919), yang merupakan edisi daripada sepuluh buah manuskrip, berpandukan manuskrip Leiden Cod. Or. 1705 (1) sebagai teks asas. Beliau juga menterjemahkan Kanun itu secara ringkas.

(g) R.O. Winstedt dan P.E. de Josselin de Jong telah menerbitkan edisi baru Undang-undang Laut Melaka dalam *Journal of Royal the Asiatic Society* – Malayan Branch 29 (1956) (hlm. (3) 22-59).

University of Malaya

R.O. Winstedt dalam tulisannya *"The Brunei Code"* telah membuktikan bahawa tulisan ini adalah satu salinan daripada manuskrip Melaka. Rencana ini ditulis dalam *Journal of the Royal Asiatic Society- Straits Branch 85* (1922) (hlm. 232); *dan Journal of the Royal Asiatic Society- Malayan Branch 1* (1923) (hlm. 251).

(h) J.E. Kempe dan R.O. Winstedt telah memasukkan beberapa fasal daripada teks Undang-undang Melaka ke dalam rencana mereka *'Malay Legal Digest.Pahang'*, yang memuatkan beberapa rujukan kepada prinsip-prinsip fikah. Terjemahannya terdapat dalam *Journal of the Royal Asiatic Society Malayan Branch XXI* (1948) : (1), hlm 1-67. *'Malay Legal Miscellany'* karangan mereka juga adalah sebagai satu penerangan lanjut kepada '*Malay Manuscripts 33'* oleh Thomas Stamford Raffles; lihat *Journal of t6he Royal Asiatic Society- Malayan Branch XXVI* (1952): hlm. 1-19

(i) R.O. Winstedt telah membuat keterangan ringkas berhubung dengan penentuan tarikh '*The Malacca Code*'. Ini dapat dilihat dalam Journal of the *Royal Asiatic Society –Malayan Branch* (1953) : hlm. 31-32.

(j) R.W. Jakeman telah menerbitkan 'Kanun Pahang' yang berasal daripada manuskrip Melaka dalam *Journal of the Royal Asiatic Society – Malayan Branch 24* (1951): (3), hlm. 150-151.

(k) W.E. Maxwell dalam rencananya, *'Laws and customs of the Malays...*', menulis tentang sebahagian daripada pilihan manuskrip Melaka, Perak dan Minangkabau. Rencana ini diterbitkan dalam *Journal of the Royal Asiatic Society- Straits Branch* 13 (1884) : hlm.75-167.

(l) Liaw Yock Fang telah menulis bukunya bertajuk Undang-undang Melaka (1976), yang merupakan kajian terakhir dan edisi yang terlengkap sehingga sekarang. Buku ini mengandungi beberapa keterangan tentang kajian lepas, pengkajian terhadap manuskrip dan penerangan tentang ciri-ciri beberapa teks"

### iv. Dinamika Islam Dengan Adat Melayu

Fakta sejarah Islamisasi Alam Melayu menunjukkan hal sebaliknya. Islam datang secara aman, mesra budaya dan berjaya menimbulkan intelektual tahap tinggi dalam masyarakat Melayu. Islam berjaya menghapuskan elemen mitos yang tidak saintifik dalam masyarakat Melayu. Islam telah menyerap masuk dalam budaya (jadi jati diri *Malayness*) dan sistem adat Melayu. Islam telah menerapkan paradigma ilmu sejati dalam masyarakat Melayu.[387]

Antara pengaruh Islam adalah mengajar elemen epistemologi ilmu (apa sumber, sifat dan bagaimana kehidupan harus dijalankan). Ia termasuk dalam soal perundangan; tentang apa isi dan di mana sumber maklumat Taklif Syarak boleh didapati; bagaimana mencari jawapan terhadap isu-isu perundangan termasuk berkait dengan adat yang timbul.[388] Atas dasar itu, sarjana Melayu memahami bahawa adat bukan setakat tidak dihapuskan seperti didakwa oleh pihak kolonial, bahkan adat yang sahih (*Urf*) diterima sebagai sumber hukum Islam bergantung kepada beberapa syarat utama.

Ismail Mat apabila mengkaji teks Hukum Kanun Melaka menegaskan bahawa sarjana Melayu ( mubaligh dan ulama awal) yang terlibat menyusun dan menyemaknya memang

---

[387] Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Noor & Nor Adina Abdul Kadir, " Pemikiran Pendidikan Islam Dalam Sejarah Tradisi Alam Melayu: Analisistem Kritikal ". Dalam *Prosiding International Conference Of Islamic Civilization And Malay Identity 2011 (ICICMI2011)*,(2011) 17-30

[388] Rahimin Affandi Abdul Rahim," Pengamalan Ilmu Usul Al-Fiqh Di Dalam Sastera Undang-Undang Melayu : Satu Analisa ", Dalam (Edit Oleh Muhammad Mokhtar Hassan) *Kesusasteraan Dan Undang-Undang, (Kuala Lumpur:* Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, (2003) 158-179



University of Malaya

menggunakan ilmu Usul Fiqh sepenuhnya.[389] Hal ini terbukti apabila dalam Hukum Kanun Melaka terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan isu undang-undang;

i. Pendekatan *codification*. Hukum Kanun Melaka memang digubal secara rasmi untuk tujuan rujukan bagi seseorang pembesar Melayu yang terlibat dalam pentadbiran negara dan undang-undang.

ii. Keterangan tentang pembahagian struktur syariah kepada sumber wahyu dan bukan wahyu (ijtihad).[390] Dalam tradisi ilmu usul al-fiqh, pembahagian ini dibuat untuk memperlihatkan kepada umat Islam bahawa di dalam menyelesaikan sesuatu persoalan kehidupan, selain dari terpaksa bergantung kepada sumber wahyu (Quran dan Sunnah)[391], mereka juga dibenarkan untuk menggunakan sumber akal fikiran dikenali dengan ijtihad.[392]

iii. Keterangan tentang konsep Maslahah. Dalam Hukum Kanun Melaka, konsep maslaha ini diterangkan dalam bab 36:2 yang menerangkan tentang hukuman yang akan dikenakan kepada orang yang secara sengaja meninggalkan ibadat sembahyang.

Iv .Keterangan tentang konsep Siyasah syariah. Konsep ini antara lainnya merupakan kuasa terhad yang diberikan kepada seseorang pemimpin umat Islam melaksanakan dan menguatkuasakan sesuatu dasar yang dapat menjaga maslaha dan menjauhkan mafsadah, walaupun dasar yang dikuatkuasakan ini tiada ketetapan dan keterangan di dalam Quran dan Sunnah. Di dalam Hukum Kanun Melaka, terdapat beberapa ketetapan yang bersesuaian dengan konsep ini. Antaranya adalah dalam bab 14:2 yang memberi kuasa dan kebebasan

[389] Ismail Mat (1997), Pengajian Syariah : Hubungannya Dengan Adat Arab Dan Keadaan Di Malaysia , dalam *Dinamisme pengajian Syariah*,( Kuala Lumpur, 1977) 89-90.
[390] Sebagai contohnya, dalam bab 6.4 dan 15.8 Hukum Kanun Melaka, terdapat perbincangan tentang sumber Qiyas
[391] Rahimin Affandi Abd. Rahim, " The Significance Of Ijtihad In The Development Of Muslim Law ", dalam Jurnal *Sarjana*, v. 10, (1993) 85-88.
[392] Ibid.



University of Malaya

yang diberikan kepada pemerintah Islam menjatuhkan hukuman yang difikirkannya paling sesuai untuk kesalahan jenayah mencuri.

v. Pengakuan *urf* sebagai salah satu dari sumber hukum Islam. Secara jelas, dengan pengetahuan usul al-fiqh, fuqaha Melayu awal memaklumi bahawa faktor budaya juga diambilkira di dalam penetapan hukum dan mempunyai nilai undang-undang di dalam Islam.. Rasionalnya boleh dilihat dari pandangan beberapa orang sarjana yang mengatakan bahawa sesuatu kebudayaan itu mengandungi beberapa panduan dan sistem nilai (aksiologi) tentang apa yang baik dan buruk yang sepatutnya dipatuhi oleh anggota masyarakat.[393]

Realiti penerimaan adat sebagai kaedah penetapan hukum dalam masyarakat Melayu boleh dilihat kepada kupasan Syeikh Daud Pattani. Ia telah memperihalkan budaya mubah konsep Harta Sepencarian milik budaya masyarakat rantau Alam Melayu( Negeri Dibawah Angin). Budaya ini yang merupakan formula penyelesaian masalah yang lebih adil untuk lelaki dan perempuan telah dipelajari dan ditiru oleh masyarakat Islam. Ia juga berjaya menerapkan Islam ke dalam struktur asas masyarakat Melayu, hingga timbul asas Melayu sinonim dengan Islam, adat bersendikan hukum, jati diri Melayu Islam.[394]

Sikap yang anti adat dan menganggap kesemua adat Melayu berasal dari warisan pra-Islam yang bertentangan dengan Islam, dapat dikatakan sebagai songsang dan tidak bersifat ilmiah. Ini kerana proses pengIslaman adat dengan faktor ajaran Islam telah berlaku dengan cukup berkesan dalam masyarakat Melayu, seperti ditegaskan oleh Abdullah Alwi Haji Hassan,

---

[393] Drs. Mahjunir, *Mengenal Pokok-Pokok Antropologi Dan Kebudayaan*, Jakarta, (1967), 44.
[394] Suwaid Tapah, *Harta Perkahwinan : Harta Sepencarian*, Siri Penerangan Undang-Undang Islam 2, Kuala Lumpur,(2001), 11-13.



University of Malaya

" pengubahsuaian pengamalan adat-adat Melayu ini kepada prinsip Islam merupakan proses yang berlaku tanpa henti, kerana Islam itu sendiri sentiasa bergerak ke depan tanpa kelesuan ".[395]

a. **Kritikan terhadap Sistem Undang-Undang Islam Versi Kolonial**.

Dakwaan masyarakat Melayu yang tidak mempunyai sistem perundangan sebelum British bertepatan dengan konsep sejarah yang dipaksa pemakaiannya di Tanah Melayu. Bagi mereka, hanya epistemologi sejarah mengikut pemahaman barat sahaja yang dianggap paling betul. Mereka menafikan otoriti sumber sejarah tempatan Alam Melayu yang dikatakan penuh elemen feudalism dan mitos. Bagi mereka, sumber sejarah Alam Melayu merangkumi *Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak, Tuhfat Al-Nafs* dan sebagainya tidak mengandungi apa-apa faedah yang mengambarkan latar belakang sosio-politik-ekonomi dan intelektual masyarakat Alam Melayu. Hal ini telah diulas dengan cukup baik oleh Dr. Tantiana A. Denisova dan Hussain Othman yang mendedahkan mutu intelektual yang terkandung di dalam kesemua sumber sejarah Alam Melayu ini.[396]

Jadi, pandangan mereka, sebelum kedatangan kuasa kolonial, masyarakat Alam Melayu dianggap tidak memiliki sejarah yang jelas, kabur dan bersifat tradisional. Ia menunjukkan beberapa perkara;

1. Sebelum mereka datang, orang Melayu tidak bertamadun seterusnya mengajar orang Melayu jangan mempercayai sejarah keunggulan silam. Sebaliknya ia harus dilupakan dan cukup bergantung pada british untuk membawa kemajuan.

---

[395] Abdullah Alwi Haji Hassan, " Adat Melayu Mengikut Perspektif Perundangan Orang Islam Di Malaysia ", Dalam *Adat Melayu Serumpun*,( Kuala Lumpur : DBP, (2001), 65-66.
[396] Hussain Othman, Conceptual Understanding Of Myths And Legends In Malay History, *SARI*, v. 26, (2008) 91-110.



University of Malaya

2. Kedatangan mereka adalah untuk menyelamatkan orang Melayu daripada kejahatan sendiri. Mereka ingin menunjukkan bahawa kedatangan mereka membawa maksud yang murni dan menyembunyikan niat jahat mereka ingin menjajah dan mengaut hasil bumi masyarakat Melayu. Jadi mereka menciptakan teori kejahatan sistem feudal Melayu yang menindas ahli masyarakat. Jadi, bagi menutup kejahatan sendiri mereka menuduh masyarakat Melayu yang jahat.

3. Kononnya hanya sumber catatan mereka sahaja yang bermutu objektif dan boleh dipercayai kerana sumber sejarah tempatan penuh dengan elemen mitos. Sedangkan catatan sejarah mereka penuh dengan kelemahan merangkumi; a) tidak mendalam dan dibuat secara sepintas lalu; b) sarat dengan agenda British yang hanya terhad tentang Negeri Melayu Bersekutu dalam temanya hanya berkisar soal kezaliman raja Melayu.

Mereka membahagikan sejarah kepada dua jenis, sejarah tradisional dan moden. Kononnya, hanya selepas kuasa barat datang barulah elemen sejarah moden itu timbul yang dianggap sebagai sejarah yang bermanafaat untuk dikaji. Maklumat tempatan tidak diakui kerana penuh dengan elemen mitos, sebaliknya masyarakat Alam Melayu hanya patut bergantung kepada catatan orang barat tentang masyarakat Melayu untuk mengetahui makna sejarah sebenar.

Atas dasar ini, mereka mengisytiharkan sejarah negeri-negeri Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai kabur dan tidak jelas.[397] Mereka enggan mengakui sejarah tamadun Melayu Islam sebelum kedatangan kuasa kolonial. Akibatnya, sejarah tamadun Melayu tradisional dianggap tidak wujud, bahkan ditengelamkan sama sekali.

---

[397] W. A. Graham, *Kelantan : A State Of The Malay*,( Glasgow :1908), 38; A. Rentse, History Of Kelantan 1, *JMBRAS*, XII, pt. 2,(1934), 44.



University of Malaya

Sebagai alternatifnya, andainya masyarakat Melayu ingin mengetahui sejarah mereka sendiri, mereka perlu merujuk kepada catatan sarjana kolonial.[398] Catatan sejarah milik sarjana kolonial ini agak sempit yang hanya tertumpu di Negeri Melayu Bersekutu. Contohnya, sejarah negeri Melayu lain seperti Pahang dikatakan hanya bermula pada abad ke19. Ia hanya menumpukan kepada isu pergolakan politik yang penuh dengan keadaan huru hara yang memerlukan campurtangan British untuk melahirkan *Law And Order* di negeri terbabit. Hal ini memang diterangkan dalam catatan sarjana-pentadbir kolonial dan Abdullah Munsyi.[399] Lebih malang lagi, dalam kesemua catatan sejarah ini, masyarakat Melayu digambarkan sebagai masyarakat yang penuh elemen negatif dan penuh penindasan yang dilakukan oleh pembesar kepada masyarakat Melayu.[400]

Apabila dikaji secara mendalam, terdapat beberapa masalah teks *Anglo-Muhammadan Law* ini, antaranya:

1. Ia dibentuk berasaskan premis kelemahan teks undang-undang dan kelayakan penguatkuasaan oleh kerajaan dan kadi di India. Lebih tepat lagi ia didorong oleh semangat sekularisme yang menganggap sistem undang-undang Islam tidak lengkap serta kelemahan kerajaan Islam tempatan di India sehingga menyebabkan berlakunya kelemahan penguatkuasaan. Untuk itu mereka telah mengubah isi kandungan undang-undang Islam tradisi dan diisi dengan kaedah pengurusan undang-undang barat. Teks baru tajaan kolonial British kemudiannya dianggap sebagai usaha reformasi undang-undang Islam yang diusahakan oleh penjajah kolonial British.[401]

[398] Hanapi Dolah, Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu : Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, v.1(2),(1983) 125-139

[399] Mohammad Saleeh Rahamad, Pengaruh Barat Dalam Persuratan Awal Di Malaysia, *Jurnal Pengajian Media Malaysia,* v. 11, no.1, (2009) 113-132.

[400] Hanapi Dolah, Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu : Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, v.1(2),(1983), 125-139

[401] Piyush Kumar Tiwari, The East India Company and Criminal Justice: The Role of Orientalists**,** *International Journal of Humanities and Social Science Invention,* Volume 3 Issue 4.(2014), 59-62.



University of Malaya

2. Kandungan undang-undang Islam dihadkan kepada isu personal semata-mata. Selebihnya sistem undang-undang barat telah diterima pakai. Jadi kita boleh melihat persamaan *pattern* penerapan undang-undang British di negara umat Islam. Pengalaman British di India turut dilaksanakan di Tanah Melayu.[402]

3. Perbezaan sandaran nas mazhab antara Anglo-Muhamadan Law dengan amalan hukum Islam di Tanah Melayu. Sedangkan perbezaan pegangan mazhab dan konstektual tempatan masyarakat perlu diambilkira bagi memastikan aplikasi undang-undang Islam berjaya dilaksanakan. Secara terang-terangan kita dapat menegaskan bahawa pergantungan pihak British di Tanah Melayu dengan bahan-bahan hukum Islam daripada India telah mencacatkan pemahaman mereka tentang hukum Islam kerana keduanya ( hukum Islam di Tanah Melayu dan India) berbeza daripada segi mazhab dan sosiologi masyarakat.[403]

4. Pihak kolonial British di India menghadapi masalah memahami teks undang-undang Islam versi mazhab Hanafi yang dipakai di India. Mereka terpaksa bergantung kepada terjemahan pakar mereka yang ternyata salah dan kabur.[404]

Atas dasar itu kita boleh mempertikaikan pandangan sarjana Islam moden yang mengkategorikan peranan pihak kolonial sebagai pengasas reformasi undang-undang Islam, apatah lagi mngasaskan sistem politik Islam moden. Secara jelas kita mendapati bagaimana kajian sarjana-pentadbir British tentang Islam bukannya untuk belajar memahami tetapi untuk menunjukkan kelemahan Islam. Mereka menggunakan kuasa ilmu ataupun epistemologi untuk memaparkan undang-undang Islam. Dalam kajian semua perkara tentang masyarakat

[402] Nurfadzilah Yahaya, Craving Bureaucracy: Marriage, Islamic Law, and Arab Petitioners in the Straits Settlements, *The Muslim World*, Volume 105, Number 4,(2015), 508.
[403] Ibid, 496-514.
[404] Ibid.

Melayu, world-view British telah dipakai sepenuhanya. Contohnya, mereka membezakan antara undang-undang adat dengan undang-undang Islam. Sedangkan undang-undang adat telah diserapi dengan undang-undang Islam. Wilkinson menegaskan bahawa orang Melayu pada dasarnya enggan menerimapakai undang-undang Islam, dan demi untuk memajukan sistem undang-undang masyarakat Melayu, sistem undang-undang Islam perlu dihapuskan dan diganti dengan sistem pentadbiran dan undang-undang sivil Barat.

Dalam soal ini, Mardsen, Wilkinson dan Winstedt sepakat menegaskan bahawa undang-undang Islam sebagai *barbarian* untuk konteks zaman moden. Mereka menegaskan pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu seperti era *Dark Age* di Eropah yang percaya kepada perkara khurafat yang tidak logik dan anti pemodenan.

Sebagai kritikan kepada dasar kolonial ini, ternyata mereka mengamalkan sikap pemusuhan intelektual dengan semua subjek Melayu-Islam. Mereka datang, menjajah, mengkaji dan menerapkan pendekatan *Eurocentric* dalam kajian masyarakat Alam Melayu. Mereka memaparkan sewenang-wenangnya masyarakat Alam Melayu mengikut kacamata mereka tanpa mengambil kira pandangan peribumi. Apa yang dipaparkan kononnya bersifat objektif kerana mereka berkecuali (sebagai orang luar), sedangkan ia hanya agakan semata-mata yang penuh dengan *bias*.[405]

### v. Pendekatan Anti Islam Sebagai Kaedah Membangunkan Orang Melayu

[405] Özay, M. An Attempt To Understand The Driving Forces Of Historiography In The Eurocentric Perspective In Southeast Asia. *İnsan & Toplum*, *3*(6),(2013) 271-282.



University of Malaya

Dasar British yang ditentukan oleh kolonialis mengunakan pendekatan yang bersifat anti Islam sebagai kaedah untuk memajukan orang Melayu. Hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara. Antaranya;

**a. Bahaya Islam Sebagai Pemangkin Perjuangan Menentang Penjajah Kafir.**

Dalam usaha pihak kolonial mengkaji semua aspek struktural masyarakat Melayu, mereka memaklumi bahawa Islam dan institusi pengajian Islam memang menjadi asas kekuatan jati diri Melayu. Bagi British dan Belanda, Islam adalah umpama racun yang perlu diawasi. Namun begitu, hal ini tidak boleh dilakukan secara terang-terangan kerana bimbang akan menjemput penentangan orang Melayu. Dua contoh boleh diberikan, antaranya;

1. R.J.Wilkinson dan Winstedt dalam perancangan sekolah Melayu telah membuang subjek sejarah Islam daripada kandungan sukatan pelajaran sekolah Melayu.[406] Ia disedari bakal menimbulkan kesedaran masyarakat tentang kegemilangan Islam menguasai dunia suatu masa dahulu.[407]

2. Sarjana-pentadbir British dan Belanda yang menjadi tokoh utama membangunkan ilmu kolonial memang terdiri daripada lulusan institut pengajian tinggi Barat yang terdedah dengan gerakan orientalisme. Jadi mereka memaklumi bahawa trauma Perang Salib telah menyebabkan umat Islam memusuhi kuasa Barat. R. J. Wilkinson dalam kompilasi kajiannya tentang masyarakat Melayu yang dijadikan teks utama untuk latihan kadet kolonial menegaskan tentang bahayanya peranan Islam bagi kuasa British.[408] Begitu juga halnya dengan Snouck Hurgronje. Sebelum dilantik sebagai penasihat Belanda di

[406] Winstedt, R. 0. *Ilmu Alam Melayu, iaitu Sa-buah Kitab Pemimpin bagi Segala Guru-Guru Melayu.* (Singapore: Methodist Publishing House, 1918).
[407] Mehmet Ozay, A Revisiting Cultural Transformation : Education System In Malaya During The Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, v. 1 (1), (2011) 37-48
[408] Wilkinson, R.J. *Malay Beliefs*. (Leiden: E.J. Brill, 1906), 19 dan 25.



University of Malaya

Indonesia, beliau pernah melakukan tesis tentang institusi haji di Timur Tengah. Lagipun sarjana British dan Belanda (walaupun bermusuhan) telah saling berhubungan dalam menangani Islam di kawasan jajahan masing-masing.[409]

### b. Usaha meruntuhkan potensi Sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu.

Pihak British memaklumi tentang sumbangan institusi pengajian Islam dalam membawa kesedaran ilmu dalam masyarakat. Ia juga mengasaskan sistem politik Islam dengan terbentuknya pelbagai kerajaan Melayu-Islam. Bahkan mereka hairan untuk memahami Islamisasi dalam bentuk yang aman telah mampu mengubah *world-view* dan menjadi elemen *substance* dalam masyarakat Melayu. Hal ini ditegaskan oleh John Taylor bahawa andainya British tidak datang ke Tanah Melayu sudah pasti undang-undang Islam akan menjadi *Law of the land* di Tanah Melayu.

Hasilnya mereka memahami bahawa perubahan Islam ini mampu dibuat dengan wujudnya sistem pendidikan yang canggih dan mampu menjawab persoalan terpenting masyarakat. Untuk itu, mereka mengunakan taktik hegemoni dengan menyebarkan dalam masyarakat bahawa sistem pendidikan Islam ini tidak berdaya maju. Hal ini didokong dengan dasar pendidikan yang diperkenalkan British kemudiannya.

Sistem pendidikan Barat ini disifatkan dengan beberapa bentuk;[410]

University of Malaya

---

[409] Matthew Schauer, *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology, Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, tesis Ph.D untuk University of Pennsylvania,(2012), 66-68
[410] Tan Yao Sua, *The British Educational Policy For The Indigenous Community In Malaya: Dualistic Structure, Colonial Interests And Malay Radicaal Nationalism*, CenPRIS Working Paper (2009), 1-16

1. Tidak adil. Kerana ianya berbeza untuk masyarakat Melayu. Hanya anak raja dan pembesar Melayu yang diberikan pendidikan yang baik daripada segi mutu guru dan fasiliti. Hal ini tidak diberi kepada masyarakat Melayu bawahan.

2. Matlamat pendidikan. Bagi anak-anak pembesar, mereka dirancang untuk menjadi tenaga kerja jawatan pertengahan dalam masyarakat. Untuk masyarakat bawahan, mereka diharapkan akan terus kekal sebagai kelas bawahan, sebagai petani yang lebih baik sedikit daripada keluarga mereka. Mereka turut memerlukan tenaga kerja untuk jawatan rendah sebagai pemandu kereta kuda dan budak pejabat.

Kandungan sistem pendidikan yang tidak membantu proses mobiliti sosial masyarakat. Lebih penting lagi ia tidak membantu pembentukan pemikiran aktif dan kritis.[411] Bagi kelas anak raja, mereka diajar subjek yang mengagungkan kuasa dan sistem nilai British. Untuk kelas bawahan mereka diajar dengan subjek biasa (membaca, menulis, mengira dan kemahiran teknikal biasa).[412]

Sekolah British dicanangkan dalam masyarakat sebagai yang terbaik. Tamatan sekolah vernakular British akan mendapat sijil yang membolehkan mereka mendapat kerja bawahan dalam masyarakat. Ini secara jelas menyebabkan mana-mana sistem pendidikan yang berada di luar arus perdana seperti sistem pondok tidak akan diakui. Ahli masyarakat Melayu mula terpengaruh dengan fenomena ini, kerana graduan pondok tidak diterima kerja dalam perkhidmatan British.[413] Maknanya mereka Berjaya menyebarkan ideologi sekular yang menafikan peranan agama dan menganggap kerja makan gaji sebagai suatu prestij. Kononnya

---

[411]Adnan Haji Nawang, *Za'ba Dan Melayu*,( Kuala Lumpur,1998), 96-97.
[412] Khairi Bin Ariffin, Ramli Bin Saadon & Ismail Ali, Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu Di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua, *MANU*, Bil. 18(2012), 1–31
[413] Wan Yahya Wan Ahmad, " The Early Development Of Islamic Education In Kelantan ", dalam *ISLAMIKA,* Kuala Lumpur, v. 111,(1985), 221-222.

hidup seseorang itu lebih terjamin apabila mendapat gaji setiap bulan bagi memenuhi keperluan hidup.[414]

Walaupun mereka mendakwa diri sebagai pembela masyarakat Melayu, tetapi pada dasarnya mereka lebih mementingkan soal keuntungan pelaburan mereka tanpa mempedulikan kebajikan masyarakat bawahan atau imigran asing. Fakta sejarah membuktikan keadaan hidup tenaga imigran Cina dan India yang bekerja di ladang dan lombong sangat mendukacitakan.[415]

### c. Usaha Mematikan Konsep Ummah Melayu

Konsep ummah berasaskan ikatan agama Islam seperti mana dipegang sebelum kedatangan British diubah menjadi konsep bangsa Melayu mengikut kerangka *Nation State*. Hal ini dimasukkan dalam kurikulum buku teks Melayu yang diajar di sekolah Melayu. Ia terdiri daripada ;[416]

1. Kawasan sempadan tertentu mengikut konsep British dengan suatu peta khusus. Tanpa disedari oleh orang Melayu, Peta Tanah Melayu yang diperkenalkan ini disesuaikan dengan kehendak dan empayar milik British di Alam Melayu.

2. Ketaatan hanya perlu diberikan kepada raja di tempat sendiri.

3. Ras Melayu khusus dan menggunakan Bahasa Melayu. Hal ini diterapkan dalam usaha banci penduduk yang dijalankan. Hasil bancian ini diklasifikasikan masyarakat mengikut

---

[414] Abdul Rahman Aziz, *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*, (Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia,(2000), 94-101

[415] Tan Yao Sua (2009), *The British Educational Policy For The Indigenous Community In Malaya: Dualistic Structure, Colonial Interests And Malay Radicaal Nationalism*, CenPRIS Working Paper (200)9,. 1-16

[416] Soda Naoki, The Malay World in Tetidak tbooks: The Transmission of Colonial Knowledge in British Malaya, dalam *Southeast Asian Studies,* Vol. 39, No.2, (2001), 188-230.



University of Malaya

kehendak British sepenuhnya. Setiap ras ini dibezakan mengikut tempat tinggal, pekerjaan dan sistem pendidikan. Mereka tidak mahu ras-ras ini berinteraksi dengan baik sehingga bersepakat melawan British.

4. Ras bukan Melayu seperti Cina dan India akan dibiarkan mengamalkan budaya sendiri dan tidak menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal, tetapi sebagai tempat mereka berkerja semata-mata.

Secara halus ikatan perpaduan ummah Melayu-Islam dileraikan. Raffles sebagai pengasas ilmu kolonial telah memberikan takrifan konsep Melayu mengikut *world-view* Barat yang berasaskan konsep *Nation State* Eropah. Lebih penting lagi, ianya dibuat berasaskan kepentingan kuasa penjajah Barat yang cuba memecah belahkan kawasan Alam Melayu mengikut pembahagian kawasan jajahan takluk British dan Belanda seperti mana termaktub dalam perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824.

Status Melayu dan daerah dunia Melayu dihadkan kepada Tanah Melayu dan beberapa lokasi tertentu. Dalam usaha ini, ia telah memecah belahkan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Asas yang diletakkan ini kemudiannya diteruskan oleh pentadbir British lain seperti Winstedt, Wilkinson, Swettenham dan Hugh Clifford. Bagi Abdul Rahman Embong, konsep *nation state* tajaan British berasaskan semangat asabiyah sempit kepada sesuatu negeri dan kawasan yang tertentu menggantikan semangat perpaduan ummah Islam.[417] Dasar ini lebih merupakan usaha untuk memecah belahkan perpaduan umat Melayu di rantau ini agar tidak menjadi ancaman kepada kuasa penjajah Barat.[418] Mereka tidak mahu orang Melayu

---

[417]Abdul Rahman Embong, " Wacana Globalisasi ", Dalam *Malaysia Menanggani Globalisasi : Peserta Atau Mangsa,* (Bangi : UKM, 2000), 34-43.

[418] Rahimin Affandi Abdul Rahim, " Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektuaal Rantau Malaysia-Indonesia ", Dalam (Edit Oleh Zulkiple Abd. Ghani) *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Ukm Dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Bangi (2003), 47-74.



University of Malaya

terpengaruh dengan ideologi Islam luar negara yang bakal menjejaskan kuasa mereka di Tanah Melayu. Atas dasar itu, dua perkara ataupun dasar telah diperkenalkan.

1. Memandang serius institusi ibadat haji kerana memang terbukti ibadat haji bakal melahirkan semangat anti penjajah. Untuk itu, British seperti mana Belanda di Indonesia telah mengetatkan syarat orang Melayu pergi mengerjakan ibadat haji.

2. Memusuhi mana-mana kerajaan Islam yang menyeru kearah perpaduan ummah Melayu-Islam. Dalam kes di Alam Melayu, kerajaan Aceh telah dijadikan sasaran utama. Kerajaan Aceh telah diburuk-burukkan. Mereka menyebar dakyah buruk bahawa Kerajaan Aceh berusaha memonopoli sumber rempah di Alam Melayu dengan menyerang dan memusnahkan ladang lada hitam di kawasan lain. Aceh juga dikatakan suka menyerang kawasan lain untuk memperluaskan kuasa dan diikuti dengan dasar membawa balik tawanan perang ke Aceh untuk dijadikan hamba dan gundik.[419] Para hamba telah dizalimi oleh masyarakat Aceh. Dalam masyarakat Aceh dikatakan mempunyai ramai hamba dan gundik untuk kepentingan pembesar Aceh.[420] Sarjana-pentadbir British melalui catatan pengembara asing telah menggambarkan Aceh mengamalkan sistem undang-undang hudud yang sangat zalim dan tidak berperi kemanusiaan.[421]

d. **Meremehkan Hasil Karya Intelektual Melayu Islam**

Sarjana-pentadbir British secara terang-terangan menafikan otoriti karya intelektual Melayu Islam seperti kitab Jawi dan sumber sejarah tempatan Alam Melayu. Bagi mereka,

---

[419] William Gervase Clarence Smith, Enunuchs And Concubines In The History Of Islamic Southeast Asia, *Manusya : Journal Of Humanities*, Special Issue no 14, (2007)

[420] Ingrid Saroda Mitrasing, *The Age Of Aceh And The Evolution Of Kingship 1599-1641*, Tesistemtem Ph.D Untuk University Of Leiden, (2011) 232-256

[421] Jajat Burhanudin, The Dutch Colonial Policy On Islam : Reading The Intellectual Journey Of Snouck Hurgronje, *Al-Jami'ah : Journal Of Islamic Studies*, v. 52, no. 1, (2014) 25-58.

sumber sejarah Alam Melayu merangkumi Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Siak, Tuhfat Al-Nafs tidak mengandungi apa-apa faedah yang mengambarkan latar belakang sosio-politik-ekonomi dan intelektual masyarakat Alam Melayu. Ianya penuh elemen feudalisme dan mitos. Hal ini telah diulas dengan cukup baik oleh Dr. Tantiana A. Denisova dan Hussain Othman yang mendedahkan mutu intelektual yang terkandung di dalam kesemua sumber sejarah Alam Melayu.[422]

Mengikut Dr Tatiana Denisova, sarjana-pentadbir kolonial atau sarjana orientalis semacam dirasuk dengan semangat kebencian yang melampau terhadap Islam dan penganutnya yang komitted seperti masyarakat Melayu.[423]

> Salah satu kekurangan yang umum yang terdapat dalam kebanyakan tulisan para orientalis Barat itu adalah sikap negatif dan pengabaian terhadap Islam dan umat Muslim. Sebagai contoh, sikap yang tidak bijaksana itu dan yang cukup tipikal (lazim) untuk ilmu orientalis, yang boleh kita sebut, misalnya tulisan Prof. D. B. Mcdonald, *The Religious Atitude and Life in Islam* (Chicago, 1909) atau H. A. R. Gibb, Modern Trends in Islam (Chicago, 1947)2 . Di dalamnya kedua ilmuwan yang cukup terkenal itu antara lain cuba membuktikan secara bersungguh-sungguh bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah "*psychopath*" dan "*mentally ill*", atau dengan kata lain 'orang gila'. Tentang hal itu Dr. Mukti Ali berkata secara betul: Tak ada seorang pun daripada para ilmuwan Muslim, yang terlintas dalam angannya menyelidiki adakah Jesus Christ orang gila atau tidak. Isa al-Masih dianggap dan dihormati oleh orang Muslim sebagai nabi. Salah satu prinsip yang terutama yang mesti menjadi dasar dalam semua kajian ilmiah itu adalah sikap baik hati dan objektif. Tetapi sampai sekarang juga berbagai-bagai orientalis Barat tidak begitu berminat dengan hasil penelitian yang objektif. Kebanyakannya berusaha saja menggunakan setiap alasan untuk membuktikan sifat-sifat negatif Islam.

Jelasnya lagi;

> Selain itu, tulisan-tulisan para orientalis itu turut menimbulkan dan menyebarkan beberapa prasangka atau "mitos" tentang Islam Melayu dan warisan sejarah Islam Melayu. Yang paling lazim antaranya ialah :

---

[422] Hussain Othman, Conceptual Understanding Of Myths And Legends In Malay History, *SARI*, v. 26, (2008) 91-110.

[423] Tatiana Denisova, Kajian Teks-Teks Melayu Islam Di Barat: Masalah Dan Kesalahfahaman Utama, *Afkar*, Bil 9, (2008) 129-156.

1. Perkenalan pertama orang Melayu dengan Islam dan orang Muslim terjadi pada kurun ke-13 hingga 14 atau selepas itu.
2. Islam datang ke Alam Melayu dari India dan dibawa oleh orang India.
3. Islam dalam Alam Melayu bukan semacam Islam Klasik, Islam Asli, Islam yang betul-betul. Islam Melayu adalah hanya campuran beberapa istilah Islam dengan tradisi Hindu-Buddha India dan paganisme tempatan.
4. Masuknya Islam ke dalam Alam Melayu terjadi waktu itu secara kebetulan sahaja. Islam tidak bermakna dari segi sejarah alam Melayu. Kedatangannya tidak mengubah apa-apa dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu.
5. Islam tidak mempengaruhi dan tidak memajukan perkembangan ekonomi dalam Alam Melayu.
6. Islam adalah sistem pandangan yang sangat agresif sejak awal-awalnya.
7. Orang Barat datang ke Alam Melayu sebagai orang pendamai tanpa tujuan agresif. Merekalah yang berjasa dalam kemajuan masyarakat Melayu.
8. Khazanah persuratan Melayu Islam tidak boleh dianggap sebagai sumber sejarah yang sepatutnya, yang boleh dipercayai.

Sarjana-pentadbir kolonial sejak awal lagi mendokong teori Islamisasi daripada India bagi memperlihatkan bentuk ajaran Islam yang sampai ke Alam Melayu dalam bentuk yang tidak murni. Bagi mereka, Islam yang datang ke Alam Melayu ini pada peringkat awalnya bukanlah dalam bentuknya yang sejati tetapi telah dicirikan dengan beberapa aspek negatif melibatkan para mubaligh yang awal.[424] Hal ini dapat dilihat dalam beberapa keadaan:-

1. Citra Islam yang terpengaruh dengan tamadun era taqlid di dalam dunia intelektual Islam.
2. Islam dalam bentuk kesufian yang kurang menitik beratkan persoalan rasionalisme.
3. Citra Islam yang penuh dengan ciri-ciri popular Islam yang dibawa oleh mubaligh awal.
4. Citra Islam yang terpengaruh dengan ciri-ciri feudalisme timur tengah dan India.

Mereka secara berlebihan mendakwa Islam tidak memberi apa-apa kesan positif kepada masyarakat Melayu, berbanding dengan proses Indianisasi Alam Melayu sebelumnya. Bahkan pengaruh Indianisasi dilihat lebih positif di dalam membawa elemen tamadun kepada masyarakat Alam Melayu. Hal ini dinilai daripada segi wujudnya artifak hebat, wujud

---

[424] Aliza Elias, " Kecenderungan Paksi India : Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam Di Alam Melayu", Mohd Zaidi Ismal (Edit) *Adab Dan Peradaban : Karya Pengi'tirafan Untuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas,* (MPH publishing, 2012), 609-627.



University of Malaya

masyarakat yang damai dan tidak memusuhi kuasa barat.[425] Lebih penting lagi, mereka berlebihan mengagungkan tamadun kebendaan dan sastera Hindu kepada masyarakat Alam Melayu, walaupun kesemuanya tidak mengandungi penggunaan daya artikulasi kritikal dalam kehidupan bermasyarakat.

Sarjana kolonial sering menegaskan bahawa proses Islamisasi Alam Melayu yang diusahakan oleh mubaligh awal penuh dengan paksaan dan tipu muslihat. Mubaligh ini didakwa mempengaruhi masyarakat Alam Melayu untuk bersikap ganas pada bangsa Eropah sebagai akibat daripada semangat Perang Salib yang berlaku di Timur Tengah.

Walaupun mereka berusaha mengumpulkan karya manuskrip Melayu Islam yang dianggap sebagai bahan historiografi milik masyarakat Melayu, tetapi ianya dianggap tidak mempunyai apa-apa kepentingan. Lebih buruk lagi, dalam kajian filologi terhadap manuskrip Melayu-Islam, mereka secara langsung merendahkan keupayaan sarjana Melayu-Islam. Kewujudan karya-karya ini sepatutnya dijadikan sebagai bukti untuk mengetahui tahap kesarjanaan ulama Melayu di dalam usaha mereka mengajar, menyusun dan menerapkan ajaran Islam ke dalam masyarakat. Namun begitu, mereka memandang negatif terhadap pencapaian ulama Melayu yang dikatakan sebagai jumud,[426] tidak menyumbangkan apa-apa sumbangan yang bermakna dalam keilmuan Islam, terlalu terpengaruh dengan pendekatan Taqlid[427]dan terlalu mengikut kehendak raja Melayu.[428]

## 4.5 Kesimpulan

---

[425] Mohd Zariat Abdul Rani, Antara Islam Dan Hinduisme Di Alam Melayu : Beberapa Catatan Pengkaji Barat, *SARI*, v. 23, (2005), 67-82.
[426] M.B. Hooker (1984), *Islamic Law In Southeast Asia*,( Singapore,1984) 36.
[427] M.B. Hooker, " The Translation Of Islam Into South-East Asia ", dalam *Islam In South-East Asia*, (Leiden,1983) 9-11.
[428] Patrick Sullivan (1982), *Social Relations Of Dependence In A Malay State : Nineteenth Century Perak*,( Kuala Lumpur 1982), 76.



University of Malaya

Berdasarkan perbincangan tersebut, jelas dalam perspektif ilmu kolonial bahawa kedudukan budaya masyarakat Melayu dan hukum Islam telah dicitrakan dalam bentuk yang negatif. Mereka tidak bersikap adil dalam menilai keunggulan budaya Melayu Islam kerana hanya mengukur dengan neraca *eurocentric*.

University of Malaya

# BAB LIMA

# PENUTUP

## 5.1 Pengenalan

Kajian ini menumpukan perhatian kepada isu masyarakat dan hukum Islam di Tanah Melayu yang difahami oleh pihak British. Sumber utama untuk mengetahui pandangan pihak British ini diperolehi daripada ilmu kolonial. Ilmu kolonial adalah warisan penjajahan pihak British di Tanah Melayu. Ia adalah ilmu yang dihasilkan oleh sarjana-pentadbir British selama berkhidmat dalam perkhidmatan British di Tanah Melayu. Ia mengandungi serba-serbi maklumat tentang masyarakat Tanah jajahan dalam pelbagai bentuk seperti laporan, hasil bancian, jurnal ilmiah, catatan peribadi, bibliografi dan manuskrip. Ia diasaskan kerangka epistemologi rationalism bagi membincangkan tentang agama, budaya, alam sekitar, tanah tanih, struktur masyarakat, bahasa dan sebagainya. Kerangka asas keilmuaan kolonial ini sebagai konstruksi ilmu masih lagi dipakai sehinggalah selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.

Walaupun penjajahan British merupakan satu takdir sejarah yang pernah melanda Tanah Melayu, impaknya agak besar yang kekal hingga pada sekarang. Para sarjana moden seperti Ahmad Ibrahim, Shamsul Amri Baharudin, Syed Hussein Al-Attas, Mohd Hazim Shah dan Mohd Noor Yazid menegaskan bahawa impak ilmu kolonial ini boleh dikesan dalam aspek perundagan, perlembagaan, pentdbiran, kepolisian, sistem sosio-ekonomi dan pendidikan. Lebih penting lagi ia meninggalkan pengaruh besar dalam bidang epistemologi masyarakat Malaysia semasa.

Realiti pengaruh epistemologi ini dikesan dalam bidang pemikiran, khususnya membabitkan pemikiran hukum Islam. Selepas merdeka, ilmu kolonial dalam bentuk rekod British dan

University of Malaya

koleksi manuskrip Melayu-Islam telah dijadikan antara bahan terpenting untuk mengetahui realiti sejarah Alam Melayu di zaman silam. Ironinya, kupasan sarjana kolonial dianggap paling objektif di peringkat antarabangsa. Hal ini boleh dikesan dalam koleksi historiografi dan rangkaian jurnal-jurnal antarabangsa. Hasilnya, banyak di antara sarjana moden yang terpengaruh dan meneruskan pandangan bias dan negatif apabila menerangkan tentang Islam di Tanah Melayu.

Ini kerana kajian sarjana kolonial yang menggunakan pendekatan *reductionist* terhadap Islam dan masyarakat Melayu mendominasi jurnal akademik klasik. Ia merangkumi jurnal *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (1877) yang menfokuskan kajian tentang sains, sejarah dan kemanusiaan di koloni British. Jurnal awal ini yang bertukar nama menjadi *The Asiatic Society* telah mendapat reputasi sebagai bahan kajian yang paling objektif di kalangan pengkaji aspek sains, sejarah dan kemanusiaan.

## 5.2 Rumusan Kajian

Sesuai dengan status merdeka, sarjana moden berpendapat usaha kaunter ilmu kolonial (orientalisme) perlu dilakukan. Ia kemudiannya menjadi tren falsafah yang berkembang dalam dunia ilmu. Apabila dilakukan pemetaan terhadap tren ilmu anti penjajahan ini, ia terbahagi kepada empat jenis yang utama;

Pertama, pendekatan Sabelturn Studies. Ia di usahakan oleh pemikir daripada benua Afrika dan India. Ia mendedahkan sejarah daripada golongan bawahan yang tertindas. Mereka memainkan peranan utama dalam perjalanan sejarah tetapi peranan mereka dilupakan kerana penulisan sejarah biasanya penuh dengan agenda kolonial dan feudal.



University of Malaya

Kedua, pendekatan pasca kolonialism. Ia mencabar ilmu dan sejarah yang ditulis oleh golongan kolonial. Ia termasuk usaha merekonstruksi kesemua keilmuan yang dihasilkan oleh pihak kolonial Barat. Namun begitu, pendekatan ini masih mempunyai kelemahan kerana masih belum bebas daripada memakai world-view sekular kolonial yang telah diterapkan dalam keilmuan.

Ketiga, pendekatan pro melampau terhadap ilmu kolonial. Dua orang sarjana telah mengesan sikap pro melampau ini yang dipegang oleh masyarakat bekas tanah jajahan. Sarjana pertama adalah Ibn Khaldun yang mengemukakan teori jiwa hamba yang dimiliki oleh bangsa yang pernah dijajah. Mereka akan menganggap kuasa bekas penjajah mereka sebagai suatu bangsa yang maju dan agung, yang patut ditiru oleh bangsa yang pernah dijajah. Manakala Syed Hussein al-Attas pula mengemukakan teori mentality watak tertawan, sikap yang terlalu pro dengan warisan kolonial. Antara sikap golongan ini; mendapat pendidikan daripada institusi pendidikan Barat dan sering taksub dengan teori dan bahan bacaan daripada Barat, sikap suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada Barat, tidak mampu menimbulkan idea baru sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah dan tidak mengamalkan sikap kritikal terhadap teori Barat.

Keempat, pendekatan wasatiyyah yang melahirkan disiplin oksidentalisme. Ia adalah kajian penilaian masyarakat bukan Barat terhadap masyarakat Barat dalam dua aspek iaitu kajian kawasan dan kognitif. Ia dianggap sebagai anti tesis kepada ilmu Kolonial. Disiplin oksidentalisme ini cuba memperbetulkan kesilapan disiplin orientalisme dengan menjadikan ruang fizikal dan abstrak atau pemikiran masyarakat Barat sebagai objek kajian.

Untuk disiplin ini, Syed Naquib al-Attas telah menawarkan pendekatan analisa *world-view* Islam. Ia berpendapat, analisis kritikal perlu dilakukan terhadap falsafah ilmu Barat dalam

University of Malaya

tiga aspek utama. Ia berupa aspek ontologi (apa yang wujud), epistemologi (isu asal usul, dasar, metode dan batas ilmu) dan aksiologi (sistem nilai). Neraca penilaian ini mesti berasaskan pandangan *world-view* Islam. Usaha ini secara langsung memerlukan pemakaian pemikiran meta-kognitif dan usaha *re-defination* terhadap semua konsep yang dihasilkan oleh sistem kognitif Barat

.

Atas dasar itu, dalam menanggani orientalism dan ilmu kolonial, kita perlu melakukan beberapa perkara;

Pertama, memberikan definisi kita sendiri tentang ajaran Islam tanpa perlu bergantung dengan apa yang diberikan oleh orientalis Barat. Asas *world-view* Islam berlandaskan kepada sumber wahyu dan akal terpimpin perlu dipegang kuat.

Kedua, memahami elemen *world-view* Barat yang mendasari ilmu kolonial. Bagi Hamid Zarkashi, *worldview* adalah kepercayaan, perasaan dan apa-apa yang terdapat dalam fikiran orang yang berfungsi sebagai motor bagi keberlangsungan sesuatu tindakan. Ia berupa sistem kepercayaan asas yang integral tentang hakikat diri, realiti, makna eksistensi dan asas bagi aktivitas ilmiah.

Jadi, kita perlu melakukan penganalisaan *world-view* terhadap ilmu kolonial. Dengan cara ini kita mendapati bahawa ilmu kolonial berasaskan *world-view* falsafah kolonialisme. Falsafah ini menganggap kuasa British sebagai penyelamat (*saviour*) masyarakat Melayu. Ia bermatlamat menjajah masyarakat bukan barat. Ia akan memperihalkan masyarakat bukan Barat (*oriental)* untuk tujuan memburukkan, mengatur dan menjajah. Ia adalah hasil kajian yang sama sekali tidak mendapat persetujuan masyarakat *orient*.

University of Malaya

Lebih tepat lagi, ilmu kolonial didapati bersumberkan *world-view* Barat sekular. Asas utamanya adalah falsafah *evolutionism* yang diasaskan oleh Darwin. Ia menganggap tamadun Barat sebagai lebih tinggi berbanding dengan tamadun masyarakat timur. Pencapaian tamadun Barat ini disebabkan kerana penerimaan fahaman sekularisme yang menolak agama di dalam hidup manusia. Sebaliknya, masyarakat selain Barat yang masih berpegang kepada agama telah dianggap sebagai tidak bertamadun yang harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah, melalui proses penjajahan.

Falsafah lain adalah *Diffusionisme* yang menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan, tetapi kerana faktor peniruan pengaruh budaya asing (difusi budaya). Falsafah ini menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan.

Falsafah ketiga adalah paradigma logikal positivisme yang dipakai dalam ilmu kolonial. Paradigma logikal *positivism* (sekularisme) ini menjadi asas kepada metodologi kajian orientalisme. Ia telah diterapkan apabila membangunkan sains Kolonial. Ia adalah falsafah yang menafikan tuhan dan bergantung sepenuhnya kepada akal manusia yang relatif sifatnya.

## 5.3 Dapatan kajian

Kajian ini mendapati beberapa perkara utama. Antaranya;

### 5.3.1 Konstruk Matlamat dan Falsafah Ilmu Kolonial

Memang benar apa yang ditegaskan oleh sarjana moden, bahawa ilmu kolonial dan orientalism adalah anak yang lahir daripada kolonialism. Hasil kerjasama kolonialisme dan

University of Malaya

orientalisme telah melahirkan ilmu kolonial. Penjajah kolonial dengan bantuan sarjana-pentadbir orientalis di tanah jajahan mampu menaklukkan ruang geo-politik dan epistemologi masyarakat tanah jajahan. Tujuan utamanya adalah mendapatkan maklumat holistik tentang masyarakat Melayu daripada aspek kekuatan dan kelemahan yang kemudiannya menyumbang pada usaha pengekalan penjajahan British di Tanah Melayu. Dalam banyak hal, teori negatif orientalis Barat tentang Islam diperkukuhkan hujahnya dengan bantuan rekod kolonial yang beroperasi di Tanah Melayu.

Pihak British dalam mengekalkan program penjajahan mempergunakan dua kaedah. Pertama, kaedah dominasi yang menggunakan kuasa ketenteraan. Kaedah kedua yang jauh lebih penting adalah melalui kaedah hegemoni. Untuk menjayakan kaedah hegemoni ini, bantuan ilmu kolonial amat diperlukan. Ia menggunakan pendekatan intelektual dengan mengkaji mentaliti masyarakat Melayu yang disertakan dengan dasar dan pendekatan yang bersesuaian. Hasilnya, melalui dasar-dasar ini, masyarakat Melayu bersetuju diri mereka dikuasai oleh British kerana ia dibuat melalui saluran yang sah iaitu mendapat pengesahan autoriti Sultan Melayu. Kononnya Sultan Melayu memperkenankan British datang menjajah dengan matlamat untuk mengajar orang Melayu. Ia turut dibantu oleh keunggulan sistem pendidikan British berbanding dengan sistem pendidikan sedia ada di Tanah Melayu.

Falsafah yang mendasari ilmu kolonial berasal daripada tiga falsafah utama. *Pertama*, pegangan agama kristian mazhab protestan. Kajian ini mendapati Marsden, Crawfurd dan Raffles yang merupakan tokoh pembina ilmu kolonial beranggapan bahawa pengeluasan empayar British perlu membawa visi pentamadunan mengikut mazhab Protestan kepada masyarakat dunia. Mazhab Protestan yang menekankan usaha berkerja keras mengejar pencapaian kebendaan sebagai bukti ketaatan beragama diharapkan akan mempengaruhi pihak British dalam program penjajahan.

*Kedua*, falsafah orientalism yang berkembang di India. Ia berasaskan kajian Hindu-Budha yang berkembang di barat sekitar abab 18 yang dikembangkan oleh *The Asiatic Society Of Bengal* berpusat di Calcutta India. Falsafah ini menekankan kepada dua pendekatan utama; *Eurocentric* yang mempercayai bangsa eropah lebih tinggi martabat daripada bangsa lain. Ia dijadikan sebagai premis dan metode analisis yang merendahkan masyarakat bukan Barat. Tugas kuasa British adalah untuk mentamadunkan orang timur.

Misi pentamadunan ini boleh dikesan daripada penegasan Thomas Babington Macaulay, pentadbir tertinggi di Pejabat Tanah Jajahan bahawa status pemikiran Barat berbanding dengan pemikiran peribumi; *a single shelf of a good European library was worth the whole native literature of India.* Ia turut mengatakan bahawa; *education should be Western learning, including science, and that the language of instruction should be English.* Hal yang sama dilakukan oleh Raffles yang mendakwa program pentamadunan memang menjadi agenda pihak kolonial di Tanah Melayu.

Pendekatan kedua adalah pemaksaan sistem epistemologi barat dan menafikan autoriti epistemologi masyarakat timur dalam penulisan sejarah dan ilmu. Akibatnya, sistem epistemologi barat telah mempengaruhi pemikiran masyarakat tanah jajahan. Ia juga menimbulkan rasa rendah diri di kalangan masyarakat tanah jajahan apabila membandingkan diri mereka dengan kuasa penjajah.

Kajian membabitkan isu keagamaan perlu dilipatgandakan kerana ia bakal menjadi pendorong kepada penentangan dominasi penjajahan British. Meniru pendekatan kajian orientalism tentang Islam, seperti mana diamalkan oleh tiga tokoh orientalis, Thomas p. Hughes, Edward Sell dan William Muir di India, mereka akan memulakan premis bahawa Islam adalah agama

University of Malaya

yang salah. Ia diikuti dengan kemudiannya usaha membuktikan kesalahan Islam dengan mencari titik kelemahan Islam.

*Ketiga*, pemakaian prinsip *Logico-Positivism* dalam kajian ilmu. Pejabat Tanah Jajahan di London telah menetapkan bahawa ilmu kolonial perlu dipandu oleh pemikiran *Renaissance*. Ia bersesuaian dengan falsafah positivisme yang hanya mengakui kebenaran ilmiah sebagai apa yang dapat dibuktikan kebenarannya secara empirikal. Ia menolak sama sekali apa-apa elemen metafizik yang tidak boleh dibuktikan secara empirikal.

Ilmu kolonial yang membabitkan kajian etnografi dan persoalan sosial, politik dan ekonomi, termasuk agama perlu dipergunakan pendekatan *logico-Positivism* ini. Hasilnya, mengikut pendekatan ini, sebarang kajian membabitkan isu kemasyarakatan perlu holistik membabitkan sosio, politik, ekonomi, susunlapis masyarakat dan potensi ekologi alam. Atas dasar itu, semua karya atau artifak masyarakat tanah jajahan wajib dikumpulkan kerana ia dianggap mencerminkan pemikiran masyarakat tanah jajahan.

### 5.3.2 Cara Ilmu Kolonial Dibangunkan

Ilmu kolonial dibangunkan melalui usaha sarjana-pentadbir British terpilih yang ditugaskan melakukan proses pengumpulan data etnografi masyarakat Melayu. Ia secara langsung melengkapkan koleksi ilmu kolonial di Tanah Melayu. Mengikut Shamsul Amri Baharudin, ilmu kolonial dibangunkan melalui beberapa langkah utama;

1. Menguasai bahasa peribumi untuk membolehkan proses komunikasi dan menjalankan program *law and order* di dalam masyarakat.

University of Malaya

2. Menjalankan *survey* ataupun kajian tinjauan bagi mengumpulkan maklumat mengenai kehidupan sosial, alam sekitar dan segala perkara yang berkait dengan masyarakat peribumi.

3. Mengumpul maklumat statistikal melalui kaedah banci yang kemudiannya dikategorikan mengikut pembahagian yang khusus.

4. Menyimpan pelbagai bahan dan artifak yang dikutip dari *survey* dan banci untuk dipamerkan kepada kalangan yang berminat.

5. Mengasaskan suatu sistem pengintipan dan perisikan yang dianggap perlu bagi menjamin keselamatan dan kestabilan politik pemerintahan kolonial

6. Membina suatu perpustakaan historiografi yang dicopkan sebagai hak milik peribumi yang kemudiannya dijadikan sebagai bahan utama pengajaran kepada masyarakat.
7. Melakukan proses kajian filologi terhadap koleksi historiografi milik orang Melayu yang kemudiannya diterbitkan dalam pelbagai bentuk penerbitan ilmiah untuk tujuan rujukan pentadbir dan ahli akademik.

### 5.3.3 Proses Pengukuhan Ilmu Kolonial Selepas Merdeka.

Selepas merdeka, ilmu kolonial telah diperkukuhkan melalui beberapa sebab utama. Antaranya;

1. Ilmu kolonial telah diwartakan dalam rangkaian jurnal ilmiah antarabangsa sebagai ilmu yang objektif dan tiada apa-apa agenda bias yang tersembunyi. Ia berkait secara langsung

University of Malaya

dengan penguasaan pihak kolonial Barat (British dan Belanda) terhadap jurnal-jurnal ilmiah ini. Jurnal yang dimaksudkan adalah *The Asiatic Society* dan *The Straits Branch of the Royal Asiatic Society.*

2. Penerimaan dunia akademia bahawa kaedah kajian yang diaplikasikan dalam kajian Alam Melayu memang bersifat objektif. Hal ini ditegaskan oleh Syed Farid Al-Attas sebagai penjajahan akademik dunia Barat terhadap seluruh dunia. Semua falsafah dan teori ilmu Barat akan diikuti tanpa usul periksa.

3. Pihak British sebagai negara bekas penjajah Tanah Melayu memiliki koleksi perpustakaan historiografi yang lengkap tentang Alam Melayu. Koleksi ini terdapat di *British museum* yang menjadi rujukan utama pengkaji zaman moden.

4. Pemimpin politik dan sarjana negara bekas Tanah jajahan menganggap sistem pemerintahan dan epistemologi Barat sebagai yang terbaik. Ia diteruskan tanpa usaha untuk memperbetulkan hal ini.

5. Wujudnya sarjana orientalis moden yang meneruskan kaedah, tema dan teori yang dibawa oleh ilmu kolonial.

### 5.3.4 Pandangan Ilmu Kolonial Tentang Islam Dan Masyarakat Melayu.

Kajian ini memberikan fokus pada 3 isu yang dibincangkan oleh ilmu kolonial, iaitu Islam, masyarakat Melayu dan hukum Islam. Apabila dilakukan pemetaan tokoh sarjana pentadbir British ternyata terdapat 2 generasi utama; generasi pertama dan kedua. Didapati asas-asas

University of Malaya

yang diletakkan oleh generasi pertama telah diikuti oleh generasi kedua dengan sedikit pertambahan idea.

Generasi pertama sarjana pentadbir British adalah mereka yang meletakkan metodologi dan asas teori untuk ilmu kolonial. Mereka terdiri daripada William Marsden (16 November 1754 – 6 October 1836), John Crawfurd (13 Ogos 1783 – 11 Mei 1868) dan Thomas Stamford Raffles (6 Julai 1781 – 5 Julai 1826). Generasi kedua adalah penerus legasi generasi pertama.

Dalam susunan ini, pandangan Raffles lebih diutamakan, kerana ia meletakkan metodologi dan asas teori tentang Islam dan masyarakat Melayu yang hanya diteruskan oleh sarjana-pentadbir British terkemudian. Seperti mana genre orientalism klasik yang begitu taksub dengan pandangan pendahulu, generasi kedua juga melakukan hal sama.

#### 5.3.3.1 Pandangan Tentang Islam

Ilmu kolonial diterangkan sesuai dengan semangat anti Islam yang terbina kerana Perang Salib. Sejak awal kedatangan pihak British di alam Melayu, Islam ditanggap sebagai imej yang sangat negatif. Ia dihasilkan oleh 3 trio sarjana pentadbir British: Marsden, Crawfurd dan Raffles. Asas awal ini telah diteruskan oleh sarjana pentadbir British terkemudian. Ia bersifat kekal dan dianggap sebagai pengancam kewujudan pihak British di Tanah Melayu. Islam dianggap agama yang dicipta oleh Nabi Muhammad hasil peniruan daripada agama Kristian dan tamadun luar.

Atas dasar itu ia dipanggil *Mohamadism* bagi menafikan ia berasal daripada wahyu Allah. Ia penuh dengan keburukan seperti memusuhi orang bukan Islam khususnya orang barat. Ia

University of Malaya

menjadi punca kelemahan masyarakat Melayu yang menyebabkan berlakunya pelbagai penentangan kepada penjajahan pihak British dan penganaiyaan orang bukan Islam. Institusi haji menjadi fokus utama kutukan kerana ianya didapati menjadi punca penentangan masyarakat Melayu terhadap pihak British.

### 5.3.3.2 Pandangan Tentang Masyarakat Melayu

Ia sesuai dengan teori evolusi dan *Oriental Despotic* yang meletakkan orang melayu tergolong dalam kategori masyarakat semi primitif. Antara ciri-ciri yang melekat pada kategori ini adalah otak mereka lemah yang memerlukan bimbingan pihak British untuk membawa ketamadunan Barat. Kelemahan orang Melayu ini turut diperkuatkan dengan *oriental despotic* masyarakat Melayu sebelum kedatangan pihak British berada dalam keadaan huru hara dan penuh kezaliman yang dilakukan oleh raja dan pembesar Melayu. Mangsa utama kezaliman ini adalah masyarakat awam.

Visi membawa tamadun ini dijadikan alasan penjajahan pihak British di Tanah Melayu. Pihak British dikatakan telah memperkenalkan dasar paternalistik kononnya bagi menjaga kepentingan orang Melayu. Namun begitu, apabila dikaji secara mendalam, hal yang sebaliknya telah berlaku. Ia secara langsung telah menjadi usaha meminggirkan lagi orang Melayu di Tanah Melayu.

### 5.3.3.3 Usaha Untuk Menangani Potensi Islam Di Tanah Melayu

Islam dianggap sebagai ancaman kepada masyarakat Melayu dan pihak British. Untuk itu beberapa cara diusahakan oleh pihak British. Antaranya, usaha sarjana-pentadbir British mengaitkan semua punca kelemahan Melayu dengan Islam. Usaha mematikan potensi sistem

University of Malaya

pendidikan Islam melalui pengenalan sistem pendidikan pihak British. Usaha menjauhkan orang Melayu daripada memori keagungan sejarah Tanah Melayu dan Islam serta institusi haji dan mematikan usaha menghidupkan konsep ummah.

#### 5.3.3.4 Pandangan Ilmu Kolonial Tentang Hukum Islam Di Tanah Melayu.

Memandangkan Islam dianggap sebagai musuh, maka Pihak British terlalu sedikit membuat kajian tentang hukum Islam di Tanah Melayu. Apabila dikaji secara mendalam, ada beberapa sebab hal ini dilakukan. Antaranya;

Pertama, tujuan pengumpulan manuskrip hukum Islam hanya untuk melengkapkan koleksi tentang manuskrip hukum Islam semata-mata tanpa perlu diulas untuk tujuan pembelajaran. Apabila dikaji secara mendalam, pihak British tidak memiliki kepakaran lengkap untuk mengkaji hukum Islam yang menyebabkan mereka enggan mengakui kewujudan sistem perundangan Islam di Tanah Melayu.

Kedua, menerimapakai formula Snouck Hurgronje yang mewujudkan pertentangan antara hukum Islam dengan undang-undang adat. Apabila hal ini berlaku undang-undang adat akan mengatasi undang-undang Islam. Apa yang ditekankan adalah undang-undang adat Melayu tiada kaitan dengan Islam. Apabila berlaku pertentangan antara undang-undang adat dan Islam maka undang-undang adat perlu diutamakan.

Sistem adat Melayu dinilai mengikut *world-view* sekular. Mereka menafikan pengaruh Islam dalam undang-undang adat Melayu. Otak dan pendekatan budaya Melayu berinteraksi dengan persekitaran (iklim dan sosial) zaman berzaman sebelum kedatangan Islam ditonjolkan sebagai sistem undang-undang sejati. Sistem undang-undang ini dikatakan lebih baik

berbanding dengan undang-undang Islam. Mengikut *world-view* sekular yang lebih mementingkan praktikaliti materialism, adat Melayu difahami sebagai undang-undang *(code*) buatan akal manusia dan pengalaman interaksi sosial dan tiada kaitan dengan agama.

Ketiga, pihak British memang sejak awal lagi sudah memiliki program untuk memperkenalkan undang-undang Islam versi British di Tanah Melayu. Selepas menolak hukum Islam dalam masyarakat Melayu, mereka telah menerimapakai modus operandi sistem undang-undang Islam versi kolonial. Ia merujuk kepada tafsiran dan kodifikasi hukum Islam yang diamalkan di India iaitu *Anglo-Muhamadan Law*.

Atas kapasiti pembawa tamadun kepada masyarakat Melayu, pihak kolonial bertindak seperti reformis yang membawa kemajuan kepada masyarakat Islam. Hal ini memang berlaku di negara Islam yang menjadi koloni British pada waktu itu. Ia dianggap sebagai *reformation* oleh N. J. Anderson di mana sistem undang-undang Islam di negara umat Islam diubah oleh pihak British. Undang-undang Islam versi British dikatakan cuba diseragamkan ke seluruh koloni British.

**5.3.3.5 Kritikan Terhadap Dasar British Terhadap Hukum Islam Di Tanah Melayu**

Ternyata teori negatif tentang hukum Islam yang diutarakan oleh ilmu kolonial tidak betul. Hal ini ditegaskan berdasarkan beberapa perkara utama.

Pertama, fakta sejarah Alam Melayu menunjukkan bahawa Islam datang secara aman, mesra budaya dan berjaya menimbulkan *world-view rasionalism- intelectual* tahap tinggi dalam masyarakat Melayu. Islam berjaya menghapuskan elemen mitos yang tidak saintifik dalam masyarakat Melayu. Terpenting Islam telah menyerap masuk dalam budaya ( jati diri

University of Malaya

*Malayness* ) dan sistem adat Melayu. Islam telah menerapkan paradigma ilmu sejati dalam masyarakat Melayu.

Pengaruh Islam ini dalam bentuk mengajar elemen epistemologi ilmu (apa sumber, sifat dan bagaimana kehidupan harus dijalankan). Ia termasuk dalam soal perundangan; tentang apa isi dan di mana sumber maklumat taklif syarak boleh didapati. Mencari jawapan terhadap isu-isu perundangan termasuk berkait dengan adat yang timbul. Bahkan masyarakat Melayu memahami bahawa adat bukan setakat tidak dihapuskan seperti didakwa oleh pihak kolonial, bahkan adat yang sahih (*urf*) diterima sebagai sumber hukum Islam bergantung kepada beberapa syarat utama.

Ilmu usul Fiqh telah digunakan oleh sarjana Melayu dalam teks Hukum Kanun Melaka. Oleh yang demikian, terdapat banyak perkara berkaitan isu undang-undang yang dibincangkan dalam Hukum Kanun Melaka ;

a. Pendekatan kodifikasi undang-undang. Hukum Kanun Melaka telah digubal secara rasmi untuk memudahkan rujukan pembesar Melayu yang terlibat dalam pentadbiran negara dan undang-undang.

b. Menerangkan hukum Islam adalah bersumberkan wahyu dan bukan wahyu (ijtihad). Keterangan tentang konsep Maslahah dalam Hukum Kanun Melaka.

c. Hukum Kanun Melaka menerangkan tentang konsep maslahah dalam hukum Islam.

d. Menerangkan tentang konsep siyasah syariahKonsep ini memberikan kuasa kepada pemimpin untuk menguatkuasakan sesuatu perkara bagi kemsalahatan ummah.

e. *Urf* diiktiraf sebagai salah satu sumber dalam penetapan sesuatu hukum. Pengiktirafan kepada *Urf* ini membuktikan dengan jelas bahawa penggubal Hukum Kanun Melaka mempunyai pengetahuan yang mantap dalam ilmu *usul fiqh*. Faktor budaya sepatutnya diambil kira dalam mana-mana undang-undang. Sebilangan sarjana yang mengatakan bahawa sesuatu kebudayaan itu mengandungi panduan dan sistem nilai (aksiologi) tentang apa yang baik dan buruk yang patut dipatuhi oleh anggota masyarakat.

Kedua, pendekatan anti adat dan menganggap kesemua adat Melayu berasal dari warisan pra-Islam yang bertentangan dengan Islam boleh dikatakan tidak tepat. Ini adalah kerana kerana Islam sentiasa meraikan adat dan budaya tempatan.Abdullah Alwi Haji Hassan ;

> “ *pengubahsuaian pengamalan adat-adat Melayu ini kepada prinsip Islam merupakan proses yang berlaku tanpa henti, kerana Islam itu sendiri sentiasa bergerak ke depan tanpa kelesuan”*

Ketiga, kritikan versi kolonial terhadap sistem Undang-Undang Islam. Teks Anglo-Muhammadan Law tajaan British mempunyai beberapa masalah;

